



# LAPORAN EKONOMI 2022/2023

**NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM**

**Laporan Ekonomi 2022/2023**  
**Negeri Johor Darul Ta'zim**

# Isi Kandungan Laporan Ekonomi Negeri Johor 2022/2023

<b>BAB 1: EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022</b> .....	9
<b>EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2022</b> .....	9
Inflasi Global .....	10
Perdagangan Global .....	12
Komoditi Global .....	13
Tenaga Kerja Global .....	17
Pasaran Kewangan Global .....	18
Pertumbuhan Ekonomi-Ekonomi Utama Dunia .....	23
Amerika Syarikat (AS).....	23
Kawasan Euro .....	26
Jepun.....	26
China .....	27
Singapura.....	28
Pertumbuhan Di Kalangan negara yang berkembang pesat dan sedang membangun (EMDE) ..	28
<b>EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2022</b> .....	30
Keadaan Inflasi .....	33
Pertumbuhan KDNK.....	34
Pertumbuhan Mengikut Sektor .....	35
Sektor Utama .....	35
Sektor Perindustrian.....	35
Sektor Perkhidmatan .....	36
Perbelanjaan Penggunaan Akhir .....	36
Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK).....	37
Eksport dan Import .....	37
Harga Pengguna.....	38
Pasaran Buruh.....	38
Penduduk Luar Tenaga Buruh.....	42
Produktiviti Buruh .....	42
<b>PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR</b> .....	43
Pengenalan .....	43
Pertumbuhan KDNK.....	45
<b>SUMBANGAN NEGERI JOHOR KEPADA EKONOMI MALAYSIA</b> .....	46
Sumbangan Mengikut Sektor.....	46
<b>PERGERAKAN HARGA PENGGUNA</b> .....	49
Harga Pengguna di Negeri Johor .....	50
<b>PENDUDUK NEGERI JOHOR</b> .....	52
Taburan Penduduk Mengikut Daerah .....	54

<b>TENAGA BURUH</b> .....	54
Penawaran Tenaga Buruh .....	54
Penduduk Bekerja .....	55
Umur Tenaga Kerja .....	55
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) .....	56
Taburan Penduduk Bekerja .....	58
Pendapatan Isi Rumah .....	59
<b>PELABURAN</b> .....	63
Suasana Pelaburan Negara .....	63
Pelaburan Di Tahun 2022 .....	64
Pelaburan Mengikut Sektor .....	65
Sektor Pembuatan .....	65
Sektor Utama .....	66
Sektor Perkhidmatan .....	66
Pelaburan Di Negeri Johor .....	67
<b>BAB 2: SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR, 2022</b> .....	71
<b>PENDAHULUAN</b> .....	71
<b>PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR PERINDUSTRIAN NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2022</b> .....	71
<b>SEKTOR UTAMA</b> .....	72
<b>PERTANIAN</b> .....	72
Kelapa Sawit .....	73
Getah .....	78
<b>PERIKANAN</b> .....	79
<b>TERNAKAN</b> .....	82
<b>PERHUTANAN &amp; PEMBALAKAN</b> .....	84
<b>PERTANIAN LAIN</b> .....	86
<b>PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN</b> .....	88
<b>PEMBUATAN</b> .....	90
Nilai Ditambah Sektor Pembuatan .....	90
<b>PEMBINAAN</b> .....	92
Unit Perumahan .....	95
Bangunan Industri .....	98
Kompleks Perniagaan .....	100
Kompleks Riadah .....	100
<b>BAB 3: SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022</b> .....	103
<b>PENDAHULUAN</b> .....	103
<b>SEKTOR UTILITI</b> .....	104
Air .....	104
Elektrik .....	107

<b>SEKTOR PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN</b> .....	109
Perdagangan Borong .....	109
Perdagangan Runcit .....	110
Perkhidmatan Perniagaan Kenderaan Bermotor .....	112
Perkhidmatan Restoran, Makanan dan Minuman .....	113
Hotel dan Penginapan .....	115
<b>SUBSEKTOR PELANCONGAN</b> .....	115
Ketibaan dan Terimaan Pelancong .....	115
Pelancong Asing .....	116
Pelancong dan Pelawat Domestik .....	118
<b>SEKTOR PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI</b> .....	119
Perkhidmatan Pengangkutan Dan Penyimpanan .....	119
Pengangkutan Darat .....	120
Pengangkutan Jalan Raya .....	120
Pengangkutan Rel .....	121
Pengangkutan Laut .....	123
Pengangkutan Udara .....	124
Subsektor Perkhidmatan Maklumat Dan Telekomunikasi (ICT) .....	126
Pemilikan Telefon .....	127
Penggunaan Komputer dan Kemahiran ICT .....	127
Penggunaan Internet .....	127
<b>KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN</b> .....	128
Kewangan & Insurans .....	129
Hartanah .....	130
Perkhidmatan Profesional, Saintifik dan Teknikal .....	133
<b>SUBSEKTOR PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN</b> .....	133
Pendidikan Swasta .....	133
Perkhidmatan Kesihatan Swasta .....	133
Hiburan, Kesenian dan Rekreasi .....	134
<b>PERKHIDMATAN KERAJAAN</b> .....	134
<b>BAB 4: PERKEMBANGAN WILAYAH-WILAYAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI</b>	
<b>JOHOR</b> .....	137
<b>BAHAGIAN SATU: WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA</b> .....	137
<b>Pengenalan</b> .....	137
<b>Pembangunan Iskandar Malaysia</b> .....	137
<b>Pelaburan ke dalam Wilayah Iskandar Malaysia</b> .....	138
Nilai Pelaburan Terkumpul .....	138
<b>FAKTOR PEMANGKIN PEMBANGUNAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA</b> .....	139
Agenda Penjanaan Kekayaan .....	139
Agenda Perkongsian Kekayaan Dan Keterangkuman Sosial .....	140

Penjanaan Pekerjaan dan Pembangunan PKS .....	140
Agenda Mengoptimumkan Sumber Dan Bandaraya Pintar .....	141
Pemantauan dan Kelestarian Alam Sekitar .....	141
Bandaraya Pintar .....	144
Infrastruktur Dan Pengupaya ( <i>Enabler</i> ) .....	145
Jalan Raya .....	145
Bekalan Elektrik .....	145
Bekalan Air .....	145
Sedenak Tech Park .....	146
Mitigasi Kesesakan di Tambak Johor – Singapura .....	146
Projek-Projek Pemangkin dan Berimpak Tinggi .....	147
Inisiatif Pertanian Moden .....	147
<b>EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2022</b> .....	<b>148</b>
Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Iskandar Malaysia .....	151
Sektor Industri .....	<b>151</b>
Sektor Perkhidmatan .....	<b>152</b>
Pasaran Pekerja Dan Gunatenaga Pada 2022 .....	<b>153</b>
Unjuran Ekonomi Iskandar Malaysia Pasca 2022 .....	<b>154</b>
<b>ISKANDAR MALAYSIA DAN CABARAN DI TAHUN-TAHUN PASCA 2022</b> .....	<b>155</b>
Tumpuan Kepada Inisiatif dan Plan Hijau .....	155
Pengawalan Hutan Rimba .....	155
Biodiversiti .....	<b>157</b>
Indeks Pembangunan Manusia .....	157
<b>BAB 5: SUASANA EKONOMI DI TAHUN 2023</b> .....	<b>160</b>
<b>Pengenalan</b> .....	<b>160</b>
<b>EKONOMI GLOBAL DI TAHUN 2023</b> .....	<b>160</b>
Suasana Ekonomi .....	160
<b>PERKEMBANGAN EKONOMI DALAM KONTEKS GLOBAL</b> .....	<b>162</b>
Perdagangan Global .....	162
Inflasi Global .....	163
Pasaran Kewangan .....	164
<b>NEGARA-NEGARA EKONOMI UTAMA</b> .....	<b>165</b>
Perkembangan dan Prospek Ekonomi Maju .....	165
Amerika Syarikat .....	<b>165</b>
Kawasan Euro .....	<b>166</b>
Jepun .....	<b>166</b>
China .....	<b>166</b>
<b>PERKEMBANGAN DAN TINJAUAN NEGARA-NEGARA EMDE</b> .....	<b>167</b>
Perkembangan Mutakhir .....	167

Prospek Ekonomi EMDE .....	168
<b>TINJAUAN EKONOMI NEGARA-NEGARA BERPENDAPATAN RENDAH (LIC)</b> .....	169
Pendapatan Per Kapita .....	170
<b>TINJAUAN RISIKO GLOBAL</b> .....	171
<b>EKONOMI SINGAPURA DI TAHUN 2023</b> .....	171
Tinjauan Ekonomi Singapura Bagi Keseluruhan Tahun 2023 .....	172
<b>TINJAUAN MATAWANG KEPADA ECONOMY MALAYSIA</b> .....	174
Ringgit Malaysia (MYR) .....	174
Dolar Singapura (SGD) .....	174
<b>EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2023</b> .....	175
Pelaburan .....	177
Permintaan Domestik .....	178
Harga Pengguna.....	178
Situasi Tenaga Buruh Negara Di Suku Kedua 2023 .....	179
Pengangguran .....	180
Luar Tenaga Buruh .....	180
Aktiviti Perdagangan Malaysia .....	180
<b>EKONOMI NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2023</b> .....	180
Perkembangan Sektor-Sektor Ekonomi .....	182
Unjuran KDNK Negeri Johor Bagi Tahun 2023 .....	183
Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor Bagi Tahun 2023 .....	183
<b>TENAGA BURUH NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2023</b> .....	187
Tenaga Buruh .....	187
<b>EKONOMI PADA TAHUN 2023-2025</b> .....	189
Ekonomi Dunia pada Tahun 2024.....	189
Ekonomi Malaysia Di Tahun 2024 .....	191
Ekonomi Negeri Johor Pada Tahun 2024 .....	192
<b>BAB 6: KONSEP ‘DEVELOPED STATE’ DAN CADANGAN</b> .....	197
<b>PENGENALAN</b> .....	197
<b>CADANGAN MENGLASIFIKASIKAN “DEVELOPED STATE”</b> .....	197
Latar Belakang .....	197
Ciri-Ciri Negara Maju.....	197
Klasifikasi Dari Sudut Negara Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu .....	197
<b>NEGERI JOHOR SEBAGAI SEBUAH “DEVELOPED STATE”</b> .....	198
Penyumbang Kepada KDNK Negara Yang Kuat.....	198
Lokasi Ekonomi Yang Strategik .....	198
Sektor Perkhidmatan yang Kukuh dan Stabil .....	198
Kekal Meraih Jumlah Pelaburan Yang Besar .....	198
Tahap Urbanisasi Yang Lebih Tinggi Dari Tahap Nasional .....	199
Pendapatan Isi Rumah Yang Tinggi Dikalangan Penduduk Negeri Johor .....	199

Johor Sebagai Sebuah “Developed State” Berdasarkan HDI .....	200
<b>PERBINCANGAN DASAR DAN ANALISIS SWOT .....</b>	<b>201</b>
Analisis Keadaan Semasa Ekonomi Negeri Johor Dan Arah Masa Depan .....	201
Analisis SWOT .....	202
<b>KENYATAAN CABARAN .....</b>	<b>205</b>
<b>HASIL DISKUSI .....</b>	<b>206</b>
<b>EKONOMI HIJAU .....</b>	<b>206</b>
Peta Jalan Peralihan Tenaga Bersih (NETR) .....	206
Sokongan Dari Sektor Swasta dan Pihak Luar .....	207
<b>EKONOMI DIGITAL .....</b>	<b>207</b>
Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDI) .....	207
NaDI di Negeri Johor .....	208
Kesimpulan .....	208



# **BAB 1 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022**

**LAPORAN EKONOMI**

**NEGERI JOHOR**

**2022 / 2023**

## **BAB 1: EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022**

### **EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2022**

Selepas pemulihan daripada pandemik pada tahun 2021, ekonomi global dihadapi dengan pelbagai kejutan baru pada tahun 2022. Impak daripada pandemik COVID-19, isu-isu dalam negeri di China, konflik ketenteraan di Ukraine, inflasi yang meningkat, dan dasar monetari yang lebih ketat merupakan antara perkembangan utama yang membentuk landskap ekonomi global pada tahun 2022. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan menyederhana kepada 3.4% dan 5.4%<sup>1</sup>, masing-masing, berbanding dengan tahun 2021 di mana pertumbuhan tersebut adalah 6.2% dan 10.4%, masing-masing.

Walaupun menghadapi cabaran ini, terdapat peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan global disebabkan oleh permintaan yang terpendam hasil daripada penutupan dan sekatan semasa pandemik COVID-19 berleluasa. Banyak negara telah mengugurkan langkah kawalan dan beralih ke fasa endemik. Inflasi global meningkat disebabkan oleh faktor bekalan dan permintaan. Kenaikan pesat dalam harga komoditi utamanya disebabkan oleh gangguan dalam rantai bekalan akibat konflik di Ukraine dan dasar sifar-COVID China. Walaupun keadaan ekonomi dunia masih berdepan dengan beberapa faktor yang telah disebut, salah satu ekonomi utama dunia iaitu China telah menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan yang positif terutamanya dari segi keadaan tenaga buruh. Manakala selain daripada sektor-sektor industri yang lain, industri perlancongannya juga telah menunjukkan pertumbuhan yang positif setelah kawalan terhadap COVID-19 telah ditamatkan.

Pada tahun 2022, pasaran buruh China secara amnya stabil. Sebanyak 11.06 juta pekerja baru diwujudkan, melebihi sasaran tahunan 11 juta yang ditetapkan pada awal tahun. Kadar pengangguran

di kawasan bandar yang ditinjau telah meningkat dalam beberapa bulan disebabkan oleh pandemik


Covid-19 dan faktor lain, telah mencapai purata 5.6% untuk sepanjang tahun 2022. Kadar pengangguran belia yang ditinjau manakala telah menurun secara berterusan sejak suku ketiga, kepada 16.7% pada bulan Disember, turun 3.2 mata peratusan daripada paras Julai.

Sementara itu, analisis terhadap industri perlancongan di China telah menyaksikan bagaimana wabak COVID-19 telah memaksa bahagian bekalan (supply-side) untuk melakukan pembaharuan dan memanfaatkan potensi struktur industri perlancongan yang dilanda wabak itu. Hasil dari itu, industri pelancongan telah melalui rombakan, pembaharuan dan inovasi, yang mempercepatkan transformasinya untuk ia bergerak ke hadapan. Wabak ini juga telah mengubah pemikiran warga China dan membuka cara perjalanan baru. Permintaan pelancongan generasi muda yang semakin meningkat dan berunsurkan teknologi juga telah mewujudkan asas pasaran yang luas untuk pembangunan pelancongan domestik yang mampan.

Tanda-tanda pemulihan perjalanan pelancong yang kukuh ketara pada cuti Tahun Baru Cina 2023, dengan sebanyak 308 juta perjalanan domestik menjana hampir RMB 376 bilion hasil pelancongan. Peningkatan ini menunjukkan bahawa volum perjalanan domestik telah pulih kepada 90% daripada angka 2019, dan perbelanjaan telah melonjak kepada sekitar 70% daripada tahap pra-pandemik.

---

<sup>1</sup> BNM Economic and Monetary Review 2022




**Rajah 1.1: KDNK global dan pertumbuhan KDNK, 2000-2022**

Sumber: International Monetary Fund (IMF)

## Inflasi Global

Apabila tahun 2022 bermula, pemulihan ekonomi global dipengaruhi secara besar oleh tindak balas dasar terhadap pandemik COVID-19. Apabila bilangan kes COVID-19 mulai reda dan tahap vaksinasi mencapai paras yang disasarkan, banyak negara telah mengugurkan langkah kawalan mereka dan membuka semula sempadan antarabangsa. Sebelum separuh pertama tahun 2022, langkah-langkah kawalan telah digugurkan sepenuhnya untuk kebanyakan negara. Perubahan ke arah menjadi endemik menyokong aktiviti perdagangan global secara beransur-ansur sepanjang tahun 2022 di sokong juga oleh permintaan yang tinggi.

Namun begitu, dengan permintaan yang tinggi, pasaran buruh yang ketat, dan harga komoditi yang tinggi telah menyebabkan inflasi mencapai tahap tertinggi sejak tahun 2000 (Rajah 1.2), terutamanya di ekonomi negara maju. Bank-bank pusat menaikkan kadar faedah dengan cara agresif menyebabkan pengetatan secara meluas dalam keadaan kewangan (apabila bank-bank pusat menaikkan kadar faedah, pengguna akan mengurangkan perbelanjaan dan secara tidak langsung mudah tunai kewangan menurun (punca berlakunya peningkatan dalam inflasi menyebabkan kuasa membeli merosot). Rentetan itu, ketidakpastian ekonomi dan geopolitik sekaligus menyebabkan keadaan kewangan menjadi lebih ketat secara amnya dan aktiviti penghindaran risiko menjadi lebih giat).



**Rajah 1.2: Kadar Inflasi Global, 2000-2022**

Sumber: IMF

Hasil daripada tindakan bank-bank pusat ini mempunyai risiko jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, memperketatkan dasar monetari dengan menaikkan kadar faedah dengan ketara dan pada kadar yang pantas ini secara tidak langsung menyebabkan penurunan tingkat upah, penurunan peluang pekerjaan dan turut menyebabkan tingkat pendapatan negara mengalami penurunan. Dalam jangka sederhana hingga panjang, jalan monetari boleh mengukuhkan fasa endemic dan membina daya tahan ekonomi yang lebih mampan dan bersifat inklusif.

Kesan risiko global ini adalah tidak seimbang, apa yang boleh diperhatikan adalah seperti peningkatan bilangan sekatan ke atas perdagangan antarabangsa yang menunjukkan bahawa pertumbuhan jangka panjang juga boleh dilemahkan oleh pemecahan geopolitik dan ekonomi yang semakin meningkat. Peningkatan selanjutnya dalam ketegangan geopolitik boleh mengakibatkan pasaran kewangan, perdagangan, buruh dan komoditi semakin berpecah kepada blok-blok serantau.

Manakala dengan mengurangkan penyebaran teknologi dan kecekapan peruntukan modal dan sumber, ini akan menurunkan produktiviti,


menaikkan harga, dan menjadikan pembangunan yang diterajui eksport lebih mencabar untuk dicapai. Ia juga boleh menjadikan sektor kewangan lebih tidak menentu dengan mengurangkan skop untuk kepelbagaian risiko.

Selain daripada kesan kepada peluang pertumbuhan ekonomi, walaupun inflasi utama telah mula menurun di kebanyakan negara, inflasi teras secara amnya kekal jauh di atas sasaran bank pusat. Walaupun pengetatan monetari global berterusan bersama pertumbuhan ekonomi yang perlahan, inflasi teras terus terbukti masih berterusan daripada yang dijangkakan hasil daripada pasaran buruh yang berdaya tahan dan perbelanjaan pengguna.

Oleh yang demikian juga, kejutan negatif kepada bekalan boleh menaikkan harga komoditi. Gangguan ketara kepada bekalan minyak yang disebabkan oleh gangguan geopolitik boleh memberi kesan berterusan ke atas pasaran global, memandangkan OPEC mempunyai kapasiti ganti yang terhad untuk mengimbangi kekurangan besar dalam pengeluaran minyak. Harga tenaga yang lebih tinggi akan menembusi harga pengguna teras, dan seterusnya meningkatkan risiko jangkaan inflasi.

Inflasi di ekonomi serantau Asia juga meningkat, walaupun kekal lebih rendah berbanding dengan negara ekonomi maju dan kawasan lain di dunia (Rajah 1.3). Ini sebahagiannya disebabkan oleh

kawalan harga dan subsidi tenaga yang sedia ada di sesetengah ekonomi, serta inflasi yang lebih rendah pada makanan asas di Asia.




**Rajah 1.3: Kadar Inflasi Global Di Beberapa Bahagian Dunia, 2022**

Sumber: IMF

## Perdagangan Global

Walaupun wujud ketegangan dan risiko dasar, perdagangan global berkembang hampir seiring dengan pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2022. Namun begitu, Ini menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan daripada tahun

2021, disebabkan terutamanya oleh kombinasi gangguan rantai bekalan yang berterusan, permintaan yang lemah untuk barangan tahan lama pengguna, dasar monetari yang agresif, dan caj penghantaran yang tinggi.




**Rajah 1.4: Trend Dalam Nilai Ekspot Global Perdagangan Barangan, 2000 - 2022 (USD Bilion)**

Sumber: United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)


Diperingkat tadbir urus perdagangan antarabangsa, walaupun perjanjian yang dicapai dalam Persidangan Menteri Kedua Belas Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kelihatan memberikan mesej positif, Keputusan yang bernilai bagi negara membangun utamanya adalah berkaitan dengan tindak balas kecemasan terhadap ketidakstabilan makanan

dan pandemik Covid-19, meskipun terdapat desakan beberapa ekonomi maju terhadap perjanjian pelepasan di bawah undang-undang Pencapaian in termasuk Hak Kekayaan Intelek Berhubungan dengan Perdagangan (TRIPS) yang boleh membantu negara membangun menanggapi pandemik.



**Rajah 1.5: Perubahan Volum Dagangan Barangan Global, Januari 2020 - Disember 2022**

Sumber: Netherlands Bureau for Economic Policy Analysis



**Rajah 1.6: Indeks Ekspot Barangan Global, Januari 2019 - Disember 2022**

Sumber: Dallas Federal Reserve

### Komoditi Global


Perang di Ukraine telah berlaku semasa harga komoditi yang tinggi bagi pelbagai kategori, dan konflik tersebut memburukkan lagi tekanan harga

yang meningkat. Kenaikan harga ini diburukkan lagi oleh larangan eksport di negara-negara pengeksport komoditi utama ini sebelum Februari 2022. Perang itu telah memberikan impak global yang buruk terhadap pasaran komoditi, kerana peranan penting yang dimainkan

oleh Rusia dan Ukraine dalam bekalan makanan, mineral, dan tenaga di peringkat antarabangsa. Bersama-sama, Ukraine dan Rusia menyumbang kira-kira 30% gandum dunia, 20% jagung, dan lebih daripada 50% minyak bunga matahari. Persekutuan Rusia dan Belarus yang berdekatan menyumbang kira-kira 20% eksport baja dunia.

Gabungan faktor yang disebabkan oleh perang, termasuk gangguan pengeluaran, gangguan kepada pautan pengangkutan, dan pelaksanaan

langkah ekonomi yang terbatas, telah memberikan tekanan yang ketara terhadap bekalan bahan-bahan ini dari tiga negara ini. Hasilnya adalah kekurangan bekalan antarabangsa dan lonjakan harga yang tinggi, terkesan dalam peningkatan sebanyak 15% dalam indeks harga komoditi secara keseluruhan pada Mac–April 2022. Lonjakan harga yang paling drastik diperhatikan dalam komoditi tenaga; ini meningkat sebanyak 25% dalam dua (2) bulan selepas bermulanya perang




**Rajah 1.7: Purata Harga Minyak Mentah Brent Bulanan, Januari 2021 - Disember 2022**

Sumber: Energy Information Administration (EIA)

Harga minyak dan gas dunia terus terkesan, berikutan beberapa faktor termasuk sekatan eksport, kekurangan buruh dan juga disebabkan oleh konflik Russia-Ukraine. Berikutan ini, harga minyak mentah Brent meningkat dengan pesat dari hampir USD100 setong pada malam sebelum perang hingga lebih dari USD120 setong hanya dua minggu kemudian. Namun, pelepasan 180 juta tong dari simpanan petroleum

strategik Amerika Syarikat, serta kesiapsiagaan China dan India untuk menerima eksport minyak Federasi Rusia memanfaatkan diskaun yang signifikan pada perdagangan minyak mentah jenis Urals negara itu berbanding dengan penanda aras harga yang lain, membuktikan mencukupi untuk memastikan bekalan minyak global tidak terjejas lebih teruk.




**Rajah 1.8: Indeks harga gas asli bulanan di seluruh dunia, Januari 2020 - Disember 2022**

Sumber:IMF

Harga gas asli telah menjadi lebih sensitif terhadap konflik ini, memandangkan kebergantungan yang tinggi terhadap negara Eropah pada bekalan gas asli dari federasi Russia. Oleh kerana sistem pengedaran tetap (iaitu, paip) diperlukan untuk menghantar gas, alternatif yang sedia ada untuk produk tenaga ini tidak mudah ditemui. Keputusan Jerman untuk menghentikan projek paip gas Laut Baltik Nord

Stream-2, disahut Kesatuan Eropah untuk mengurangkan import gas Rusia dua pertiga menjelang akhir tahun, dan penutupan serentak aliran gas ke benua oleh pihak berkuasa Persekutuan Rusia menimbulkan lonjakan harga gas asli Eropah; ini meningkat mendadak pada April 2022 berbanding dengan April 2021 (Rajah 1.9).




**Rajah 1.9: Harga bulanan gas asli cecair Indonesia di Jepun, Januari 2019 - Disember 2022**

Sumber:IMF

Oleh kerana gas asli cecair (LNG) adalah pengganti bagi gas asli, harga LNG hampir 30% lebih tinggi pada Jun 2022 berbanding dengan Januari 2022 dan lebih dari dua kali ganda dari tahap yang dicatat setahun sebelumnya pada Jun 2021. Pergerakan harga ini menambah

kepada kos import negara-negara membangun yang mengimport LNG dan menyebabkan beberapa negara membangun menghadapi pergantungan LNG sebagai keperluan tenaga mereka.




**Rajah 1.10: Pengeluaran Keluli Mentah Dunia, 2012 - 2022**

Sumber: World Steel Association

Pertumbuhan ekonomi China yang lebih rendah juga telah mengurangkan permintaan bagi komoditi. Ini terutamanya berlaku dalam kes logam industri di mana permintaan China adalah komponen global yang berlebihan. Dari aspek bekalan perjanjian yang ditandatangani antara federasi Rusia dan Ukraine pada pertengahan


Julai 2022 dan diperbaharui pada November 2022 membolehkan beberapa pelabuhan Ukraine di Laut Hitam dibuka semula untuk menghantar gandum dan bahan lain, serta membantu meredakan tekanan harga ke atas produk-produk ini.



**Rajah 1.11: Harga Bulanan Untuk Gandum Di Amerika Syarikat. Januari 2018 - Disember 2022 (USD Setiap Tan Metrik)**

Sumber: World Bank

Walaupun harga gandum dan jagung meningkat, kebimbangan tentang trend kenaikan berterusan dalam harga komoditi dikurangkan apabila penurunan yang ketara diperhatikan dalam harga



**Rajah 1.12: Purata Harga Penutupan Jagung Di Seluruh Dunia, 2010 - 2022 (USD Setiap Gantang)**

Sumber: Macrotrends

pelbagai komoditi bermula dari April 2022 seterusnya. Pada pertengahan tahun 2022, harga bijirin telah kembali kepada tahap yang dilihat sebelum bermulanya peperangan.

Beberapa faktor menyumbang kepada penurunan umum dalam harga komoditi ini, di antaranya adalah pengetatan dasar monetari yang lebih ketara daripada yang dijangkakan dalam ekonomi yang membangun, dan penurunan kemudian dalam pertumbuhan ekonomi, secara langsung menurunkan permintaan global terhadap bahan mentah ini.


## Tenaga Kerja Global

Pasaran buruh dan aktiviti perkhidmatan mencatatkan pemulihan yang ketara, dengan sokongan daripada keadaan yang kembali kepada keadaan normal selepas pandemik. Pembukaan semula kilang, pemulihan kepada situasi ketiadaan pekerja akibat COVID-19 dan peningkatan kebolehsuaian firma juga membantu melegakan keadaan rantaian bekalan yang terjejas oleh pandemik.

Namun, corak pemulihan berbeza di seluruh rantau, negara, dan sektor. Sejak bermulanya pemulihan, trend pertumbuhan pekerjaan di

negara berpendapatan rendah dan sederhana tetap jauh di bawah yang diperhatikan dalam ekonomi yang lebih kaya, terutamanya disebabkan kadar vaksinasi yang lebih rendah dan ruang fiskal yang terhad di negara membangun. Impaknya amat serius terutamanya bagi negara membangun yang mengalami tahap ketidakseimbangan yang lebih tinggi, keadaan pekerjaan yang lebih berbeza, dan sistem perlindungan sosial yang lebih lemah sebelum wabak.

Tambahan pula, ekonomi membangun yang bergantung kepada eksport barang berorientasikan buruh atau komoditi telah menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan permintaan yang berubah-ubah akibat ketidakstabilan pertumbuhan ekonomi yang berkaitan dengan pandemik. Ekonomi yang bergantung kepada pelancongan mengalami kesulitan yang besar akibat penutupan sempadan dan kehilangan punca pendapatan yang berlaku.




**Rajah 1.13: Kadar Pengangguran Global, 2003 - 2022 (%)**

Sumber: World Bank

Seperti yang diketengahkan sebelum ini, pemulihan pasaran tenaga buruh adalah yang terpanjang di negara berpendapatan tinggi. Ini menyumbang kira-kira separuh daripada penurunan pengangguran global di antara 2020 dan 2022 namun ia hanya

membentuk kira-kira satu perlima daripada tenaga buruh global. Sebaliknya, sejak mula pandemik, negara berpendapatan sederhana mengalami pemulihan yang terburuk, dan mereka juga mengalami pemulihan yang paling perlahan.




**Rajah 1.14: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh, 2005 – 2022**

Sumber: International Labour Organisation

Secara kasar, ramai daripada pekerja yang meninggalkan pasaran tenaga buruh tidak kembali selepas pandemik, oleh itu tahap pengangguran masih dianggarkan tidak mengambarkan impak krisis pekerjaan sebenarnya. Kadar penyertaan tenaga buruh global, yang telah merosot hampir 2% di antara tahun 2019 dan 2020, dijangka pulih hanya

sebahagian kecil kepada hampir 59.3% dalam 2022, kira-kira 1% di bawah tahap tahun 2019. Kadar pengangguran global dijangka kekal di atas tahap tahun 2019 sehingga sekurang-kurangnya 2023. Jumlah keseluruhan penganggur dijangka menurun sebanyak 7 juta pada tahun 2022 kepada 207 juta; berbanding dengan 18 juta pada tahun 2019<sup>2</sup>.

### Pasaran Kewangan Global



**Rajah 1.15: Kadar dasar bank pusat negara maju dan negara sedang membangun, 2019-2022**

Sumber: Bank for International Settlements

<sup>2</sup> International Labour Organisation


Pada tahun 2022, pasaran kewangan global mengalami pengetatan monetari yang belum pernah terjadi sebelumnya kerana bank-bank pusat menaikkan kadar faedah secara agresif terutamanya untuk menguruskan risiko daripada inflasi yang lebih tinggi dan lebih berkekalan daripada yang dijangkakan. Khususnya, bank pusat dan pelabur secara berterusan cuba menyesuaikan pandangan dasar monetari mereka apabila tekanan inflasi global terbukti tidak terlalu berpanjangan daripada yang dijangkakan sebelum ini.

Namun, bersama-sama dengan ketidakpastian ekonomi dan geopolitik yang meningkat hampir sepanjang tahun, telah menyumbang kepada pengetatan secara meluas dalam pasaran kewangan dan peningkatan risiko pasaran. Pembangunan ini telah memberi kesan kepada semua jenis aset kewangan.

Dengan merosotnya keadaan kewangan sejak suku terakhir tahun 2021, aliran modal bersih ke negara membangun bertukar menjadi negatif.


Kira-kira 90 negara membangun telah mengalami kejatuhan mata wang mereka terhadap dolar pada tahun ini, dengan lebih dari sepertiga mengalami penurunan lebih dari 10%. Penyebaran bon juga meningkat, dengan jumlah yang semakin bertambah menunjukkan hasil 10% lebih tinggi daripada bon Amerika Syarikat, disertai dengan penurunan simpanan pertukaran.

Pada masa ini, 46 negara membangun menghadapi pendedahan serius kepada kejutan kewangan dan 48 lagi dianggap pendedahan serius; ancaman krisis hutang global menjadi lebih serius. Negara membangun telah menggunakan anggaran sebanyak USD379 bilion untuk mempertahankan mata wang mereka pada tahun 2022, hampir dua kali ganda jumlah *Special Drawing Rights (SDR)* baru yang diterima dalam alokasi terkini. Selaras dengan kesinambungan *Special Drawing Rights* yang mana ekonomi digital ini berpotensi untuk meningkatkan daya saing dan dinamisme ekonomi.



**Rajah 1.16: Kadar Faedah Jangka Panjang Di Negara Terpilih, 2010 - 2022**

Sumber: Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)




**Rajah 1.17: Kadar Faedah Jangka Pendek Di Negara Terpilih, 2010 - 2022**

Sumber: OECD

Keadaan kewangan global menjadi ketat berikutan tindakan dasar monetari bank-bank pusat dan aktiviti penghindaran risiko pelabur global. Dalam keadaan tekanan inflasi yang lebih tinggi, bank-bank pusat mula menarik balik sokongan monetari pada separuh tahun 2021 dengan peningkatan penunjuk oleh Federal Reserve (Fed) untuk menaikkan kadar faedah

dengan lebih pantas bagi tahun 2022. Jangkaan kenaikan kadar faedah yang lebih pantas dan lebih besar menjadi semakin ketara pada suku pertama tahun 2022 apabila konflik ketenteraan di Ukraine dan kesannya kepada harga komoditi global mengakibatkan jangkaan tindak balas dasar monetari yang lebih agresif.




**Rajah 1.18: Nilai Tawaran Pada Pasaran Modal Hutang Antarabangsa Dari Suku Pertama 2017 Hingga Suku Ke-4 2022 (USD Bilion)**

Sumber: Dealogic, The International Capital Market Association (ICMA)

Hingga akhir tahun 2022, Fed telah menaikkan kadar dana federal secara mendadak sebanyak 425 mata asas hingga ke tahap tertinggi dalam 15 tahun. Selain itu, Fed terus menarik balik sokongan kepada likuiditi pasaran melalui pengurangan program pembelian bonnya. Ini boleh mengakibatkan kesan tidak langsung (knock-on) yang menyebabkan harga terkesan. Justeru, hasil bon (Bond Yield) Amerika Syarikat meningkat secara ketara sepanjang tahun. Ini disertai dengan kenaikan kadar dasar yang besar

dan seragam di kalangan Negara Ekonomi Maju (AEs) dan Negara Ekonomi Membangun (EMEs), yang memicu penyesuaian yang sepadan dengan hasil bon global. Pasaran ekuiti global turut menurun. Kadar faedah AS yang secara relative lebih tinggi dan prospek ekonomi global yang lebih lemah juga mendorong pengimbangan semula portfolio terhadap aset kewangan AS seperti Sekuriti Perbendaharaan AS.




**Rajah 1.19: Hasil Pasaran (Yield) Pada Sekuriti Perbendaharaan 10 Tahun Di Amerika Syarikat, 1970-2022**

Sumber: Federal Reserve

Sepanjang tahun, sentimen tetap sensitif terhadap perkembangan berkaitan dengan tindakan bank pusat global dan keupayaannya untuk mengawal inflasi yang tinggi dan berkekalan. Ketika pihak berkuasa mengesahkan komitmen mereka untuk meredakan inflasi, pelabur semakin bimbang terhadap risiko-risiko pertumbuhan ekonomi dan pendapatan syarikat.


Ini menyebabkan lonjakan dalam ketidakstabilan pasaran kewangan hasil daripada jangkaan pelabur terhadap tindakan dasar monetari Fed terhadap perkembangan keadaan inflasi dan pasaran buruh Amerika Syarikat. Pasaran ekuiti global mengalami penurunan disebabkan tindakan the Fed ini (Rajah 1.20).



Rajah

**1.20: Prestasi Indeks MSCI World USD, 1986-2022**

Sumber: Morgan Stanley Capital International (MSCI)




**Rajah 1.21: Jumlah Permodalan Pasaran Syarikat Domestik Yang Disenaraikan Di Bursa Saham Di Seluruh Dunia (Mengikut Kawasan), 2013 - 2022 (USD Trillion)**

Sumber: World Federation of Exchanges


Kadar faedah yang relatif tinggi di Amerika Syarikat dan prospek ekonomi global yang lemah turut merangsang penyesuaian portfolio ke arah aset kewangan Amerika Syarikat, seperti sekuriti Hutang Amerika Syarikat. Aliran keluar pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) sensitiviti inflasi lebih besar terhadap penyusutan kadar pertukaran untuk beberapa komponen IHP yang turut dipengaruhi oleh kejutan kos dan kejutan kadar pertukaran yang

secara tidak langsung memberikan kesan sementara terhadap inflasi IHP. Namun, menjelang akhir tahun, sentimen ini mereda berikutan ramalan untuk kadar pengetatan dasar monetari yang lebih perlahan di Amerika Syarikat apabila keadaan pasaran buruh dan inflasi menunjukkan tanda-tanda meredakan (Rajah 1.22).



**Rajah 1.22: Pergerakan U.S. Dollar Index (DXY), 2017-2022**

Sumber: Intercontinental Exchange



**Rajah 1.23: Keyakinan Pengguna Global Di Negara Maju Dan Sedang Pesat Membangun, Januari 2020 - Disember 2022**

Sumber: Ipsos

## Pertumbuhan Ekonomi-Ekonomi Utama Dunia

### Amerika Syarikat (AS)

Pada tahun 2022, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat meningkat sebanyak 2.1%, menunjukkan pertumbuhan tahunan yang lebih lemah berbanding dengan tahun 2021, yang merupakan pertumbuhan terkuat sejak


tahun 1984<sup>3</sup>. Pertumbuhan kembali pada separuh kedua tahun 2022, berbanding penurunan pada separuh pertama. Pertumbuhan tahunan pada tahun 2022 didorong oleh perbelanjaan pengguna, yang menyumbang kira-kira dua pertiga daripada KDNK Amerika Syarikat. Prestasi KDNK sebenar pada tahun 2022 mencerminkan peningkatan perbelanjaan pengguna, eksport, pelaburan stok persendirian, dan pelaburan tetap bukan perumahan yang sebahagiannya terjejas oleh penurunan

<sup>3</sup> Federal Reserve

pelaburan tetap kediaman dan perbelanjaan kerajaan persekutuan.

Import, yang merupakan tolakan dalam pengiraan KDNK, meningkat. Peningkatan KDNK sebenar pada suku keempat terutamanya mencerminkan peningkatan pelaburan stok

persendirian, perbelanjaan pengguna, pelaburan tetap bukan perumahan, perbelanjaan kerajaan persekutuan, dan perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan yang sebahagiannya dinyahbalik oleh penurunan pelaburan tetap kediaman dan eksport. Import pula mengalami penurunan.



**Rajah 1.24: Kadar Pertumbuhan KDNK Amerika Syarikat, 2000-2022**

Sumber: US Department of Commerce

Perbelanjaan perbelanjaan peribadi (PCE) meningkat sebanyak 1.0% pada suku keempat tahun 2022, mengikuti peningkatan sebanyak 2.3% pada suku ketiga. Walaupun masih menjadi sumber pertumbuhan yang signifikan pada suku keempat, sumbangannya lebih sederhana disebabkan pertumbuhan pendapatan sebenar yang lemah pada tahun lalu, iaitu 0.70% berbanding 1.5% pada suku ketiga. Sumbangan kepada pertumbuhan datang sepenuhnya daripada sektor perkhidmatan, kerana perbelanjaan pada *barangan tahan lama* ("Durable goods") dan *barangan tidak tahan lama* ("Non-durable goods") hampir kekal tidak berubah, dengan penurunan perbelanjaan barangan tahan lama yang diimbangi dengan peningkatan yang setara dalam perbelanjaan barangan tak tahan lama.


Perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 3.8% pada suku keempat, berbanding peningkatan sebanyak 3.7% pada suku ketiga yang merupakan penurunan selama lima suku berturut-turut sebelum ini. Ia memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan pada

suku keempat tahun 2022. Secara keseluruhannya, perbelanjaan kerajaan menyumbang 0.65% kepada pertumbuhan pada suku keempat. Walau bagaimanapun, eksport mengalami penurunan sebanyak 3.7% pada suku keempat, dipimpin oleh penurunan sebanyak 7.4% dalam eksport barang, yang sebahagiannya diimbangi dengan peningkatan sebanyak 5.0% dalam eksport perkhidmatan. Import mengalami penurunan sebanyak 5.5%, mencerminkan penurunan dalam kedua-dua barang dan perkhidmatan (masing-masing sebanyak 5.9% dan 3.7%). Pada akhirnya, eksport bersih menyumbang 0.42% kepada pertumbuhan pada suku tersebut.

Pada tahun 2022, pengeluaran industri Amerika Syarikat meningkat sebanyak 0.71%, prestasi yang lebih lemah berbanding dengan peningkatan pengeluaran industri sebanyak 2.89% yang diperhatikan pada tahun 2021. Pengeluaran pembuatan mengalami penurunan tahunan sebanyak 1.01%, selepas meningkat sebanyak 3.18% pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri dan

pengeluaran pembuatan telah menunjukkan peningkatan pada awal tahun 2023 berbanding dengan tiga bulan terakhir tahun 2022. Jumlah pengeluaran industri meningkat sebanyak 0.41% pada Januari 2023, selepas tiga bulan berturut-

turut penurunan (Rajah 1.25), dan kekal hampir rata pada bulan Februari 2023. Pengeluaran pembuatan meningkat sebanyak 1.44% pada Januari 2023 selepas dua bulan berturut-turut penurunan, dan 0.12% pada Februari.




**Rajah 1.25: Indeks Pengeluaran Perindustrian Bulanan Amerika Syarikat, 2000-2022**

Sumber: Federal Reserve

Walaupun terdapat gegaran dalam sistem perbankan dan pengumuman-pengumuman pemotongan pekerjaan besar, yang terkini ialah pengumuman Amazon pada 20 Mac 2023 bahawa ia akan memotong tambahan 9,000 pekerja, pengurangan kepada pekerjaan selepas itu banyak tertumpu pada sektor teknologi, yang secara sejarahnya hanya menyumbang

sebahagian kecil dari pemotongan pekerjaan yang diumumkan. Terdapat 239,000 tuntutan awal untuk insurans pengangguran pada minggu yang berakhir pada 8 April 2023, dengan tuntutan kini berada pada kira-kira 240,000 sejak awal Mac, peningkatan yang ketara dari tahap rendah yang dilaporkan sepanjang tahun lalu, tetapi masih rendah mengikut standard sejarah.



**Rajah 1.26: Kadar Pengangguran Amerika Syarikat, 2000-2022**

Sumber: Bureau of Labor Statistics

## Kawasan Euro

Seperti yang dilaporkan dalam laporan World Economic Outlook (WEO) oleh Dana Moneter Antarabangsa (IMF) pada Julai 2023, Kawasan Euro, yang merupakan penggerak ekonomi ketiga terbesar selepas Amerika Syarikat dan China, mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.5% pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (5.3%). Negara-negara utama seperti Greece, Itali, dan Sepanyol mencatatkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 5.9% (2021: 8.4%), 3.7% (2021: 7.0%), dan 5.5% (2021: 5.5%). Pemulihan ekonomi negara-negara Euro ini didorong oleh pemulihan dalam sektor perkhidmatan pelancongan sejak pembukaan penuh industri pelancongan pada 2021, serta peningkatan dalam pengeluaran perindustrian di Itali dan Sepanyol.

Untuk aktiviti perdagangan, Kesatuan Eropah menyumbang 14.0% daripada jumlah dagangan dunia pada 2022. Walaupun terjejas teruk pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19, kedua-dua eksport (-9.3%) dan import (-11.5%) pulih dengan kukuh pada 2021 dan 2022, dengan eksport barangan meningkat sebanyak 12.8 % pada 2021 dan 17.9% pada 2022, manakala import barangan meningkat masing-masing sebanyak 23.8 % dan 41.3%. Ini menjadikan Kesatuan Eropah mencatatkan defisit nilai dagangan sebanyak €431.2 bilion, mencapai paras terendah sejak permulaan siri masa pada 2002.

Defisit ini diketengahkan oleh peningkatan mendadak nilai import tenaga sejak akhir 2021 dan berterusan sepanjang tahun 2022. Tujuh (7) destinasi utama eksport Kesatuan Eropah adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Switzerland, Türkiye, Jepun, dan Norway, yang menyumbang hampir 58.0% kepada jumlah eksport rantau ini. Manakala bagi import, China merupakan rakan dagang utama dengan sumbangan 20.8%, diikuti oleh Amerika Syarikat (11.9%) dan United Kingdom (7.3%).

Walaupun menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar, pasaran buruh menunjukkan prestasi yang baik. Kadar penduduk bekerja, yang merangkumi orang berumur antara 20 hingga 64 tahun, mencapai 193.5 juta orang, merangkumi 74.6% daripada kohort umur tersebut, meningkat berbanding 72.5% pada tahun sebelumnya. Dari segi jantina, lelaki mencatatkan kadar bekerja yang lebih tinggi, iaitu 80.0% berbanding perempuan, 69.3%. Pada masa yang sama, kadar pengangguran juga menunjukkan perubahan positif dengan pengurangan kadar kepada 6.8% pada 2022 daripada 7.7% pada 2021. Kadar pengangguran bagi lelaki adalah 6.4%, yang lebih rendah berbanding perempuan, 7.2%.

## Jepun

Berlandaskan kepada laporan World Economy Outlook (WEO) pada bulan Julai 2023, ekonomi Jepun mengalami peningkatan sebanyak 1.0% pada tahun 2022, lebih perlahan berbanding pertumbuhan sebanyak 2.2% pada tahun 2021. Peningkatan ini didorong oleh Pertumbuhan Permintaan Swasta sebanyak 2.3%, di mana Pertumbuhan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah meningkat sebanyak 2.1% dan Pertumbuhan Pelaburan Modal Swasta sebanyak 1.8%. Di pihak lain, Permintaan Kerajaan mengalami penurunan sebanyak 0.3% disebabkan oleh kejatuhan Pelaburan Awam sebanyak 7.0%.

Pada tempoh yang sama, eksport barangan dan perkhidmatan meningkat sebanyak 5.1%, manakala import dalam kategori yang sama berkembang lebih tinggi iaitu 8.0% disebabkan oleh peningkatan kos tenaga dan kelemahan mata wang Yen. Ini menyebabkan pertumbuhan eksport bersih menyusut pada tahun 2022 berbanding positif pada tahun 2021 (*Economic and Social Research Institute (ESRI) Cabinet Office, Government of Japan, 2023*).

Eksport barangan terus mengukuh dengan pertumbuhan sebanyak 18.2%, mencapai nilai 98.2 trilion Yen berbanding pertumbuhan sebanyak 21.5% (83.1 trilion Yen) pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh peningkatan eksport dalam sektor pengangkutan (17.7%), mesin (15.5%), dan mesin elektrik (13.3%). Antara rakan eksport utama adalah China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, dan negara ASEAN.

Pada tempoh yang sama, aktiviti import berkembang lebih tinggi daripada eksport, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 39.2% dengan nilai 118.2 trilion Yen. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan import bahan api mineral (96.8%), kimia (35.8%), dan mesin elektrik (26.5%). Akibatnya, defisit dagangan Jepun pada tahun 2022 mencapai 19.98 trilion Yen, jumlah tertinggi yang pernah direkodkan sejak tahun 2014 (12.8 trilion Yen) (Trade Statistics of Japan, Ministry of Finance, 2023).

## China

China, yang merupakan salah satu peneraju utama dalam ekonomi dunia, mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.0% pada tahun 2022, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 8.4% pada tahun 2021 (*World Economic Outlook, Julai 2023*). Pertumbuhan sederhana ini tercatat terutamanya pada suku kedua tahun 2022 dengan pertumbuhan yang rendah sebanyak 0.4% (*National Bureau of Statistics (NBSC), China, 2023*).

Faktor utama penyebab pertumbuhan yang rendah ini adalah penutupan bandaraya Shanghai, yang merupakan bandar terbesar dan pusat ekonomi utama di China, selama dua bulan bermula dari April hingga Jun 2022. Penutupan bandaraya Shenzhen (walaupun lebih singkat berbanding Shanghai) dan langkah-langkah pengawalan penularan COVID-19 di beberapa kawasan, termasuk Beijing, juga memberi kesan

terhadap aktiviti ekonomi, menyebabkan prestasi ekonomi China yang menurun.

Dalam konteks prestasi sektoral, sektor Pertanian (termasuk Tanaman, Perhutanan, Ternakan & Perikanan) dan sektor Pembuatan mengalami pertumbuhan lebih perlahan masing-masing sebanyak 4.3% (2021: 7.1%) dan 2.9% (2021: 9.8%). Sebaliknya, sektor Pembinaan mengalami pertumbuhan yang lebih tinggi, iaitu 5.5% berbanding 2.1 % pada 2021.

Bagi sektor Perkhidmatan, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, yang merupakan penyumbang utama dalam sektor ini, mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 0.9% (2021: 11.3%). Manakala, subsektor Pengangkutan, Penyimpanan & Pos mengalami penurunan sebanyak 0.8 %, diikuti oleh Penginapan & Restoran dan sektor Hartanah masing-masing mengalami pengecutan sebanyak 2.3% dan 5.1%.

Pada tahun 2022, China kekal sebagai pedagang terbesar di dunia dengan rakan dagang utamanya termasuk ASEAN, Kesatuan Euro, dan Amerika Syarikat. Menurut laporan General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC), volum barang dagangan yang diniagakan mengalami pertumbuhan sederhana sebanyak 9.4% pada 2022 (2021: 21.4%). Aktiviti eksport bernilai USD3.59 trilion, meningkat sebanyak 7.0% (2021: 29.9%), disokong oleh mata wang China yang lemah dan kenaikan harga barangan yang membantu meningkatkan nilai eksport negara ini.

Pada tempoh yang sama, nilai import adalah sebanyak USD2.7 trilion, tumbuh sebanyak 1.1% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 30.1% pada 2021. Kenaikan eksport yang lebih pesat ini menyebabkan lebihan dagangan sebanyak USD877.6 bilion, mengalami pertumbuhan sebanyak 29.7%, mencapai paras tertinggi yang pernah direkodkan sejak tahun 1950.

## Singapura

Pada tahun 2022, ekonomi Singapura mengalami pertumbuhan sebanyak 3.6%, menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 8.9% pada tahun 2021 (World Economic Outlook, April 2023). Sektor Perkhidmatan, yang merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi Singapura dengan kadar sumbangan sebanyak 71.3%, mengalami peningkatan sebanyak 4.8%. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan dalam sektor Perdagangan Borong sebanyak 3.2% (2021: 9.6%), Perkhidmatan Lain sebanyak 5.2% (2021: 5.5%), dan Informasi & Komunikasi sebanyak 8.6% (2021: 13.4%).

Seterusnya, sektor Pembuatan tumbuh sebanyak 2.5%, menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 13.3% pada tahun sebelumnya. Keadaan ini disebabkan oleh penurunan dalam Kluster Kimia dan Bioperubatan sebanyak masing-masing 5.5% dan 5.0%. Penurunan dalam Kluster Kimia disebabkan oleh segmen petrokimia dan bahan kimia khusus, manakala bagi Bioperubatan, disebabkan oleh penurunan output bagi segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan. Sektor Pembinaan mengalami pertumbuhan sebanyak 6.7%, disokong oleh peningkatan output pembinaan oleh kedua-dua sektor, iaitu Awam dan Swasta (Ministry of Trade and Industry (MTI), 2023).

Untuk jumlah dagangan, kedua-dua jumlah dagangan barangan dan perkhidmatan mengalami peningkatan pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021. Jumlah dagangan barangan meningkat sebanyak 17.7%, didorong oleh pertumbuhan dalam eksport barangan (15.6%) dan import barangan (20.1%). Pada tempoh yang sama, jumlah dagangan Perkhidmatan turut berkembang sebanyak 10.8% dengan pertumbuhan eksport sebanyak 12.1% dan import sebanyak 9.3%. Pertumbuhan eksport Perkhidmatan dipengaruhi oleh pertumbuhan Perkhidmatan Pengangkutan

sebanyak 4.5% dan Perkhidmatan Pelancongan sebanyak 3.0%.

Dalam menyoroti prestasi tenaga buruh Singapura, Kementerian Sumber Manusia Singapura melaporkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh di negara ini semakin meningkat, iaitu sebanyak 67.5% pada tahun 2022 berbanding dengan 67.2% pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh semakin ramai penganggur yang mula mencari pekerjaan, memandangkan peluang pekerjaan telah pulih seperti ketika sebelum wabak pandemik. Peratusan tenaga buruh yang bekerja adalah sebanyak 82.7% atau seramai 2.4 juta orang, turut meningkat berbanding dengan 81.8% yang direkodkan pada tahun 2021.

Jumlah penganggur pula adalah sebanyak 87.6 ribu orang dengan kadar pengangguran yang semakin baik, iaitu 2.1% dalam tahun 2022 berbanding dengan 2.7% pada tahun 2021. Bagi perincian mengikut kategori pekerjaan, kadar pengangguran bagi pekerjaan Profesional, Pengurusan, Eksekutif & Teknikal (PMETs) adalah sebanyak 2.6% (2021: 3.4%), manakala bukan PMETs adalah sebanyak 4.4% (2021: 5.1%).

### **Pertumbuhan Di Kalangan negara yang berkembang pesat dan sedang membangun (EMDE)**


Walaupun berdepan dengan cabaran global seperti wabak COVID-19, perang Rusia-Ukraine, ketatan dasar monetari oleh Federal Reserve Amerika Syarikat, dan kekuatan berterusan Dolar Amerika Syarikat (USD), beberapa negara dalam Kumpulan Ekonomi Membangun Pasar (EMDE) tidak hanya mampu menghadapi krisis ini tetapi berjaya mencapai Keputusan ekonomi yang memberangsangkan.

Walaupun pulih kuat pada 2021 dengan pertumbuhan hampir 5.5%, ekonomi negara membangun menunjukkan perlambatan dalam pertumbuhan global sebanyak 4.5% pada 2022. Negara seperti Brazil, Mexico, India, Indonesia,

dan Gulf Cooperation Council (GCC) bukan sahaja melebihi indeks MSCI EM tetapi juga prestasi Amerika Syarikat pada tahun 2022. Malah, sembilan dari sepuluh pasaran terbaik tahun ini adalah dari negara membangun.

Berkenaan kesihatan fiskal pasaran EMDE ini, walaupun jumlah hutang kerajaan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) EM telah meningkat, hutang kerajaan EM tanpa China sebenarnya mengalami penurunan sebanyak 1% kepada 53.8%, dengan peningkatan defisit fiskal dan pertumbuhan nominal yang lebih tinggi.

Dalam perkembangan besar lain, pinjaman EM telah beralih kepada pembiayaan tempatan, dengan kira-kira 85% hutang kerajaan EM kini dibiayai dari sumber dalam negeri, mengurangkan kerentanan terdahulu yang berkaitan dengan aliran keluar dan tekanan mata wang semasa kitaran kenaikan kadar oleh Federal Reserve Amerika Syarikat. Sebagai contoh, pada 2017, 40% sekuriti kerajaan Indonesia dimiliki oleh pelabur asing. Hari ini, pemilikan itu telah turun kepada 14%.




**Rajah 1.27: Kadar Inflasi bagi kawasan EMDE, 2018-2022**

Sumber: IMF

Sektor makro secara keseluruhan, dengan lembaran kewangan kerajaan, korporat, dan isi rumah yang lebih kukuh serta kerentanan luaran yang lebih rendah, telah membantu memperbaiki imbangan akaun semasa bagi beberapa pasaran membangun. Pasaran komoditi membantu akaun luar negara bagi negara-negara kaya dengan sumber daya, dan mengurangkan

kebergantungan mereka terhadap modal asing. Simpanan di pasaran EM lebih tinggi daripada pada permulaan dekad terakhir. Berbeza dengan masa lalu, ekonomi EM kini menunjukkan akaun pembayaran dan lembaran kewangan yang lebih sihat. Ini seharusnya menyokong mata wang dalam ekonomi membangun, kecuali China, yang sedang berdagang pada paras yang rendah.



**Rajah 1.28: Kadar pengangguran bagi negara-negara EMDE, Suku Tahun 2 2017- Suku Tahun 4 2022**

Sumber: OECD

Pertumbuhan dalam pasaran membangun sebelum ini dianggap bergantung kepada prestasi ekonomi China. Walau bagaimanapun, hubungan ini dijangka akan berubah sepanjang dekad ini. Pertumbuhan di China kemungkinan akan terhakis disebabkan oleh hutang tinggi, penurunan pertumbuhan populasi usia kerja, dan sumbangan yang merosot dari eksport.

Pada tahun 2000-an, China menjadi pengeluar utama dunia, dan pada tahun 2010-an, ekonomi China berkembang daripada kekuatan internet pengguna. Fokus besar pada dekad ini akan tertumpu kepada teknologi hijau dan industri berasaskan sains seperti semikonduktor, kecerdasan buatan, dan pengeluaran berteknologi tinggi. Pasaran membangun adalah kelas aset yang heterogen – meskipun perlambatan di China, pelbagai pihak menjangkakan banyak negara membangun lain akan memerhati pergerakan pertumbuhan mereka, yang akan mendorong pendapatan relatif dan bahagian pasaran.

Pengalihan rantaian bekalan yang membawa kepada pemulihan semula dan perpindahan produksi oleh negara-negara pasaran membangun dalam era deglobalisasi ini, negara-

negara merasa perlunya untuk menjadi lebih berdikari dan kurangkan pergantungan pada China. Ini telah membawa kepada strategi "China plus one", pemulihan pengeluaran, dan penyebaran produksi ke negara-negara lain untuk mewujudkan kepelbagaian rantaian bekalan daripada China. Negara-negara di mana upah rendah dan kemahiran yang tinggi relatif menarik – seperti India, Indonesia, Thailand, Vietnam, dan Mexico – mendapat manfaat daripada diversifikasi rantaian bekalan ini.

#### **EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2022<sup>4</sup>**

### Umur Tenaga Kerja

Dari aspek umur pekerja, Umur Min di kalangan pekerja di Negeri Johor tidak mengalami perubahan yang ketara; Umur Min pekerja pada

tahun 2022 berada di lingkungan yang biasa seperti tahun sebelumnya. Perubahan yang ada mungkin disebabkan oleh ramai penduduk di dalam kumpulan 60 tahun dan ke atas memilih untuk memasuki semula sebagai tenaga pekerja.




**Rajah 1.54: Tenaga Buruh, Penduduk Bekerja dan Kadar Pengangguran, 2020-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)

Pada tahun 2022 KPTB bagi Negeri Johor berada pada 70.9% peningkatan yang kecil berbanding kepada 70.0% pada tahun sebelumnya, namun ini tetap menandakan sesuatu yang positif dari segi kesihatan ekonomi Negeri Johor. Nisbah ini

agak sekata mahupun jika diuji mengikut strata, jantina dan tahap pendidikan. Di kalangan lelaki KPTB Negeri Johor berada pada 89.1% pada tahun 2022 peningkatan daripada 87.9% pada tahun 2021 dan peningkatan ini terselah kepada kategori-kategori iaitu strata dan tahap pendidikan.




**Rajah 1.55: Nisbah Gunatenaga Kepada Penduduk Negeri Johor Mengikut Kumpulan Umur**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Manakala bagi kategori Perempuan, walaupun terdapat peningkatan yang kecil pada tahun 2022 ke 50.4% (2021: 50.0%) namun terdapat kejatuhan pada kadar penyertaan bagi kategori KPTB Luar Bandar dan Tertiar. Bagi KPTB Luar Bandar, tahun 2022 menampakan kadar 46.0%

penyertaan berbanding dengan 48.6% pada tahun 2021 manakala kadar penyertaan mereka yang mempunyai kelulusan tertiar telah merosot ke 59.6% pada tahun 2022 daripada 60.7% dalam tahun sebelumnya.



**Rajah 1.56: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Negeri Johor, 2018-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi KPTB mengikut lingkungan umur, terdapat peningkatan yang stabil pada lingkungan umur 20-40 tahun. Lebih memberangsangkan lagi pada tahun 2022 ini ialah peningkatan yang tinggi dari tenaga pekerja yang berada dalam lingkungan lebih daripada 60 tahun dimana kadar

KPTB 2022 berada di 44.5% jika dibandingkan dengan 28.8% pada tahun sebelumnya. Ini mungkin kerana dorongan untuk mencari pendapatan yang lebih untuk menampung diri sendiri dan juga keluarga dengan keadaan inflasi yang berleluasa sepanjang tahun.

	2021			2022		
	Lelaki	Perempuan	Disatukan	Lelaki	Perempuan	Disatukan
<b>Bandar</b>	88.8	50.4	70.0	88.9	51.4	71.0
<b>Luar Bandar</b>	84.9	48.6	69.9	89.7	46.0	70.6
<b>Rendah</b>	86.3	26.4	60.8	87.5	29.0	61.1
<b>Menengah</b>	87.0	47.9	69.2	88.4	49.7	71.2
<b>Tertiar</b>	91.0	60.7	74.6	91.7	59.6	74.5
<b>Keseluruhan</b>	87.9	50.0	70.0	89.1	50.4	70.9

**Jadual 1.2: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Negeri Johor (%) Mengikut Strata, Jantina dan Tahap Pendidikan, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Umur	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
-15	18.2%	17.2%	18.3%	18.8%	20.2%	25.6%	25.5%
-20	65.0%	72.5%	69.4%	73.2%	81.5%	74.1%	72.3%
-25	86.5%	86.5%	87.4%	88.8%	95.8%	89.5%	93.8%
-30	84.1%	83.5%	83.9%	86.5%	82.8%	86.9%	86.2%
-35	84.1%	81.5%	83.2%	87.4%	74.7%	88.5%	81.6%
-40	81.5%	79.6%	83.2%	83.1%	75.7%	83.8%	83.8%
-45	79.2%	73.4%	80.1%	80.4%	73.0%	78.4%	73.4%
-50	73.1%	71.0%	74.0%	73.8%	73.4%	67.0%	74.1%
-55	59.2%	54.6%	61.7%	59.8%	67.7%	54.5%	63.6%
-60	36.5%	32.9%	38.8%	38.9%	48.6%	28.8%	44.5%

**Jadual 1.3: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Mengikut Kumpulan Umur, 2016-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Taburan Penduduk Bekerja

Seperti di tahun-tahun yang sebelumnya, pada tahun 2022, pekerja di Sektor Utama mewakili peratus yang kecil. Pada tahun 2022, Sektor Utama menyumbang 7.7% berbanding dengan 9.7% pada tahun sebelumnya. Kejatuhan ini

secara kasar adalah disebabkan dari kejatuhan Sektor Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan merekodkan kejatuhan bilangan penduduk bekerja pada tahun 2022 dari 161,000 orang kepada 127,600 orang. Manakala Sektor Perlombongan dan Kuari mencatatkan kenaikan bilangan pekerja dari 9,800 orang kepada 12,300 orang dalam tahun 2022.

	2021		2022	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
<b>Sektor Utama</b>	170.8	9.70%	139.9	7.69%
<b>Pertanian, Perikanan, Haiwan dan Perhutanan</b>	161	9.10%	127.6	7.01%
<b>Perlombongan dan Kuari</b>	9.8	0.60%	12.3	0.68%
<b>Sektor Perindustrian</b>	535.6	30.40%	575.2	31.62%
<b>Pembuatan</b>	425.9	24.10%	456.1	25.07%
<b>Pembinaan</b>	109.7	6.20%	119.1	6.55%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	1,058.00	59.40%	1,104.2	60.69%
<b>Utiliti (Elektrik, Gas dan Air)</b>	10.3	0.60%	22.0	1.21%
<b>Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran</b>	325.0	18.40%	390.3	21.45%
<b>Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi</b>	94.9	5.40%	110.6	6.08%
<b>Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan</b>	96.8	5.50%	85.1	4.68%
<b>Perkhidmatan Awam dan Sosial</b>	531.5	30.10%	496.2	27.27%
<b>Jumlah Penduduk Bekerja (15-64 tahun)</b>	1,764.7		1,819.3	
<b>Kadar Pengangguran</b>	3.8%		3.3%	

**Jadual 1.4: Anggaran Jumlah Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Sektor Perindustrian yang terdiri daripada Sektor Pembuatan dan Sektor Pembinaan kepada jumlah penduduk bekerja Negeri Johor pada 2022 dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengalami kenaikan dari segi jumlah dan sumbangan. Sumbangan Sektor Pembuatan telah meningkat kepada 25.1% (2021: 24.1%) manakala Sektor Pembinaan telah naik kepada 6.6% daripada 6.2% dalam tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan peningkatan dari jumlah orang bekerja untuk kedua-dua sektor ekonomi ini dengan Sektor Pembuatan mempunyai 456,100 orang bekerja (2021: 425,900 orang) dan Sektor Pembinaan mempunyai 119,100 orang bekerja (2021: 109,700 orang).

Secara keseluruhannya Sektor Perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada jumlah penduduk bekerja Negeri Johor. Sumbangan bagi tahun 2022 ialah 60.7% (2021: 59.4%) ini adalah dengan peningkatannya dari segi jumlah pekerja yang tertumpu dalam sektor Perkhidmatan ini dengan jumlah 1,104,200 orang dalam tahun 2022 (2021: 1,058,000 orang). Seperti tahun-tahun yang lepas, sektor kecil Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah antara penyumbang besar dengan sumbangan sebanyak 21.5% (2021: 18.4%) dan jumlah pekerja yang merangkumi 390,300 orang dalam tahun 2022.


## **Pengangguran**

Bagi tahun 2022 kadar purata pengangguran di Negeri Johor telah turun ke 3.3% berbanding dengan 3.8% pada 2021. Penurunan kadar pengangguran ini sejajar dengan peningkatan dalam kadar penyertaan pekerja Negeri Johor. Buat masa ini, kadar pengangguran di jangka stabil dengan keadaan ekonomi yang agak stabil buat masa ini relatif dengan pertumbuhan negara.

## **Pendapatan Isi Rumah**

Pendapatan isi rumah merujuk kepada jumlah pendapatan yang diterima oleh anggota isi rumah, sama ada dalam bentuk tunai atau harta yang diperoleh secara berulang-ulang, sama ada mingguan, bulanan atau tahunan, dan boleh digunakan untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari. Pendapatan purata pula diperoleh dengan menjumlahkan semua pendapatan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan isi rumah.

Terdapat empat sumber utama pendapatan bagi setiap isi rumah, iaitu pendapatan dari pekerjaan bergaji, pekerjaan sendiri, pendapatan dari harta dan pelaburan, serta pendapatan melalui pindahan wang. Secara keseluruhan di peringkat negeri, sumber-sumber pendapatan ini terbahagi dengan 61.3% terdiri daripada pendapatan isi rumah yang diperoleh dari pekerjaan bergaji, diikuti oleh pendapatan dari pekerjaan sendiri sebanyak 15.3%. Pendapatan dari harta dan pelaburan menyumbang 14.0%, manakala pendapatan melalui pindahan wang menyumbang 9.4%. Jika empat sumber ini di perincikan lagi mengikut penduduk bandar dan luar bandar peratus pembahagiannya adalah seperti Rajah 1.57.




**Rajah 1.57: Peratusan pendapatan mengikut punca utama pendapatan dan strata (Bandar dan Luar Bandar), Negeri Johor (2019 dan 2022)**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2022, pendapatan isi rumah bulanan purata Negeri Johor adalah RM8,517 ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan 2.0% berbanding 4.8% pada tahun 2019. Keseluruhannya,

keadaan ini serupa dengan keadaan di negeri-negeri lain di mana terdapat ketidakseimbangan pendapatan isi rumah yang dipengaruhi oleh kumpulan isi rumah berpendapatan tinggi.




**Rajah 1.58: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Mengikut Daerah Negeri Johor, (2019 Dan 2022)**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi pendapatan mengikut kawasan, secara purata, Johor Bahru mencatatkan pendapatan purata tertinggi iaitu RM9,869, diikuti oleh Kulai (RM9,177). Di sisi lain, beberapa daerah pentadbiran lain mencatatkan pendapatan purata di bawah paras negeri (RM8,517). Pendapatan purata bagi semua daerah pentadbiran

mengalami peningkatan. Lima daerah pentadbiran mencatatkan kadar pertumbuhan purata melebihi purata Negeri Johor (2.0%). Mersing mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 3.1 peratus, diikuti oleh Kluang (2.7%), Kota Tinggi (2.5%), Kulai (2.2%), dan Tangkak (2.1%).




**Rajah 1.59: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Dan Kadar Pertumbuhan Mengikut Negeri, (2019 Dan 2022)**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dengan adanya RMKe-12 yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang memberi tumpuan kepada penanggulangan kemiskinan dan kesenjangan, sejajar dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal, dalam usaha mencapai taraf hidup yang wajar dan menjamin keadilan sosial. Berdasarkan hasil survei 2022<sup>6</sup>, ia telah

menunjukkan had pendapatan bagi kumpulan Terendah 40 peratus (B40) pada tahun 2022, yang melibatkan 399.9 ribu isi rumah, adalah RM5,739. Had pendapatan kumpulan Pertengahan 40 peratus (M40) yang melibatkan 399.6 ribu isi rumah pula adalah di antara RM5,740 hingga RM11,919.



**Rajah 1.60: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Mengikut Kumpulan Isi Rumah, 2022 (RM)**


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, sebanyak 199.8 ribu isi rumah berada di kumpulan Tertinggi 20 peratus (T20) dengan pendapatan melebihi RM11,919. Dari segi agihan pendapatan, T20 memiliki 43.0% daripada jumlah pendapatan isi rumah berbanding dengan 43.5% pada tahun 2019. Sementara itu, 39.3% dimiliki oleh kumpulan M40, dan selebihnya 17.7% daripada jumlah pendapatan adalah untuk kumpulan B40.

Satu lagi aspek pendapatan isi rumah ialah Pendapatan boleh guna. Pendapatan boleh guna merujuk kepada jumlah pendapatan yang ada

selepas ditolak bayaran pindahan semasa, termasuk bayaran wajib seperti cukai, zakat, dan caruman kepada skim keselamatan sosial, serta pindahan semasa yang diterima dalam bentuk mata wang. Pendapatan boleh guna ini juga merupakan jumlah wang yang masih tersedia untuk digunakan oleh isi rumah. Menurut survei 2022, pendapatan boleh guna purata Negeri Johor adalah RM7,251, menunjukkan peningkatan sebanyak 1.5% dari RM6,923 pada tahun 2019. Pendapatan boleh guna purata menyumbang 85.1% daripada jumlah pendapatan kasar purata.

<sup>6</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 1.61: Pendapatan isi rumah boleh guna bulanan purata dan kadar pertumbuhan tahunan mengikut strata**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PELABURAN

### Suasana Pelaburan Negara

Seiring Malaysia terus menunjukkan ketahanan dan kemajuan, Kerajaan menekankan dasar dan inisiatif berorientasikan kelestarian yang selaras dengan prinsip dan amalan *Environmental, Social, Governance (ESG)*. Aspirasi Pelaburan Kebangsaan (NIA), yang merangkumi Dasar Pelaburan Baharu (NIP), dilaksanakan untuk menilai semula dan menyusun semula dasar berkaitan pelaburan, dengan matlamat mengamankan projek berkualiti tinggi, berkesan, dan berkaitan modal bagi negara. Usaha MIDA untuk meningkatkan pelaburan langsung dalam negara (DDI), yang dibentuk oleh strategi NIA, telah memberikan hasil yang positif. Sepanjang dekad lalu, langkah-langkah strategik seperti insentif Industri 4.0 dan langkah rangsangan berkaitan COVID-19 juga diperkenalkan untuk meningkatkan pelaburan dalam negara.

Dari tahun 2012 hingga 2022, DDI mendominasi sektor perkhidmatan, menyumbang 79.7% (RM1.1 trilion) berbanding pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak 20.3% (RM275.4 bilion). DDI juga memainkan peranan penting dalam

jumlah pelaburan yang diluluskan pada tempoh yang sama, menyumbang sebanyak 61.3% (RM1.5 trilion).

Sebagai agensi utama promosi pelaburan dan pembangunan negara, MIDA terus mengenal pasti dan memberdayakan syarikat dalam negeri yang mempunyai potensi pertumbuhan. Dengan memanfaatkan rangkaian tempatan dan global yang meluas, MIDA menggalakkan syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi tempatan untuk merangkul peluang penyumberan luar bagi syarikat-syarikat Malaysia. Ini termasuk menyediakan sokongan pengambilan teknologi, menaik taraf syarikat-syarikat tempatan ke aras piawai antarabangsa, dan memperoleh pensijilan.

Pada tahun 2022, inisiatif MIDA selaras dengan NIP, yang merangkumi enam teras strategik dan 22 inisiatif peringkat kebangsaan. NIA menyediakan kerangka pertumbuhan yang proaktif, menyusun dasar-dasar kebangsaan yang berkaitan dengan pelaburan. MITI, MIDA, dan agensi lain di bawah tanggungjawabnya memimpin usaha dalam menilai semula dan menyusun semula dasar berkaitan pelaburan. NIA memberi tumpuan kepada menarik pelaburan berkualiti dan strategik,

mengurangkan bergantung kepada buruh tidak terlatih, dan merangsang pemindahan teknologi.

MIDA menilai permohonan pelaburan berdasarkan kriteria seperti kompleksiti ekonomi, sokongan terhadap peralihan ekonomi ke rantai nilai yang lebih tinggi, keanjalan R&D, pelaburan modal setiap pekerja (CIPE), penerimaan teknologi/Industri 4.0, orientasi eksport, dan penciptaan PI. Penilaian ini memastikan pelaburan mencipta pekerjaan berkebolehan tinggi, menggalakkan latihan praktikal pelajar, dan meningkatkan tahap produktiviti. Dalam kerangka NIA, MIDA juga berhasrat untuk meluaskan hubungan domestik dengan menggalakkan sumber tempatan dan kerjasama dengan universiti atau institut penyelidikan tempatan, seperti dalam Program Pembangunan Vendor (VDP) di mana MIDA membantu vendor tempatan untuk membangunkan dan menaik taraf perkhidmatan mereka dengan kerjasama MNC.

## **Pelaburan Di Tahun 2022**

Walaupun menghadapi cabaran, Malaysia berjaya menarik RM73.3 bilion dalam aliran masuk bersih pada tahun 2022, melebihi jumlah RM48.1 bilion yang direkodkan pada tahun 2021. Pada suku keempat, data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa negara menerima RM19.3 bilion dalam aliran masuk bersih, terutamanya ke sektor pembuatan dan sub-sektor perkhidmatan kewangan dalam sektor perkhidmatan.

Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah stok Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia meningkat sebanyak RM14.4 bilion menjadi RM875.1 bilion pada akhir suku keempat. Sektor pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai penerima FDI terbesar, menyumbang sebanyak RM380.6 bilion atau 43.5% daripada jumlah FDI keseluruhan. Aktiviti kewangan menyusul dengan RM205.3 bilion (23.5% daripada jumlah keseluruhan), dan perdagangan borong serta runcit pada RM53.8 bilion (6.1% daripada jumlah keseluruhan).

Lima negara teratas adalah Singapura (20.5%), Amerika Syarikat (11.5%), Hong Kong (10.6%), Jepun (10.2%), dan Belanda (6.9%). Posisi Pelaburan Langsung Malaysia ke Luar Negeri (DIA) keseluruhan meningkat kepada RM602.1 bilion pada suku keempat, dengan aktiviti kewangan menjadi penggerak utama pada RM250.3 bilion (41.6% daripada jumlah keseluruhan).

Sektor pembuatan, yang menekankan pelaburan dalam teknologi baru dan penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi, menyumbang sebanyak 31.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022, menduduki tempat kedua selepas sektor perkhidmatan. Walaupun ketidakpastian ekonomi global, 801 projek pembuatan diluluskan dengan nilai RM84.3 bilion, mencipta 76,093 peluang pekerjaan. Sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar, menyumbang 58.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM154 bilion, dengan sumbangan besar daripada sub-sektor Maklumat dan Komunikasi, khususnya projek perkhidmatan pusat data dan komputasi awan.

Ekonomi digital telah menjadi kritikal untuk kejayaan dalam sektor perkhidmatan, dengan kelestarian, termasuk pematuhan kepada prinsip dan amalan ESG, menjadi kriteria utama untuk pelaburan masa depan. Inisiatif MIDA untuk sektor perkhidmatan pada tahun 2022 termasuk Jawatankuasa Koordinasi Pelaburan Pusat Data (DCICTF), dengan 72 projek yang diluluskan bernilai RM26.3 bilion, peningkatan sebanyak 52% dari tahun 2021. Sumber domestik menyumbang sebanyak 52.9%, manakala pelaburan asing mencapai RM12.4 bilion atau 47.1%.


Pada tahun 2022, harga komoditi global pulih kepada tahap sebelum wabak, memberi impak positif kepada sub-sektor primer seperti perkebunan dan komoditi, pertanian, dan perlombongan. Antara ini, perlombongan memberikan sumbangan besar, menyumbang sebanyak 90.9% daripada jumlah pelaburan dalam sektor primer.

## Pelaburan Mengikut Sektor

### Sektor Pembuatan

Prestasi cemerlang Malaysia sebahagiannya disebabkan oleh ketahanan rangkaian bekalan

negara, yang berjaya diperkuatkan dengan memanfaatkan kelebihan rantai nilai domestik. Sepanjang tahun, sektor pembuatan terus pulih selepas pandemik, dengan sokongan ekosistem industri yang kukuh, permintaan domestik yang meningkat, dan pengurangan langkah kawalan secara beransur-ansur.



**Rajah 1.62: Pelaburan Ke Dalam Sektor Pembuatan Malaysia Mengikut Sumber**

Sumber: MIDA

Pelancaran *New Investment Policy* (“NIP”) pada 6 Oktober 2022 adalah satu bukti tekad kerajaan untuk mendorong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memperkukuhkan asas Malaysia dalam mengamalkan prinsip-prinsip ESG. Strategi yang diterangkan dalam NIP memberi keutamaan kepada pembangunan pelaburan inovatif, berkesan, dan berteknologi tinggi yang bersesuaian dengan penciptaan pekerjaan berkebolehan tinggi. Oleh itu, prospek pelabur digalakkan untuk membuat pelaburan yang diarahkan sejajar dengan niat NIP.

Pada tahun 2022, sektor pembuatan menyumbang sebanyak RM84.3 bilion, atau 31.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM264.6 bilion. Pelaburan asing adalah sebahagian besar sektor pembuatan, menyumbang sebanyak 78.3% daripada jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan, menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap sektor pembuatan.

Sektor pembuatan bermula dengan baik pada suku pertama tahun 2022, menarik pelaburan sebanyak RM28.1 bilion melibatkan 185 projek, dengan pelaburan langsung asing (FDI) menjadi

penyumbang utama sebanyak RM25 bilion, atau 89% daripada jumlah pelaburan sektor tersebut pada suku tersebut.

Walaupun pertumbuhan dalam sektor pembuatan melambat pada suku kedua tahun 2022, dengan pelaburan sebanyak RM15.6 bilion, namun ia terus mendapat momentum pada suku ketiga, menarik pelaburan tambahan sebanyak RM21.1 bilion. Tiga industri pelaburan langsung dalam negeri (DDI) teratas adalah produk getah, diikuti oleh jentera dan kelengkapan (M&E), serta pembuatan makanan. Trend menaik ini adalah bukti kejayaan program-program strategik yang dirangka dan dilaksanakan oleh MIDA untuk mengukuhkan iklim pelaburan dalam negeri.

Malaysia, sebagai pusat pembuatan Elektrik dan Elektronik (E&E) dunia yang signifikan, menyaksikan peningkatan pelaburan, terutama sebagai tindak balas terhadap penjenamaan global dan usaha industri untuk menangani kekurangan semikonduktor global. Industri lain yang berprestasi tinggi, yang diiktiraf di bawah NIP untuk transformasi pelaburan, termasuk E&E, kimia dan produk kimia, farmaseutikal, dan

aeroskap, menyumbang secara kolektif kepada 43.7% daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan.

## Sektor Utama

Sektor utama telah memperolehi pelaburan yang diluluskan berjumlah RM26.3 bilion pada tahun 2022 berbanding RM17.3 bilion pada tahun 2021. Pelaburan yang diraih terdiri daripada 52.9% pelaburan domestik dan 47.1% daripada pelabur asing. Jumlah pelaburan yang diluluskan ialah 72. Bagi sektor ini Subsektor perlombongan menerajui pelaburan di sektor utama dengan penerimaan pelaburan berjumlah RM23.9 bilion, iaitu 91.0% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor ini.

Sektor perlombongan ini mempunyai 26 projek diluluskan di mana 18 projek berkaitan dengan projek gas dan minyak dengan pelaburan berjumlah RM23.8 bilion. Selebihnya, pelaburan sektor di sektor utama merangkumi pelaburan di sektor perladangan dan komoditi yang bernilai RM2.2 bilion (peningkatan sebanyak 958.5% dari tahun 2021) dan sektor pertanian yang bernilai RM154.4 juta (peningkatan sebanyak 651.4% dari tahun 2021). Kedua-dua sektor ini disokong oleh pelabur-pelabur domestik; perladangan dan komoditi – 99.8% dan pertanian – 91.1%.

## Sektor Perkhidmatan

Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik bagi perniagaan, dengan ekonomi kembali normal dan menuju kepada endemik selepas pembukaan semula sempadan antarabangsa pada April 2022. Menurut Kajian Ekonomi dan Kewangan Bank Negara Malaysia, sektor perkhidmatan dijangka menjadi pendorong pertumbuhan utama pada tahun 2022, dengan pertumbuhan KDNK.

Sektor Perkhidmatan terus menjadi tonggak pertumbuhan ekonomi Malaysia, menyumbang sebanyak 58.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dengan sejumlah 3,581 projek yang diluluskan, dengan nilai pelaburan

berjumlah RM154 bilion. Ini merupakan peningkatan yang besar sebanyak RM57 bilion dari tahun sebelumnya, menunjukkan prestasi cemerlang sektor tersebut walaupun dihadapi cabaran pandemik. Sektor perkhidmatan yang beraneka ragam di Malaysia terus merangkul pen-digitalan untuk menaik taraf nilai rantai dan meningkatkan kecekapan operasi melalui kerja jauh dan automasi, tren-tren yang dipertingkatkan ketika negara bertransisi kepada endemik dan melalui pelaksanaan IoT bagi perkhidmatan baru.

Usaha bersama oleh Kerajaan untuk menetapkan asas yang kukuh bagi ekonomi digital negara termasuklah pembesaran infrastruktur, pembangunan dasar, promosi pelaburan, kesedaran kelestarian, dan pembangunan bakat. MIDA dan *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* telah menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) secara bersama untuk mengkoordinasikan dan menyelaraskan pelaburan digital ke dalam negara, sambil memberikan bantuan sepenuhnya bagi pelabur dan membantu mereka memperluaskan perniagaan mereka di Malaysia.

DIO berkomitmen untuk menarik pelaburan digital yang mewakili teknologi berkualiti tinggi dan mampan bernilai RM70 bilion untuk mempercepat usaha digitalisasi menjelang tahun 2025. Inisiatif ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan evolusi landskap pelaburan global ke arah digitalisasi dan Industri 4.0, mencipta cadangan nilai unik dan menarik bagi projek digital termasuk infrastruktur digital seperti pusat data dan kabel bawah laut serta projek teknologi digital yang menggunakan teknologi Industri 4.0.


Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk status MSC pada tahun 2022 adalah sebanyak RM5 bilion, hampir sama rata disumbangkan oleh pelaburan domestik dan asing dan dijangka akan menghasilkan 7,763 peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, projek status MD yang diluluskan sejak bermulanya (pada Julai 2022) untuk tahun 2022 adalah sebanyak RM43.1

bilion, berpotensi mencipta 5,571 peluang pekerjaan.

Jumlah pelaburan di bawah status MD juga termasuk projek yang diluluskan di bawah skema insentif DESAC. Bagi subsektor telekomunikasi, berdasarkan data kelulusan pelaburan dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang hanya meliputi sembilan bulan pertama tahun 2022, sejumlah RM3.7 bilion pelaburan telah diluluskan, yang kebanyakannya dikendalikan oleh sumber domestik.

## Pelaburan Di Negeri Johor

Dengan keadaan ekonomi global yang mencabar, Negeri Johor yang mempunyai infrastruktur Perindustrian dan perniagaan yang teguh berjaya menarik sejumlah RM14.6 bilion bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak RM7.65 bilion berbanding jumlah pelaburan yang diterima tahun sebelumnya. Walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi global, projek Pembuatan yang diluluskan sebanyak 166 projek, tetap dapat dijana pada 2022. Pelaburan yang dicatatkan itu dianggarkan dapat mewujudkan 14,739 peluang pekerjaan baru dalam sektor Pembuatan Negeri Johor di masa hadapan.




**Rajah 1.63: Pelaburan Ke Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor Mengikut Sumber, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/MIDA

Di Malaysia, Negeri Johor adalah penerima pelaburan projek pembuatan diluluskan yang tertinggi dengan Pulau Pinang (RM13.7 bilion), Selangor (RM12.2 bilion), Kedah (RM12.0 bilion) dan Sabah (RM8.4 bilion) merangkumi 5 negeri tertinggi penerima pelaburan pembuatan Lima

negeri ini menyumbang 72.2% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022. Pada tahun 2022 Negeri Johor telah menarik pelaburan yang sejumlah besarnya adalah ke dalam Daerah Johor Bahru yang berjumlah RM11.0 bilion (2021: RM3.4 bilion).




**Rajah 1.64: Nilai Pelaburan (RM Bilion) Ke Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor, 2020-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/MIDA

Pada keseluruhannya pelaburan ke sektor pembuatan Negeri Johor pada tahun 2022 ini memberi gambaran bahawa Negeri Johor mempunyai daya saing yang amat tinggi berbanding negeri lain. Oleh kerana ini, Negeri Johor dapat meraih sebanyak RM12.6 bilion dalam pelaburan asing (FDI) berbanding dengan RM3.8 bilion yang diraih tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun pelaburan domestik mengalami kemerosotan ke RM2.0 bilion berbanding RM3.8 bilion pada tahun 2021. Dari aspek industri, 79.3% daripada pelaburan adalah di dalam empat industri; Kimia & Produk Kimia, Peralatan saintifik dan mengukur, Produk elektronik dan elektronik dan Produk mineral dan bukan logam.




**Rajah 1.65: Nilai Pelaburan Di Sektor Pembuatan Negeri Johor Mengikut Daerah (RM '000)**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/MIDA

Antara negara-negara luar yang giat dalam aktiviti pembuatan di Negeri Johor, Jepun adalah negara yang mempunyai pelaburan terbesar berjumlah RM5.3 bilion diikuti oleh Singapura dengan RM4.5 bilion dan Hong Kong sebanyak

RM1.5 bilion. Jumlah ketiga-tiga negara ini merangkumi 89.8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan ke dalam sektor pembuatan Negeri Johor.




**Rajah 1.66 Jumlah Pelaburan bagi Industri-Industri Terpilih Negeri Johor (RM Juta), 2021-2022**

Sumber: MIDA

Dalam tahun 2022 industri bahan kimia dan produk kimia mempunyai jumlah pelaburan terbesar dengan jumlah RM5.2 bilion berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM1.4 bilion. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan yang besar iaitu 266% bagi tahun 2022, satu kadar yang menunjukkan kestabilan industri ini di Negeri Johor. Manakala industri yang kedua yang mendapat tumpuan pelabur-pelabur ialah industri elektrik dan elektronik. Ini bukan suatu perkara yang asing kerana Malaysia memang di kenali sebagai salah satu penghasil eksport elektrik dan

elektronik terbesar dunia. Industri ini berjaya menarik pelaburan sebanyak RM1.96 bilion dalam tahun 2022 berbanding RM1.31 bilion dalam tahun 2021. Jumlah yang diraih dalam 2022 berjaya mengatasi jumlah sebelum pandemik iaitu RM1.33 bilion. Industri produk plastik juga telah menunjukkan prestasi yang mantap dengan mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM387 juta (2021: RM 300 juta) berbanding RM151 juta iaitu tahap sebelum pandemik.



# **BAB 2 : SEKTOR UTAMA DAN INDUSTRI NEGERI JOHOR, 2022**

**LAPORAN EKONOMI**

**NEGERI JOHOR**

**2022 / 2023**

## **BAB 2: SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR, 2022**

### **PENDAHULUAN**

Bab ini akan berfokus kepada pembentangan prestasi sektor ekonomi dan sektor industri Negeri Johor pada tahun 2022 dari perspektif output sektor-sektor ekonomi dengan lebih terperinci daripada analisis yang telah dikendalikan dalam Bab 1. Prestasi sektor ekonomi negeri akan diukur menggunakan nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia (RM).

Data yang digunakan untuk menganggar nilai-nilai output setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya boleh diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Johor.

Pengeluaran dan nilai ditambah sebahagian besar sektor pengeluaran ekonomi Negeri Johor mencerminkan pertumbuhan ekonomi nasional yang telah dipacu oleh permintaan domestik dan peningkatan prestasi pasaran buruh yang telah meningkatkan tahap aktiviti ekonomi. Refleksi ini amat ketara apabila pengeluaran dan nilai ditambah sebilangan sektor pengeluaran ekonomi Negeri Johor mengalami pertumbuhan pada tahun 2022. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar 2015 mencatat pertumbuhan yang menggalakkan dengan kadar 8.2% pada tahun 2022 berbanding dengan kadar pertumbuhan pada tahun 2021 (2.5%).

Perancangan aktiviti ekonomi negeri pada tahun ini merupakan pantulan kesan daripada pembukaan sempadan antara Malaysia dan Singapura serta perancangan aktiviti ekonomi yang diterajui oleh pemulihan ekonomi negara daripada kesan-kesan negatif pandemik COVID-19. Asas ekonomi negeri telah dikukuhkan oleh pelbagai faktor seperti pemulihan harga komoditi, perkembangan eksport negeri dan permintaan

domestik dan global yang semakin memulih, serta sumber pertumbuhan yang berbagai.

### **PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR PERINDUSTRIAN NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2022**

Sektor Utama di Negeri Johor termasuklah sektor pertanian dan sektor perlombongan dan pengkuarian manakala Sektor Perindustrian merangkumi sektor pembuatan dan sektor pembinaan. Berdasarkan Jadual 2.1, nilai ditambah pengeluaran negeri pada tahun 2022 telah mengalami pertumbuhan positif dengan Sektor Utama meningkat sebanyak 2.1% kepada RM17.94 bilion (2021: 0.3%, RM17.57 bilion) dan Sektor Perindustrian meningkat sebanyak 6.26% kepada RM46.92 bilion (2021: 3.1%, RM44.15 bilion).

Pertumbuhan Sektor Utama merupakan hasil daripada pertumbuhan nilai dalam sektor pertanian manakala pertumbuhan dalam Sektor Perindustrian telah dipacu oleh pertumbuhan dalam sektor pembuatan. Sektor pertanian dan perlombongan dan pengkuarian telah menyumbang 12.18% dan 0.44% masing-masing kepada KDNK negeri, manapun kadar sumbangan Sektor Pertanian pada tahun 2022 telah menurun berbanding dengan 12.9% pada tahun 2021. Kadar sumbangan Sektor Perlombongan dan Pengkuarian kekal stabil antara 2021 (0.45%) dan 2022 (0.44%).

Bagi Sektor Industri pula, sektor pembuatan telah menyumbang 30.23% kepada KDNK negeri yang merupakan suatu penurunan yang minor daripada sumbangan sektor pada tahun 2021 (31.02%). Sektor pembinaan pula telah menyumbang sebanyak 2.79% kepada KDNK negeri pada tahun 2022 – yakni suatu peningkatan daripada sumbangan 2.61% pada tahun 2021.

Sepertimana yang telah dinyatakan di atas, pertumbuhan Sektor Utama ekonomi Negeri Johor telah dipacu oleh perancangan aktiviti sektor pertanian yang telah berkembang dengan kadar

1.91% kepada nilai RM17.30 bilion (2021: RM16.98 bilion). Di samping itu, sektor perlombongan & pengkuarian telah bertumbuh dengan rancak dengan kadar 7.49% kepada RM631 juta (2021: -10.74%, RM587 juta). Pertumbuhan kedua-dua sektor komponen ini telah meningkatkan nilai ditambah sektor utama di Negeri Johor menjelang akhiran tahun 2022.

Bagi Sektor Industri pula, sektor pembuatan merupakan komponen yang terbesar yang telah berkembang sebanyak 5.45% kepada RM42.95 bilion (2021: 5.37%, RM40.73 bilion). Sektor Pembinaan turut mengalami pertumbuhan yang rancak di mana ia telah bertumbuh secara pesat

dengan kadar 15.85% kepada nilai RM3.97 bilion (2021: RM3.42 bilion). Walaupun sumbangan sektor pembuatan di Negeri Johor telah menurun, secara keseluruhannya, nilai ditambah Sektor Industri telah bertambah berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pertumbuhan dalam Sektor Perlombongan dan Pengkuarian boleh disifatkan kepada prestasi yang kukuh dalam industri minyak dan gas manakala pertumbuhan dalam Sektor Pembinaan adalah disebabkan oleh pengukuhan permintaan untuk bangunan industri dan perkembangan pelaburan swasta yang dipacu oleh aktiviti ekonomi pada peringkat nasional.

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2015=100)		SUMBANGAN (%)		PERTUMBUHAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
<b>SEKTOR UTAMA</b>	<b>17,567</b>	<b>17,935</b>	<b>13.3</b>	<b>12.6</b>	<b>0.3</b>	<b>2.1</b>
Pertanian	16,980	17,304	12.9	12.2	0.7	1.9
Perlombongan & Pengkuarian	587	631	0.4	0.4	-10.7	7.5
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>44,151</b>	<b>46,916</b>	<b>33.6</b>	<b>33</b>	<b>3.1</b>	<b>6.26</b>
Pembuatan	40,727	42,949	31	30.2	5.4	5.5
Pembinaan	3,424	3,967	2.6	2.8	-18	15.9

**Jadual 2.1: Sumbangan Sektor Utama dan Sektor Perindustrian kepada Ekonomi Negeri Johor pada tahun 2021 dan 2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## SEKTOR UTAMA

### PERTANIAN

Sektor Pertanian di Negeri Johor telah mengalami pertumbuhan dengan kadar sebanyak 1.91% dengan nilai ditambah RM324 juta dalam harga malar 2015 dan telah menyumbang sebanyak 17.5% kepada nilai ditambah sektor pertanian negara. Pertumbuhan ini telah didominasi oleh aktiviti tanaman – terutamanya pertumbuhan nilai dalam pengeluaran kelapa sawit, buah nenas kaleng dan segar – dan diikuti oleh aktiviti ternakan, perikanan, dan perhutanan.


Sepertimana yang digambarkan dalam Rajah 2.1, sektor pertanian Negeri Johor telah menyumbang 12.2% kepada nilai ditambah KDNK negeri (RM17.94 bilion) di mana subsektor tanaman telah menyumbang sebanyak 68% daripada nilai hasil pengeluaran sektor pertanian yang menjadikan Negeri Johor antara pengeluar produk tanaman yang terbesar di kalangan negeri-negeri yang terdapat di Malaysia.

Antara pemacu subsektor tanaman termasuklah pengeluaran industri kelapa sawit dan tanaman lain, terutamanya nenas segar dan kaleng; dari segi keluasan tanah pertanian, sebanyak 757,433 hektar telah digunakan bagi tujuan

pertanian di mana 89.4% daripada keluasan tersebut telah digunakan untuk pengeluaran kelapa sawit.

Keluasan tanaman kelapa sawit telah menurun 3.2% pada tahun 2022 kepada 676,853 hektar

(2021: 699,217 hektar). Penanaman buah nanas pula telah meningkat secara signifikan; secara kumulatifnya, keluasan tanaman buah nanas telah meningkat dengan kadar 25.8% pada tahun 2022 kepada 11,399 hektar (2021: 9,061 hektar).



**Rajah 2.1: Sumbangan Sektor Utama dan Sektor Perindustrian kepada Ekonomi Negeri Johor, 2021 dan 2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kelapa Sawit

Dipacu oleh pemulihan suasana perdagangan dunia pada tahun yang lalu, industri kelapa sawit telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan yang telah dipacu oleh perkembangan keluasan kawasan tanaman matang, keadaan cuaca yang menggalakkan, dan importasi tenaga buruh asing ke dalam industri kelapa sawit. Hal yang demikian telah mengakibatkan peningkatan dalam pengeluaran kuantiti dan eksport minyak kelapa sawit pada tahun 2022 yang signifikan berbanding dengan tahun 2021 serta meningkatkan pengeluaran hasil buah tandan segar dan stok minyak kelapa sawit juga telah mencatatkan secara ketara pada tahun 2022 daripada tahun 2021.

Secara keseluruhannya, pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit (FFB) dan minyak kelapa sawit mentah (CPO) telah meningkat, walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi-

komoditi tersebut mencatatkan prestasi yang lembap pada awalan tahun 2022. Mulai pertengahan tahun 2022, prestasi pengeluaran CPO dan FFB telah dipertingkatkan. Secara keseluruhannya, kawasan penanaman kelapa sawit di Negeri Johor telah meningkat sebanyak 2.53% (17,665 hektar) daripada tahun 2021 (699,217 hektar) kepada 716,882 hektar pada tahun 2022.

Susulan dengan hal tersebut, Negeri Johor masih dikategorikan sebagai pengeluar kelapa sawit ke-2 terbesar di Semenanjung Malaysia dari segi penggunaan tanah dengan Negeri Pahang mengekalkan statusnya sebagai pengeluar terbesar nasional. Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit boleh dipecahkan kepada keluasan kawasan yang tanaman mencapai kematangan dan keluasan kawasan tanaman muda di mana kedua-dua jenis kawasan telah mencatatkan penurunan sebanyak -3.2% (631,478 hektar) dan -2.8% (45,375 hektar) masing-masing (2021: 652,568 hektar & 46,648 hektar).

Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) pula telah mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2022 di mana jumlah kuantiti (tan metrik) minyak kelapa sawit telah meningkat kepada 2,969,525 tan metrik yakni peningkatan sebanyak 4.14% daripada tahun yang sebelumnya (2021: 2,851,495 tan metrik) yang menggambarkan imej yang berkontra daripada kemerosotan 9.7% daripada tahun 2020 kepada 2021. Pengeluaran pada akhir suku pertama tahun 2022 telah melonjak sebanyak 24.4% daripada 189,091 tan metrik pada bulan Februari kepada 235,291 tan metrik pada bulan Mac.

Berdasarkan Jadual 2.2, peningkatan yang telah dicatatkan dalam pengeluaran CPO antara bulan

Februari dan Mac tahun 2022 dan terdapat penurunan minor dalam pengeluaran pada bulan November dan Disember pada tahun yang sama memirip trend pengeluaran tahun 2021. Secara keseluruhannya, pengeluaran CPO pada tahun 2022 adalah kekal lebih banyak daripada tahun yang sebelumnya. Dari segi bulan-ke-bulan, Bulan Januari dan Disember telah mencatatkan peningkatan yang paling ketara jika jumlah kuantiti pengeluaran pada tahun 2021 dibandingkan dengan pengeluaran 2022. Pengeluaran pada bulan Januari dan Disember 2022 telah mencatatkan kuantiti yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahap pengeluaran pada bulan-bulan yang sama di tahun 2021.

Bulan	2021 Pengeluaran (Tan Metrik)	2022 Pengeluaran (Tan Metrik)	Pertumbuhan (%) 2022/2021
Januari	170,900	189,578	10.93
Februari	177,082	189,091	6.78
Mac	230,616	235,291	2.03
April	243,167	243,456	0.12
Mei	242,586	241,253	-0.55
Jun	255,153	263,317	3.20
Julai	255,460	268,370	5.05
Ogos	269,971	272,498	0.94
September	261,797	271,777	3.81
Oktober	267,569	278,593	4.12
November	250,771	259,393	3.44
Disember	226,423	256,908	13.46

**Jadual 2.2: Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Johor**

Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

Pengeluaran CPO pada bulan Januari tahun 2022 telah merekodkan kuantiti sebanyak 189,578 tan metrik (Jan 2021: 170900 tan metrik) dan pengeluaran pada bulan Disember 2022 adalah 13.46% lebih tinggi – yakni 256,908 tan metrik – berbanding dengan bulan sama pada tahun 2021 (Dis 2021: 226,423 tan metrik). Bulan Oktober 2022 telah mencatatkan tahap pengeluaran yang tertinggi pada tahun tersebut dengan jumlah kuantiti pengeluaran pada bulan tersebut sebanyak 278,593 tan metrik – iaitu peningkatan sebanyak 2.51% daripada bulan September 2022. Jumlah ini adalah 4.12% lebih

banyak berbanding dengan kuantiti pengeluaran bulan yang sama pada tahun lalu.

Arah aliran CPO sejajar dengan pergerakan hasil pengeluaran purata buah tandan segar (FFB) yang dikeluarkan oleh estet-estet kelapa sawit di Negeri Johor. Jumlah FFB yang telah diterima oleh kilang kelapa sawit di Negeri Johor telah mencatatkan peningkatan dalam jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 5.23% kepada 15,320,904 tan metrik pada tahun 2022 daripada 14,558,904 tan metrik yang dikeluarkan pada tahun 2021.

Kadar pengestrakan minyak negara (OER) pada tahun 2022 telah menurun sedikit sebanyak 0.31 mata peratus kepada 19.70% (2021: 20.01%). Hal yang demikian mencerminkan prestasi pengeluaran BTS yang merosot di kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak yang masing-masing telah merekodkan kemerosotan sebanyak -1.3% kepada OER 19.57%, -1.5% kepada OER 20.25%, dan -2.4% kepada OER 19.47% masing-masing. Bagi Negeri Johor, OER telah menurun 0.20 mata peratus pada tahun 2022 kepada 19.60% daripada kadar 19.80% yang direkodkan pada tahun 2021. Penurunan memirip penurunan yang dialami di seluruh negara dan telah disifatkan sebagai akibat pemprosesan BTS yang kurang matang oleh pengilang minyak kelapa sawit.

Pengeluaran isirung sawit di seluruh negara telah meningkat pada tahun 2022 kepada 4,551,140 tan daripada 2021 (4,417,719 tan), dan telah melebihi tahap pengeluaran di tahun 2020 (4,704,000 tan). Di Negeri Johor, pengeluaran isirung sawit pada tahun 2022 bermula dengan jumlah kuantiti yang rendah di bulan Januari yang menyaksikan pengeluaran yang terkecil (50,869 tan); menjelang bulan Februari 2022, jumlah kuantiti tersebut telah meningkat secara mendadak kepada 64,813 tan pada bulan Mac dan kekal meningkat kepada 70,622 tan pada bulan Jun.

Pengeluaran isirung sawit menaik secara mendadak pada bulan Oktober yang mencatat pengeluaran tertinggi sebanyak 76,950 tan. Trend peningkatan pengeluaran isirung sawit mulai melembap dan menjelang bulan November dan Disember. Pengeluaran isirung sawit Negeri Johor pula telah mencatat kuantiti 4.24% lebih tinggi (811,655 tan) pada tahun 2022 daripada pengeluaran 778,627 tan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, ia masih belum pulih kepada tahap 2020 (874,087 tan).

Jumlah eksport produk kelapa sawit negara telah mengalami peningkatan pada tahun 2022 sebanyak 1.81% kepada 24.72 juta tan daripada tahun 2021 (2021: 24.28 tan) yang telah menandakan peningkatan hasil yang dijana

daripada seluruh pengeksportan kelapa sawit sebanyak 27.10% kepada RM137.89 bilion (2021: RM108.52 bilion). Kenaikan ini telah dirangsangkan oleh kenaikan harga komoditi dan permintaan tinggi dari negara-negara di serantau Asia, Eropah, dan Afrika Utara.

India terus dikekalkan sebagai pengimport terbesar produk kelapa sawit, terutamanya minyak sawit, dari Malaysia sejak tahun 2014 di mana eksport produk kelapa sawit ke negara tersebut merangkumi 18.4% daripada keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2022. Pengimportan produk kelapa sawit ke India adalah sebanyak 2.89 juta tan (2021: 3.60 juta tan). Walau bagaimanapun, ia telah menandakan penurunan sebanyak 19.8% oleh kerana persaingan daripada industri kelapa sawit Indonesia yang menyaksikan peningkatan sebanyak 56.0% kepada 5.00 juta tan (2021: 3.20 juta tan) serta peningkatan pengimportan minyak kacang soya yang bertumbuh sebanyak 10.8% kepada 3.91 juta tan (2021: 3.53 juta tan).

Negara China merupakan pasaran kedua-terbesar bagi eksport minyak sawit. Namun pengimportan minyak sawit Malaysia oleh China juga telah menurun pada tahun 2022 sebanyak 5.8% kepada 1.76 juta tan (2021: 1.87 juta tan) yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang berterusan untuk membendung kebangkitan kes COVID-19 pada pertengahan tahun 2022. Hal yang demikian telah mencetuskan kemerosot penggunaan minyak sayuran.


Eksport minyak sawit ke Kesatuan Eropah juga telah menurun sebanyak 10.1% kepada 1.47 juta tan pada tahun 2022 (2021: 1.64 juta tan) oleh kerana peningkatan import minyak kacang soya dari Amerika Syarikat sebanyak 17.7% kepada 5.24 juta tan (2021: 4.45 juta tan).

Negara Turki dan Kenya merupakan negara pengimport minyak sawit ke-4 dan ke-5 terbesar di kalangan rakan dagang Malaysia. Berbanding dengan prestasi eksport minyak sawit kepada India, China, dan Kesatuan Eropah, eksport minyak sawit kepada negara Turki dan Kenya telah meningkat dengan kadar 17.2% dan 13.4%

kepada 0.82 juta tan dan 0.76 juta tan masing-masing.


Negara Turki telah meningkatkan pengimportan pada tahun 2022 minyak sawit kerana eksport minyak bunga matahari dari Rusia ke Turki telah merosot sebanyak -24.50% daripada 728,800 tan pada tahun 2021 kepada 550,000 tan pada tahun

2022. Manakala, negara Kenya pula telah mengurangkan import minyak sawit dari Indonesia sebanyak -36.9% kepada 263,000 tan pada tahun 2022 daripada 417,000 tan pada tahun 2021 yang telah merangsangkan pengeksportan minyak sawit Malaysia ke negara tersebut.





**Rajah 2.2a: Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Negeri Johor (Tan), 2021-2022**

Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)



**Rajah 2.2b: Pengeluaran Minyak Isirung Negeri Johor ('000 tan), 2021-2022**

Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)



**Rajah 2.2c: Penghasilan BTS Purata Estet-Estet Minyak Sawit di Johor (Tan/Hektar), 2021-2022 dan Pengeluaran BTS Negeri Johor, 2017-2022**

Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

Kuantiti buah tandan segar Negeri Johor menunjukkan prestasi yang kukuh dengan pertumbuhan dalam buah tandan segar dari bulanan dalam tahun 2021 dan 2022 dan juga pertumbuhan dalam jangka lebih panjang daripada 2017 hingga 2022. Malah kuantiti buah tandan segar yang berjaya diraih dalam 2022 adalah lebih banyak berbanding kuantiti dalam 2019 sebelum pandemik COVID

19 bermula yang telah memberi impak secara langsung kepada pekerja-pekerja ladang, Nilai yang dicapai juga amat memberangsangkan dengan pertumbuhan nilai dari 2019 hingga ke 2022. Ini adalah satu pertumbuhan yang kukuh memandangkan pertumbuhan ini dapat dicapai semasa keadaan negara yang lemah kerana pandemik COVID dalam waktu ini.


## Getah

Getah merupakan keluaran tanaman Negeri Johor yang ke-2 lumayan selepas kelapa sawit. Perbandingan harga susu getah pukat pada tahun 2021 dan 2022 menggambarkan penurunan yang signifikan. Berdasarkan Rajah 2.3, harga susu getah pukat telah mengalami tahap terendah pada bulan November 2022 (581.53 sen/kg) manakala tahap harga tertinggi pada tahun 2022 telah dicatatkan sebanyak 742.47 sen/kg pada bulan Februari.

Penurunan harga pada tahun 2022 bermula pada separuh kedua tahun di bulan Julai (695.25 sen/kg) di mana harga tersebut merosot secara beransur-ansur sehingga bulan November dan

meningkat sedikit pada bulan Disember kepada 587.81 sen/kg. Secara purata, harga susu getah pukat pada tahun 2022 adalah 566.93 sen/kg yang merupakan peningkatan sebanyak 0.54% daripada harga purata susu getah pukat pada tahun 2021 (563.86 sen/kg).

Malaysia merupakan antara pengeluar getah dunia yang terbesar dengan pengeluaran sebanyak 568.4 ribu tan metrik yang merupakan penurunan sebanyak -17.78% daripada jumlah pengeluaran getah asli pada tahun 2021 (691.3 ribu tan). Daripada keseluruhan pengeluaran getah di Malaysia pada tahun 2022, sebanyak 66% (375.14 ribu tan) adalah getah asli manakala 34% daripada pengeluaran tersebut adalah getah sintetik (193.26 ribu tan).



**Rajah 2.3: Perbandingan Harga Getah Bulanan (Sen/Kilogram), 2021-2022**

Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Pada tahun 2022, penggunaan getah Malaysia telah menurun sebanyak -26.15% daripada 1.23 juta tan pada tahun 2021 kepada 906.10 ribu tan pada tahun 2022, di mana 53% (498.36 ribu tan) adalah penggunaan getah sintetik dan 47% (425.87 ribu tan). Daripada keseluruhan penggunaan getah di Malaysia, produk susu getah dan tayar merangkumi sumbangan penggunaan yang terbesar di kalangan rakyat Malaysia.

Eksport getah dari Malaysia telah menurun sebanyak 56.0% daripada RM61.7 bilion pada tahun 2021 kepada RM27.2 bilion pada tahun

2022. Kebanyakan produk yang telah diekspor pada tahun 2022 merupakan barangan susu getah (latex) yang merangkumi 79% (RM21.47 bilion) daripada keseluruhan jumlah diekspor berbanding dengan barangan bukan susu getah (non-latex goods) yang hanya merangkumi RM5.73 bilion.

Jumlah eksport dan import getah asli Malaysia pula telah dipandu oleh beberapa faktor seperti pembangunan dalam produk getah bukan sarung tangan yang kukuh dan berterusan menjelang Suku Ketiga tahun 2022. Walaupun, jumlah eksport sarung tangan telah menurun sebanyak -

65.3% menjelang tahun 2022 daripada tahun 2021, ia merupakan produk eksport yang terbesar industri getah Malaysia. Selain daripada itu, eksport produk getah bagi tujuan penggunaan perindustrian telah meningkat sebanyak 22.4% dan produk getah bagi penggunaan umum telah meningkat sebanyak 19.6% pada tahun 2022.

China merupakan pengimport terbesar getah asli Malaysia pada tahun 2022 dengan jumlah diimport sebanyak 649,570 tan (65.9%) yang bernilai sebanyak RM4.70 bilion. Walaupun ia merupakan pengimport terbesar getah asli Malaysia, jumlah yang dieksport telah menurun sedikit dengan jumlah penurunan -0.05% ataupun 36,375 tan berbanding dengan tahun 2021 (685,945 tan). Walau bagaimanapun, negara China merupakan pengimport terbesar dengan margin yang luas, diikuti oleh negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang telah

mengimport 51,665 tan (5.2%), Slovenia (48,887 tan ataupun 5.0%), dan Amerika Syarikat dengan pengimportan sebanyak 34,182 (3.5%).

Penurunan prestasi eksport getah asli negara pada tahun 2022 telah disifatkan kepada beberapa faktor geopolitik dan ekonomi dunia. Antaranya termasuklah sentimen pasaran yang lembap oleh kerana kebimbangan kemelesetan ekonomi dunia oleh kerana konflik antar Ukraine dan Rusia serta kenaikan kes COVID-19 dan sekatan pergerakan di China. Hal yang demikian telah mengganggu pasaran di benua Eropah dan negara China masing-masing. Tambahan pula, kebimbangan inflasi yang berterusan serta pengetatan dasar monetari Bank Negara sedunia, terutamanya oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat juga telah mempengaruhi sentimen pasaran dan melembapkan prestasi eksport pada tahun 2022.

Tahun	Keluasan Berhasil (HA)	2022 Pengeluaran (Kg)
2017	542.20	575,454.40
2018	197.80	220,083.23
2019	197.80	264,271.25
2020	197.80	268,373.94
2021	197.80	143,918.85
2022	156.82	74,408.35

**Jadual 2.3: Hasil Pengeluaran Getah Mentah Negeri Johor, 2017-2022**

Source: FELCRA Negeri Johor

Jika dilihat daripada Jadual 2.3, pengeluaran hasil getah Negeri Johor adalah sejajar dengan trend Malaysia secara menyluruh dimana terdapatnya kejatuhan dalam pengeluaran getah mentah. Ini disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang tidak menentu, peningkatan suhu iklim serta input baja yang terhad disebabkan oleh kos yang tinggi. Situasi kemarau di rantau Thailand, Indonesia dan Malaysia ini dan juga keengganan untuk meneruskan aktiviti penorehan kerana harga getah asli yang rendah memberi kesan kepada pengeluaran. Namun keadaan ini dianggarkan akan pulih tetapi dengan kadar yang terhad bergantung kepada

permintaan pasaran dunia dan harga getah mentah.


## PERIKANAN

Negeri Johor mempunyai tujuh daerah perikanan laut yang boleh dikategorikan kepada Johor Barat (Muar, Batu Pahat, Pontian, & Johor Bahru), dan Johor Timur (Kota Tinggi & Mersing). Dari segi jumlah kuantiti, tangkapan ikan laut merupakan hasil perikanan yang terbesar di Negeri Johor diikuti oleh penangkapan

ikan tawar, udang harimau/udang putih, ternakan ikan dalam sangkar, kupang dan siput sudu, dan ikan tawar daripada perairan umum.

Sepertimana yang telah digambarkan dalam Rajah 2.4, terdapat tiga kawasan perikanan laut utama di Negeri Johor di sebelah Barat dan Timur; belah Timur Negeri Johor turut boleh dipecahkan kepada kawasan pendaratan ikan marin dari laut pantai dan laut dalam manakala

kawasan Johor Barat hanya mempunyai kawasan perikanan laut pantai oleh kerana kedudukannya menghadapi Selat Melaka. Nilai ditambah subsektor perikanan Negeri Johor telah menyumbang sebanyak 9.67% daripada keseluruhan subsektor perikanan nasional pada tahun 2022 (2021: 8.67%). Secara keseluruhannya, subsektor perikanan turut bertumbuh sebanyak 14.36% kepada RM1.12 bilion pada tahun 2022 (2021: RM975 juta).



**Rajah 2.4: Nilai Tangkapan Laut Negeri Johor Mengikut Kawasan (RM Juta), 2019-2022**

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

Pertumbuhan subsektor nasional telah dipacu oleh usaha-usaha untuk memantapkan jaminan makanan yang merupakan suatu kebimbangan komuniti antarabangsa serta disokong oleh pertumbuhan dalam Industri akuakultur yang menampung permintaan domestik daripada isi rumah dan perniagaan makanan. Tambahan pula, terdapat juga beberapa inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan negeri bagi tujuan mengukuhkan subsektor perikanan di Negeri Johor. Salah satu inisiatif ini adalah memperuntukkan RM520 ribu untuk program pemuliharaan sumber perikanan dan pengurusan estet kerangan di kawasan perairan Tangkak, Muar, Batu Pahat, dan Pontian.

Jadual 2.4 mempamerkan jumlah pengeluaran dan eksport hasil perikanan utama Negeri Johor pada tahun 2021 dan 2022. Pada tahun 2022,

tangkapan ikan laut telah mencatat pengeluaran sebanyak 57,726 tan metrik iaitu pertumbuhan sebanyak 12.24% daripada tangkapan ikan laut pada tahun 2021 (51,429 tan metrik). Ia telah menjana hasil sebanyak RM547.20 juta yakni suatu penurunan sebanyak -11.89% daripada hasil yang dijana pada tahun 2021 (RM621.01 juta).

Pada masa yang sama, penangkapan ikan air tawar telah mencatatkan peningkatan sebanyak 9.54% kepada 5,427 tan metrik pada tahun 2022 berbanding dengan kuantiti tangkapan pada tahun 2021 (4,955 tan metrik). Walau bagaimanapun, berbanding dengan penurunan hasil dijana ikan laut, hasil yang dijana oleh ikan air tawar telah meningkat sebanyak 28.06% kepada RM45.50 juta jika dibanding nilai hasil dijana pada tahun 2021 (RM35.50 juta).

Pengeluaran ikan air tawar (perairan umum) pula telah meningkat sebanyak 12.24% pada tahun 2022 kepada 951 tan metrik daripada 847 tan metrik pada tahun 2021. Hasil yang dijana daripada pengeluaran ikan air tawar (perairan umum) telah melonjak 32.10% kepada RM12.04 juta pada tahun 2022 daripada RM9.12 bilion pada tahun 2021. Penangkapan udang harimau/udang putih telah mengalami kemerosotan yang paling ketara di mana jumlah kuantiti ditangkap telah menjunam sebanyak -67.48% daripada 9,912 tan metrik pada tahun 2021 kepada 3,224 tan metrik pada tahun 2022.

Nilai hasil dijana daripada tangkapan udang harimau/udang putih turut menjunam sebanyak -64.48% daripada RM325.20 juta pada tahun 2021 kepada RM115.50 juta pada tahun 2022.


Sementara itu, prestasi pengeluaran kupang/siput sudu telah mengalami peningkatan yang signifikan pada tahun 2022 di mana kuantitinya telah meningkat sebanyak 21.92% kepada 1,662 tan metrik (2021: 1,363 tan metrik) manakala nilai hasil dijana daripada kupang/siput sedut telah meningkat sebanyak 22.39% kepada RM16.40 juta (2021: 13.40 juta).

Pengeluaran ikan dalam sangkar juga telah meningkat sebanyak 2.0% daripada 3,945 tan metrik pada tahun 2021 kepada 4,024 tan metrik pada tahun 2022 yang telah meningkatkan hasil yang dijana sebanyak 11.76% kepada RM118.50 juta (2021: RM106.03 juta). Ikan akuarium/hiasan pada tahun 2022 (179 juta ekor) telah merosot sebanyak -0.75% daripada tahun 2021 (180.3 juta ekor).

Pengeluaran	2021		2022		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti	Nilai
Udang Harimau/ Udang Putih	9,912	325.20	3,224	115.50	-67.48	-64.48
Ikan dalam Sangkar	3,945	106.03	4,024	118.50	2.00	11.76
Kupang / Siput Sudu	1,363	13.40	1,662	16.40	21.92	22.39
Ikan Air Tawar	4,955	35.53	5,427	45.50	9.54	28.06
Ikan Air Tawar (Perairan Umum)	847	9.12	951	12.04	12.24	32.10
Tangkapan Ikan Laut	51,429	621.01	57,726	547.20	12.24	-11.89
Ikan Akuarium/Hiasan (Ekor)	180.37	706.04	179.01	487.21	-0.75	-30.99

**Jadual 2.3: Pengeluaran dan Eksport Hasil Perikanan Utama Johor, 2021 dan 2022**

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia \*Anggaran BPEN Johor



**Rajah 2.5: Anggaran Kuantiti Eksport (RM Juta) Hasil Perikanan Utama Johor, 2021 dan 2022**

Sumber: MAQIS

Bagi nilai eksport hasil perikanan utama Negeri Johor, Ikan hiasan air tawar merupakan bahagian terbesar dalam tahun 2022 dengan 72.7% berbanding hasil perikanan yang lain. Manakala Ikan proses adalah bahagian hasil yang kedua terbesar dengan 26.7% dalam tahun yang sama. Diantara hasil-hasil perikanan ini, pertumbuhan kuantiti hasil perikanan bagi ikan proses telah menunjukkan kadar pertambahan yang terbesar dengan 10.2% dalam tahun 2022. Walaupun mempunyai bahagian terbesar bagi hasil perikanan Negeri Johor, namun nilai eksport bagi hasil-hasil perikanan ini berbeza dengan ikan proses menyumbang kepada nilai yang terbesar dengan RM448.8 juta dalam tahun 2022 (2021: RM 346.6 juta). Kategori hasil perikanan ini juga telah mencatat pertumbuhan yang terbesar antara hasil lain dengan 29.5% dalam tahun 2022.

## TERNAKAN

Nilai ditambah subsektor ternakan di Negeri Johor telah mengalami pemulihan yang diketuai oleh pengeluaran ternakan unggas utama – yakni ayam dan itik – serta ruminan seperti lembu dan kerbau. Pertumbuhan ini mencerminkan pemulihan pasaran buruh dalam subsektor

ternakan serta agenda untuk memperkukuhkan jaminan makanan yang menjadikan kebimbangan serantau oleh kerana faktor-faktor geopolitik. Dari perspektif domestik pula, pengeluaran ayam merupakan penyumbang yang terbesar yang dijangka untuk terus mengembang untuk menampung permintaan domestik yang meningkat.

Berdasarkan maklumat yang didapati daripada halaman Jabatan Veterinar <sup>7</sup>, Negeri Johor merupakan pengeluar ayam terbesar di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022 dengan sumbangan 22.71% daripada jumlah bilangan ayam negara dengan 54.17 juta ekor ayam, yang diikuti oleh negeri Perak (41.89 juta ekor), dan Melaka (30.36 juta ekor). Negeri Johor pula mempunyai jumlah bilangan itik yang kedua-terbanyak (11.01%) di Malaysia selepas negeri Perak daripada jumlah bilangan itik di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022.

Bilangan ternakan lembu dan kerbau di Semenanjung Malaysia telah meningkat dari tahun yang sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 2.86% daripada 698,082 ekor pada tahun 2021 kepada 718,025 ekor pada tahun 2022. Jumlah ayam dan itik juga telah meningkat

<sup>7</sup> Rujukan: Perangkaan Ternakan

sebanyak 2.85% daripada 240.83 juta ekor ayam dan itik pada tahun 2021 kepada 247.71 juta ekor ayam & itik pada tahun 2022. Ternakan kambing & bebiri turut meningkat sebanyak 3.57% daripada 417,620 ekor pada tahun 2021 kepada 432,522 ekor pada tahun 2023.

Berdasarkan Jadual 2.5a, bilangan ternakan di Negeri Johor telah meningkat sebanyak 4.29% daripada 53.28 juta ekor haiwan ternakan pada tahun 2021 kepada 55.56 juta ekor haiwan ternakan di mana 97.49% daripada seluruh ekor haiwan ternakan adalah ayam ditanam. Jumlah bilangan yang kedua-terbesar di Negeri Johor adalah ternakan babi yang merangkumi sebanyak 0.37% daripada segala haiwan

ternakan (207,912 ekor) di mana bilangannya telah menurun sebanyak 13.64% daripada 240,752 ekor (2021).

Secara kumulatifnya, lembu dan kerbau di Negeri Johor telah meningkat sebanyak 4.11% daripada 107,872 ekor pada tahun 2021 kepada 112,302 ekor pada tahun 2022. Ternakan lembu dan kerbau merangkumi 0.2% daripada segala haiwan ternakan di Negeri Johor. Ternakan bebiri dan kambing mempunyai jumlah bilangan yang terkecil dengan bilangan haiwan ternakan hanya mencecah 58,709 ekor – ataupun 0.11% daripada keseluruhan – pada tahun 2022 di mana ia telah meningkat sebanyak 8.99% daripada jumlah bilangan 2021 (53,866 ekor).

Jenis Ternakan	Kuantiti (Ekor)		
	2020	2021	2022
<b>Kerbau</b>	3,544	3,936	4,503
<b>Ayam</b>	62,132,805	51,862,940	54,170,061
<b>Itik</b>	1,010,173	1,015,063	1,015,063
<b>Lembu</b>	95,581	103,936	107,799
<b>Kambing</b>	33,195	35,731	38,458
<b>Biri-biri</b>	17,576	18,135	20,251
<b>Babi</b>	283,800	240,752	207,912
<b>Total</b>	<b>63,576,674</b>	<b>53,280,493</b>	<b>55,564,047</b>

**Jadual 2.4a: Bilangan Ternakan di Johor, 2020-2022**

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia*

Jadual 2.5b mempamerkan bilangan unggas utama di Negeri Johor pada tahun 2021 dan 2022. Ternakan ayam dan itik merupakan ternakan yang terbesar di Negeri Johor, yang kumulatifnya menyumbang sebanyak 99.33% daripada segala ternakan di Negeri Johor. Analisis yang lebih mendalam terhadap bilangan ayam dan itik di Negeri Johor menunjukkan bahawa industri ini boleh dikategorikan kepada ayam dan itik daging, telur ayam dan itik, ayam dan itik pembiak, serta ayam dan itik kampung.

Pada tahun 2021 dan 2022, kuantiti jenis itik dan telur itik tidak menunjukkan perbezaan yang direkodkan di antara kedua-dua tahun tersebut, begitu juga dengan bilangan ayam daging. Walau

bagaimanapun, kuantiti telur ayam, ayam pembiak, dan ayam kampung telah mencatat pertumbuhan di antara dua tahun tersebut. Jumlah telur ayam telah meningkat dengan kadar 17.94% kepada 14.41 juta biji pada tahun 2022 berbanding dengan 12.22 biji yang terdapat di Negeri Johor pada tahun 2021.

Pada masa yang sama, ayam pembiak telah mencatatkan peningkatan 1.91% daripada 4.28 juta ekor pada tahun 2021 kepada 4.37 juta ekor pada tahun 2022 manakala bilangan ayam kampung telah meningkat sebanyak 3.47% daripada 954,580 ekor pada tahun 2021 kepada 987,701 ekor pada tahun 2022.

Ayam	2021	2022
Ayam Daging	134,404,360	34,404,360
Telur Ayam	12,220,000	14,412,000
Ayam Pembiak	4,284,000	4,366,000
Ayam Kampung	954,580	987,701
Itik	2021	2022
Itik Daging	877,863	877,863
Telur Itik	48,200	48,200
Itik Pembiak	89,000	89,000
Itik Kampung	(-)	(-)

**Jadual 2.4b: Bilangan Unggas di Johor**

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Ternakan Utama	Nilai (RM'000)				
	2018	2019	2020	2021	2022
Ayam Hidup	433,241	415,186	681,714	702,785	504,003
Itik Hidup	44,090	47,397	31,770	31,563	28,264
Telur Ayam	258,856	231,296	385,118	371,673	373,492

**Jadual 2.5: Eksport Ternakan Utama Johor**

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan BPEN Johor

## PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Negeri Johor mempunyai keluasan tanah 18,986 kilometer persegi (1,898,629 hektar) yang menyebabkan Negeri Johor menjadi negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia dan di mana 17.61% (3342.92 kilometer persegi) daripada keseluruhan kawasan tanah tersebut diselaputi dengan hutan simpanan kekal. 94% (3122.98 kilometer persegi) daripada kawasan berhutan merangkumi hutan darat, 5% (181.98 kilometer persegi) meliputi hutan paya laut, dan 1% (37.96 kilometer persegi) daripada keseluruhan tersebut merangkumi hutan paya gambut.

Nilai KDNK subsektor Perhutanan dan Pembalakan di Negeri Johor telah menunjukkan penyurutan sebanyak -5.7% daripada RM37 juta pada tahun 2021 kepada RM35 juta pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya pengeluaran produk kayu kayan

di Negeri Johor telah meningkat melintasi pelbagai jenis produk dengan kadar 33.79% daripada 170,220 meter padu pada tahun 2021 kepada 227,743 meter padu pada tahun 2022.

Sepertimana yang dipamerkan dalam Jadual 2.7, produk kayu utama di Negeri Johor pada tahun 2022 merupakan kayu gergaji yang telah merangkumi 89.42% daripada seluruh pengeluaran produk kayu Negeri Johor dan mencatatkan peningkatan sebanyak 29.79% daripada 156,897 meter padu pada tahun 2021 kepada 203,644 meter padu pada tahun 2022.

la diikuti oleh pengeluaran venir yang menyumbang 4.42% kepada jumlah pengeluaran produk kayu Negeri Johor dan telah melonjak dengan ketara sebanyak 134.67% daripada 4,294 meter padu pada tahun 2021 kepada 10,068 meter padu pada tahun 2022. Pengeluaran papan lapis juga turut meningkat secara mendadak dengan kadar 173.93%


kepada 9,626 meter padu pada tahun 2022 daripada 3,514 pada tahun 2021 dan telah menyumbang sebanyak 4.23% kepada pengeluaran produk kayu Negeri Johor. Pengeluaran kayu kumai telah menyumbang

jumlah yang terkecil (1.93%) dan telah menurun sebanyak 20.13% menjelang tahun 2022 daripada 5,515 meter padu pada tahun 2021 kepada 4,405 meter padu.

Jenis	Kuantiti (Meter Padu)			
	2019	2020	2021	2022
Kayu Gergaji	254,859	144,865	156,897	203,644
Papan Lapis	5,388	12,998	3,514	9,626
Venir	1,724	189,967	4,294	10,068
Kayu Kumai	3,216	7,507	5,515	4,405
<b>Jumlah</b>	<b>265,187</b>	<b>355,337</b>	<b>170,220</b>	<b>227,743</b>
<b>Perubahan (%)</b>	<b>-11</b>	<b>34</b>	<b>-52</b>	<b>34</b>

**Jadual 2.6: Pengeluaran Produk Kayu Utama Mengikut Jenis di Johor, 2019-2022**

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor



**Rajah 2.6: Anggaran Kutipan Hasil Hutan di Johor, 2022**

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Jumlah kutipan hasil hutan Johor dianggarkan merosot dengan kadar -20.2% kepada RM6.3 juta pada tahun 2022 berbanding 2021 (2020: RM 7.9 juta). Hasil kayu balak hanya menyumbang sekitar 4.4% kepada jumlah

kutipan hasil hutan. Manakala keluaran hutan lain menyumbang sekitar 39.7% kepada hasil hutan Negeri Johor iaitu sebanyak RM2.5 juta. Jadual 2.7 dan Rajah 2.6 menunjukkan kutipan hasil hutan dari tahun 2018 sehingga 2020.

Tahun	Premium	Kayu Balak	Keluaran Hutan Lain	Ses	Sumber Lain	Jumlah Besar (RM)	Perubahan (+/-) %
2018	8,765,533	1,767,768	1,771,979	1,722,448	878,055	14,905,784	9.0
2019	14,196,280	60,707	3,019,279	373,572	1,335,065	18,984,904	0.3
2020	1,610,925	1,481,071	2,328,360	1,521,803	2,445,703	9,387,862	-0.5
2021	6,015	144,096	2,176,919	343,757	5,181,868	7,852,654	-0.2
2022	2,246	277,349	2,496,754	590,588	2,924,371	6,291,308	-0.2

**Jadual 2.7: Kutipan Hasil Hutan di Johor, 2018-2022**

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

## PERTANIAN LAIN

Subsektor pertanian lain merangkumi aktiviti penanaman koko, kopi, nanas, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, dan tanaman kontan dan merupakan suatu subset daripada sektor

pertanian utama di Negeri Johor. Negeri Johor merupakan antara negeri terbesar di Malaysia di mana sebahagian yang signifikan telah digunakan untuk bertanam. Hal ini telah merealisasikan antara hasil tanaman yang tertinggi di Malaysia.

Jenis	2021			2022		
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM)	Keluasan (Hektar)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM)	Keluasan (Hektar)
Koko (Biji Kering)	39	262,899	51	27	192,132	51
Kopi	3,126	3,751,200	468	2,789	3,346,800	391
Nanas Kaleng	52,110	66,613,051	1,812	91,720	117,247,091	2,280
Nanas Segar	208,439	266,452,203	7,249	325,188	415,694,232	9,119
Buah-buahan	601,101	2,608,778	43,680	573,378	2,488,460	37,860
Sayur-sayuran	221,634	536,354	15,526	245,705	594,605	16,477
Kelapa	118,278	132,051,308	11,338	124,062	132,746	11,218
Tanaman Kontan	47,539	67,980	3,452	46,960	67,151	3,184
<b>Jumlah</b>	<b>1,252,266</b>	<b>472,343,773</b>	<b>83,576</b>	<b>1,409,829</b>	<b>539,763,217</b>	<b>80,580</b>

**Jadual 2.8: Keluasan Bertanam dan Hasil Pengeluaran bagi Lain-Lain Tanaman di Negeri Johor, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB)

Berdasarkan Jadual 2.9, aktiviti pertanian lain telah menunjukkan peningkatan dengan kadar 12.56% daripada 1.25 juta tan metrik pada tahun 2021 kepada 1.41 juta tan metrik pada tahun 2022. Hal ini telah turut meningkatkan nilai hasil yang dijana oleh industri-industri pertanian lain dengan sebanyak 14.27% daripada RM472.34 juta pada tahun 2021 kepada RM539.76 juta pada tahun 2022.

Keluasan aktiviti pertanian lain pula telah menyusut sedikit sebanyak 2,996 hektar (-3.59%) kepada 80,580 hektar pada tahun 2022 daripada tahun 2021 (83,576 hektar). Daripada keluasan tersebut, tanaman buah-buahan telah menggunakan keluasan tanah yang terbesar (37,860 hektar) diikuti oleh tanaman sayur-sayuran (16,477 hektar), kelapa (11,218 hektar), nanas segar (9,119 hektar), tanaman kontan (3,184 hektar), nanas kaleng (2,280 hektar), kopi (391 hektar), dan biji kering koko (51 hektar).

Dari segi kuantiti, penanaman buah-buahan telah mencatatkan jumlah pengeluaran terbesar antara tanaman pertanian lain yang merangkumi 40.67% (573,378 tan metrik) daripada seluruh pengeluaran pertanian lain pada tahun 2022 namun ia telah mencatatkan penyurutan 4.61% pada tahun 2021 (601,101 tan metrik). Walau bagaimanapun, hasil yang dijana daripada penanaman buah-buahan hanya mencecah RM2.49 juta pada tahun 2022 yang merupakan penyurutan sebanyak 4.61% daripada RM2.61 juta pada tahun 2021.

Malaysia merupakan antara pengeluar dan pengeksport buah nanas yang prolifrik antara kalangan pengeluar nanas dunia seperti Thailand, Indonesia, Filipina, Hawaii, Ivory Coast, Kenya, Brazil, Taiwan, Australia, India dan Afrika Selatan. Negeri Johor merupakan pengeluar buah nanas terbesar di Malaysia, namun ia mungkin akan diatasi oleh negeri Sarawak pada akhiran Rancangan Malaysia ke-12. Pada tahun 2022, Negeri Johor yang telah berjaya memecah rekod eksport tahun sebelumnya dan menembusi pasaran-pasaran global seperti negara Jerman, Turki, China, Jepun, dan Korea Selatan.

Pengeluaran nanas segar dan kaleng pula telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi antara tanaman-tanaman lain di Negeri Johor. Nanas kaleng telah bertumbuh sebanyak 76.01% menjelang tahun 2022 kepada 91,720 tan metrik daripada 52,110 tan metrik yang telah dikeluarkan pada tahun 2021. Hal yang demikian telah meningkatkan hasil yang dijana pada tahun 2022 sebanyak RM50.63 juta (76.01%) kepada RM117.25 juta daripada hasil janaan tahun 2021 (RM66.61 juta).

Dalam masa yang sama, pengeluaran nanas segar juga telah melonjak pada tahun 2022 dengan kadar 56.01% kepada 325,188 tan metrik pada tahun 2022 daripada tahun 2021 (208,439 tan metrik). Nilai hasil yang dijana daripada pengeluaran nanas segar jugaa telah meningkat sebanyak RM149.24 juta (56.01%) kepada RM415.69 juta daripada RM266.45 juta yang dijana pada tahun 2021. Secara kumulatifnya, pertumbuhan dalam industri nanas merupakan pemacu utama pertumbuhan pertanian kecil tanaman lain-lain.

Kegiatan pertanian tanaman kelapa dan sayur-sayuran juga turut meningkat pada tahun 2022. Pertanian tanaman sayur-sayuran telah bertumbuh sebanyak 24,071 tan metrik (10.86%) kepada 245,704 tan metrik pada tahun 2022 daripada 221,634 tan metrik pada tahun 2021 yang meningkatkan hasil yang dijana sebanyak 10.86% kepada RM594,605 pada tahun 2022 (2021: 536,354). Kegiatan tanaman kelapa juga turut meningkat pada tahun 2022 sebanyak 5,784 tan metrik (4.89%) kepada 124,062 tan metrik pada tahun 2022 (2021: 118,278 tan metrik). Walau bagaimanapun, nilai yang dijana meningkat secara marginal dengan kadar 0.53% daripada RM132.05 juta pada tahun 2021 kepada RM132.75 pada tahun 2022.

Aktiviti pertanian tanaman kontan, kopi, dan koko telah menurun menjelang tahun 2022. Jadual 2.9 menunjukkan bahawa aktiviti tanaman kontan telah menurun sedikit sebanyak -579 tan metrik (-1.22%) kepada 46,970 tan metrik pada tahun 2022 daripada 47,539 tan metrik pada tahun 2021. Penyusutan tersebut telah menyebabkan

penyusutan nilai hasil janaan sebanyak RM829 (1.22%) kepada RM67,151 pada tahun 2022 daripada RM67,980 yang dijana pada tahun 2021.

Tanaman kopi dan koko menyumbang jumlah pengeluaran yang terkecil antara kalangan tanaman-tanaman pertanian lain, hanya menyumbang sebanyak 0.19% (2,789 tan metrik) dan 0.0019% (27 tan metrik) pada tahun 2022 masing-masing. Pengeluaran kopi pada tahun 2022 telah menyusut sebanyak -10.78% daripada 3,126 tan metrik pada tahun 2021; hal yang demikian telah menyebabkan penyurutan nilai hasil dijana oleh pengeluaran kopi dengan kadar yang sama daripada RM3.75 juta pada tahun 2021 kepada RM3.35 juta pada tahun 2022.


Pengeluaran biji kering koko juga turut berturun sebanyak 30.77% pada tahun 2022 kepada 27 tan metrik daripada 39 tan metrik pada tahun 2021. Penurunan kuantiti pengeluaran juga telah menyebabkan penyusutan hasil yang dijana daripada tanaman koko sebanyak -26.92%

kepada RM192,132 (2022) daripada RM262,899 (2021).

## PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Sektor perlombongan dan pengkuarian Negeri Johor telah merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2022 dengan kadar 7.5% berbanding dengan tahun yang sebelumnya. Sektor tersebut merupakan sektor terkecil ekonomi negeri yang hanya telah menyumbang 0.44% daripada jumlah KDNK Negeri Johor pada tahun 2022.

Sumbangan sektor ini telah kekal stabil dari segi tahun-ke-tahun dengan sumbangan sebanyak 0.4% pada 2021, 0.5% pada 2020, 0.6% pada 2019, dan 0.5% pada 2018. Hal yang demikian kerana Negeri Johor tidak menyertai dalam perlombongan utama nasional seperti pengestrakan minyak dan gas, timah, atau boksit oleh kerana ketiadaan sumber-sumber tersebut.



**Rajah 2.7 Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor Perlombongan dan Pengkuarian Negeri Johor, 2018-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, ia telah mendapat pelaburan dalam industri minyak dan gas berfokuskan industri-industri perisian seperti yang terlibat dalam sektor pembuatan. Pertumbuhan sektor perlombongan dan pengkuarian Negeri Johor mencerminkan

pemulihan sektor perlombongan dan pengkuarian pada peringkat nasional di mana kadar pertumbuhan sektor pada tahun 2022 menunjukkan kadar yang positif daripada penyurutan yang boleh diperhatikan pada tahun 2020 dan 2021.

Berdasarkan Jadual 2.10, pengeluaran sektor perlombongan dan pengkuarian merangkumi kegiatan pengeluaran batu pejal, ketulan batu bata, produk-produk yang diperolehi daripada tanah liat, batu lombongan secara kecil, dan produk pasir seperti yang digambarkan senarai

batu-batuan utama di Negeri Johor dalam Jadual 2.10. Secara keseluruhannya, pengeluaran sektor perlombongan dan pengkuarian telah meningkat sebanyak 3.44% berbanding dengan tahun yang sebelumnya.

Jenis	Kuantiti (Meterpadu/Meterpersegi/Ketul)				Perubahan (%)	
	2019	2020	2021	2022	2021	2022
<b>Batu Pejal</b>	9,527,499	9,379,955	8,003,937	9,403,194	-14.67	17.48
<b>Batu Bata (Ketul)</b>	333,464,960	271,926,596	271,193,505	281,926,800	-0.27	3.96
<b>Atap Genting T. Liat</b>	19,389,000	11,625,000	6,508,000	3,925,000	-44.02	-39.69
<b>Rumput</b>	2,367,097	1,374,750	1,323,531	1,334,563	-3.73	0.83
<b>Tanah Liat</b>	201,917	158,137	162,138	195,488	2.53	20.57
<b>Pasir Laut</b>	1,237,502	249,000	730,000	420,500	193.17	-42.40
<b>Pasir Sungai</b>	512,426	248,743	213,839	186,506	-14.03	-12.78
<b>Pasir</b>	1,498,514	971,108	858,582	1,063,583	-11.59	23.88
<b>Batu Merah</b>	1,224	9,122	2,184	37	-76.06	-98.31
<b>Tanah Merah</b>	2,334,719	1,475,648	1,445,330	1,974,245	-2.05	36.59
<b>Jumlah</b>	<b>370,534,858</b>	<b>297,418,059</b>	<b>290,441,046</b>	<b>300,429,916</b>	<b>-2.35</b>	<b>3.44</b>

**Jadual 2.9: Pengeluaran Bahan Batu-Batuan Di Negeri Johor**

*Sumber: Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Johor*

Pengeluaran utama sektor ini adalah ketulan batu bata yang telah menyumbang 93.84% daripada keseluruhan pengeluaran sektor perlombongan dan pengkuarian yang juga telah bertumbuh sebanyak 3.96% daripada pengeluaran tahun 2021. Pengeluaran batu pejal, tanah liat, pasir laut, dan tanah merah telah bertumbuh secara signifikan pada tahun 2022 daripada 2021. Pengeluaran tanah liat dan tanah merah telah meningkat sebanyak 20.57% dan 36.59%

masing-masing pada tahun 2022. Pengeluaran batu pejal juga telah bertumbuh sebanyak 17.48% manakala pasir telah meningkat sebanyak 23.88% menjelang tahun 2022.

Pada masa yang sama, Pengeluaran atap genting tanah liat, pasir laut & sungai, dan batu merah telah menyusut menjelang tahun 2022. Pengeluaran batu merah telah menyusut dengan kadar yang terbesar pada tahun 2022 di mana ia

telah menurun sebanyak -98.31% daripada pengeluaran tahun 2021. Pasir laut dan sungai juga telah menyusut sebanyak -42.40% dan -12.78% daripada tahun 2021.

Atap gentian tanah liat juga telah menyusut sebanyak -39.69%, menyambungi trend penyusutan daripada tahun-tahun yang sebelumnya. Secara keseluruhannya, pengeluaran produk batuan dan galian di Negeri Johor telah mengalami suatu pemulihan yang sejajar dengan peningkatan dalam prestasi dalam sektor pembinaan yang disokong oleh data pengeluaran produk-produk tertentu seperti batu bata, batu pejal, pasir, dan tanah liat.

## **PEMBUATAN**

Ekonomi Negeri Johor amat bergantung kepada sektor pembuatan yang menyumbang sebanyak 30.2% kepada KDNK negeri dan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada nilai ditambah sektor pembuatan Malaysia dengan sumbangan 11.8%. Jumlah nilai ditambah pada tahun 2022 yang telah dijana oleh sektor pembuatan Negeri Johor adalah RM42.95 juta pada harga malar 2015. Hal yang demikian merupakan suatu peningkatan sebanyak 30.2% daripada RM40.73 juta pada tahun 2021.

Pertumbuhan tersebut telah dipacu oleh produk elektrik, elektronik, dan optikal, serta produk petroleum, kimia, getah, dan plastik. Dari aspek sumbangan kepada KDNK negeri, pengeluaran produk elektrik, elektronik, dan optikal merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi sektor pembuatan Negeri Johor dengan sumbangan RM14,397 juta (33.52%). Hal yang demikian mencerminkan status Malaysia sebagai antara pengeksport produk elektrik dan elektronik yang terbesar di serantau Asia Tenggara.

### **Nilai Ditambah Sektor Pembuatan**

Nilai ditambah sektor Pembuatan Negeri Johor telah mengilustrasi pertumbuhan sebanyak

5.45% daripada RM40.23 bilion pada tahun 2021 kepada RM42.95 bilion pada tahun 2022 yang merupakan penyambungan trend pertumbuhan pertumbuhan pada tahun 2021 (Perubahan % 2021: 5.37%). Hal yang demikian adalah sejajar dengan peningkatan dalam prestasi sektor pembuatan nasional pada tahun 2022 yang telah bertumbuh sebanyak 8.10% daripada RM336,893 juta pada tahun 2021 kepada RM364,131 juta pada tahun 2022.

Pertumbuhan prestasi sektor pembuatan nasional telah dipacu oleh peningkatan permintaan global untuk produk-produk eksport nasional serta pertumbuhan yang kukuh bagi industri-industri berorientasi domestik. Industri berorientasi eksport dan domestik telah bertumbuh sebanyak 10.3% dan 7.3% masing-masing pada tahun 2022 di mana industri-industri berorientasi eksport merupakan penyumbang terbesar sektor pembuatan negara (69.2%).

Susulan itu, antara kalangan industri berorientasi eksport, industri-industri dalam kumpulan subsektor produk elektrik, elektronik, dan optikal di Johor adalah penyumbang terbesar kepada sektor pembuatan negeri dan telah mengalami pertumbuhan yang mencerminkan pertumbuhan mampan kumpulan tersebut pada peringkat nasional.

Berdasarkan Rajah 2.9, subsektor kumpulan produk elektrik, elektronik, dan optikal di Negeri Johor telah bertumbuh sebanyak 7.55% kepada RM14.40 bilion pada tahun 2022 berbanding dengan pengeluaran bernilai RM13.39 bilion pada tahun 2021. Perkembangan ini sejajar dengan permintaan yang bertambah pesat dalam pasaran semikonduktor, terutamanya produk-produk cip juga telah menyebabkan industri produk elektrik dan elektronik (E&E) mengetuai subsektor pembuatan di seluruh negara.

Kumpulan subsektor yang kedua-terbesar antara industri-industri berorientasi eksport di Negeri Johor merupakan produk petroleum, kimia, getah, dan plastik yang merangkumi industri tulang belakang negara telah menyumbang sebanyak RM9.04 bilion (21.04%) kepada nilai

ditambah sektor pembuatan Negeri Johor. Hal yang demikian merupakan pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 0.87% berbanding dengan nilai ditambah tahun sebelumnya (2021: RM8.98 bilion).

Pertumbuhan subsektor kumpulan tersebut adalah perlahan pada tahun 2022 berbanding dengan subsektor-subsektor pembuatan yang lain oleh kerana pertumbuhan yang perlahan dalam pengeluaran bahan dan produk kimia. Sementara itu, produk plastik juga telah mengalami penyurutan dalam aktiviti yang turut mempengaruhi kelembapan pertumbuhan nilai ditambah kumpulan subsektor tersebut.

Subsektor kumpulan industri pengeluaran berorientasi domestik di Negeri Johor adalah kumpulan subsektor pembuatan aneka makanan, kumpulan subsektor mineral dan logam, serta kumpulan subsektor pengangkutan dan pembaikan. Kumpulan subsektor pemprosesan makanan merangkumi pembuatan produk minyak dan lemak, pemprosesan makanan dan minuman, dan produk tembakau yang secara kumulatifnya menyumbang sebanyak RM5.56 bilion (12.94%) kepada sektor pembuatan Negeri Johor pada tahun 2022.


Sektor tersebut juga telah bertumbuh sebanyak RM250 juta (4.73%) daripada RM5.31 bilion pada tahun 2021. Pertumbuhan tersebut telah disebabkan peningkatan dalam penggunaan swasta serta pemulihan dalam sektor pelancongan. Industri pembuatan produk minyak

– yang merupakan industri major di Malaysia – juga telah memanfaatkan daripada peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah di Negeri Johor pada tahun 2022.

Subsektor kumpulan pembuatan produk bahan pembinaan merangkumi industri-industri pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas, dan produk logam yang direka. Ia telah menunjukkan pertumbuhan nilai ditambah sebanyak RM243 juta (4.76%) kepada RM5.34 bilion pada tahun 2022 daripada nilai ditambah tahun sebelumnya (RM5.11 bilion).

Ia juga merupakan industri berorientasi domestik yang kedua-terbesar di Negeri Johor yang menyumbang 12.46% daripada nilai ditambah keseluruhan sektor pembuatan Negeri Johor. Pertumbuhan tersebut merupakan suatu kesan perancangan aktiviti sektor pembinaan pada peringkat nasional yang telah merangsangkan pengeluaran industri-industri berkaitan dengan pembuatan besi.

Aktiviti pembuatan peralatan pengangkutan, pembuatan lain, dan pembaikan – walaupun penyumbang yang terkecil sektor pembuatan – telah bertumbuh dengan sebanyak 6.02% kepada RM1.67 bilion pada tahun 2022 daripada RM1.58 bilion pada tahun yang sebelumnya. Hal yang demikian telah disebabkan penormalan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perindustrian telah meningkatkan permintaan untuk pengeluaran industri-industri berkaitan pengangkutan.



**Rajah 2.8: Nilai Ditambah Subsektor-Subsektor Pembuatan Negeri Johor (RM juta), 2021 dan 2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


## PEMBINAAN

Sektor pembinaan negara menjelang tahun 2022 telah mengalami kadar pertumbuhan yang positif yang menggambarkan ekonomi yang semakin memulih daripada kesan-kesan pandemik COVID-19. Walaupun kadar pertumbuhan sektor pembinaan pada tahun 2022 adalah bersifat positif, nilai ditambah pada tahun tersebut tidak setinggi seperti tahap pra-pandemik.

Keadaan ini boleh disifatkan kepada penyembuhan sektor ekonomi secara ansuran daripada isu-isu yang melarat seperti kekurangan tenaga buruh dan ketidakpastian harga bahan-bahan pembinaan susulan daripada kekangan logistik yang telah dizahirkan oleh tempoh pandemik. Sektor pembinaan di Negeri Johor mencerminkan pertumbuhan sektor pembinaan

di peringkat nasional di mana nilai kerja pembinaan dan nilai ditambah sektor pembinaan telah mengalami pertumbuhan menjelang tahun 2022.

Rajah 2.10 mempamerkan nilai kerja pembinaan mengikut negeri di seluruh Malaysia. Negeri Johor menunjukkan pertumbuhan yang paling ketara pada tahun 2022 dengan jumlah nilai ditambah sebanyak 27.99% (RM2.69) pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021. Hal yang demikian telah meningkatkan nilai peruntukan projek pembinaan yang diterima oleh Negeri Johor kepada RM12.30 bilion pada tahun 2022 yang merupakan peruntukan yang keempat-terbesar selepas negeri Selangor yang mendapat RM28.37 bilion, ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (RM20.96 bilion), dan negeri Sarawak (RM14.12 bilion).




**Rajah 2.9: Nilai Kerja Pembinaan Mengikut Lokasi (RM), 2021-2022<sup>8</sup>**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Rajah 2.11, sektor pembinaan Negeri Johor merangkumi empat subsektor: pembinaan bangunan kediaman, pembinaan bangunan bukan kediaman, kejuruteraan awam, dan aktiviti pertukangan khas. Pada tahun 2022, subsektor kejuruteraan awam adalah subsektor

yang terbesar sektor pembinaan Negeri Johor dengan sumbangan sebanyak 34% daripada keseluruhan nilai kerja pembinaan yang diikuti oleh pembinaan bangunan bukan kediaman (30%), pembinaan bangunan kediaman (25%), dan aktiviti pertukangan khas (11%).



**Rajah 2.10: Peratus Nilai Kerja Pembinaan Negeri Johor**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seperti yang dipamerkan dalam Rajah 2.12a, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 2.79% (RM3.967 bilion) pada tahun 2022 yang merupakan suatu peningkatan daripada


sumbangan 2.67% (RM3.42 bilion) pada tahun 2021. Sepertimana yang telah dinyatakan, peningkatan tersebut adalah kerana

<sup>8</sup> Wilayah Persekutuan merujuk kepada Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan

pemulihan sektor ekoran daripada pandemik COVID-19 dan adalah sejajar dengan peningkatan pesat kadar pertumbuhan nilai ditambah sektor.


Pertumbuhan sektor pembinaan Negeri Johor telah mencatatkan kenaikan sebanyak 15.86% kepada RM3.97 bilion yang merupakan pemulihan yang signifikan berbanding dengan

kadar pertumbuhan negatif -18.01% pada tahun 2021. Prestasi pertumbuhan sektor ini telah dipacu oleh pertumbuhan dua-digit dalam subsektor pembinaan bangunan kediaman dan bukan kediaman yang secara kumulatifnya telah menyumbang 42.28% daripada keseluruhan KDNK sektor pembinaan, diikuti oleh kerja kejuruteraan awam (37.83%), dan aktiviti pembinaan pertukangan khas (18.94%).



**Rajah 2.11a: Nilai Ditambah Sektor Pembinaan Negeri Johor**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 2.11b: Sumbangan Subsektor Kepada Nilai Ditambah Sektor Pembinaan Negeri Johor, 2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan Negeri Johor telah diaktifkan semula oleh beberapa projek utama yang merangkumi infrastruktur pengangkutan, penerajuan industri baharu, dan perkhidmatan profesional bagi projek-projek yang sedang diusahakan telah menjadi fokus sektor tersebut.

Antara projek infrastruktur yang signifikan pada tahun 2022 adalah projek Sistem Transit Aliran Johor Bahru-Singapura (RTS) yang merupakan suatu perangkaan keretapi yang akan berulang-alik dari Bukit Chagar, Johor Bahru ke Woodlands, Singapura. Projek tersebut

berpotensi untuk menjadi suatu alternatif kepada lebuh raya yang menghubungkan Malaysia dan jirannya.

Projek RTS telah dilaporkan 20% disiapkan dan dijangka akan disiapkan pada akhir bulan Disember 2026. Terdapat juga pembinaan Jambatan Sungai Pulai yang berpanjang 7.5km yang menghubungkan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah dengan Tanjung Bin. Ia telah memendekkan perjalanan antara Gelang Patah ke Johor Bahru kepada hanya 15 minit dan juga dijangka menggiatkan aktiviti ekonomi tempatan daerah Pontian. Terdapat juga pelantikan Mina Works bagi membangunkan Fasa Dua di R&F Tanjong Puteri yang merupakan suatu pembangunan pangsapuri eksklusif yang dibina berdekatan dengan RTS Johor Bahru-Singapura.

Selain itu, terdapat juga projek-projek yang berfokuskan perancangan ekonomi yang merangkumi projek kejuruteraan sivil dan juga

pembinaan perangkaan untuk penerajuan industri baharu untuk menggiatkan ekonomi negeri. Antara projek utama bagi kategori tersebut adalah projek pembinaan YTL Green Data Center Park di kawasan Iskandar yang menjangkau 275 ekar dan akan menggunakan kuasa solar. Pembinaan kampus demikian berpotensi untuk menerajui dua segmen ekonomi berpandang-hadapan yakni industri komputer dan teknologi informasi serta tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia.

### Unit Perumahan

Pembinaan bangunan perumahan merupakan antara subsektor pembinaan yang terbesar di Negeri Johor. Suasana pembinaan bangunan perumahan telah digambarkan dalam Jadual 2.11 yang mempamerkan bilangan unit kediaman yang dibina di Negeri Johor yang disumbangkan daripada Jabatan Penilaian dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Daerah	Stok Sedia Ada		Siap Dibina		Penawaran Dirancang		Mula Dibina	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
<b>Batu Pahat</b>	95,504	96,089	971	525	2,880	2,253	303	464
<b>Johor Bahru</b>	466,551	479,106	3,755	4,724	48,439	41,223	5,148	7,141
<b>Kluang</b>	70,314	71,081	692	583	4,116	3,898	1,008	989
<b>Kota Tinggi</b>	28,936	30,272	228	179	8,048	8,326	734	805
<b>Kulai</b>	72,628	74,065	914	1,059	1,754	2,364	711	1,354
<b>Mersing</b>	7,102	7,227	0	22	107	162	92	0
<b>Muar</b>	45,864	46,876	753	1,012	156	249	834	728
<b>Pontian</b>	20,068	20,435	153	279	909	861	92	314
<b>Segamat</b>	46,716	46,895	387	115	1,106	1,214	90	148
<b>Tangkak</b>	21,483	22,464	454	981	303	418	680	370
<b>Jumlah</b>	<b>875,166</b>	<b>894,510</b>	<b>8,307</b>	<b>9,479</b>	<b>67,818</b>	<b>60,968</b>	<b>9,692</b>	<b>12,313</b>

**Jadual 2.10: Jumlah Unit Kediaman Yang Dibina di Johor 2021-2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Secara keseluruhannya, bilangan unit kediaman yang sedia ada di Negeri Johor telah meningkat sebanyak 2.21% (19,344 unit) kepada 894,166-unit pada tahun 2022 daripada inventori bangunan perumahan pada tahun 2021 (875,166

unit). Unit kediaman yang mula dibina pada tahun 2022 di Negeri Johor telah meningkat 27.04% (2,621 unit) kepada 12,313-unit daripada pada tahun 2021 (9,692-unit) manakala unit rumah yang siap dibina pula telah meningkat sebanyak


14.11% (1,172 unit) kepada 9,479-unit pada tahun 2022 daripada tahun 2021 (8,307-unit).

Susulan daripada itu, Rajah 2.13 menunjukkan perbezaan antara unit kediaman yang telah dilancar dan unit kediaman yang tidak terjual pada tahun 2022 mengikut harga. Secara keseluruhannya, bilangan unit kediaman yang tidak terjual telah menurun sebanyak -13.65% (-831 unit) daripada 6,089-unit pada tahun 2021 kepada 5,258-unit pada tahun 2022. Berdasarkan Rajah 2.14, Negeri Johor mempunyai jumlah unit kediaman tak terjual yang terbesar antara negeri-negeri di Malaysia, diikuti oleh Selangor (3,698 unit), Pulau Pinang (3,593 unit), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3,429).

Keadaan ini boleh disifatkan kepada gangguan ekonomi yang timbul daripada pandemik COVID-19. Berdasarkan Rajah 2.13, jumlah unit kediaman tidak terjual yang terbanyak terdiri daripada unit dalam julat harga tinggi RM500,001-RM1,000,000, di mana unit yang berharga RM500,001-RM600,000 dan unit yang berharga lebih daripada RM1,000,000. Unit-unit dalam julat harga tersebut merangkumi 19.70% (1,036 unit) dan 20.05% (1,054 unit) daripada


jumlah unit tidak terjual masing-masing. Daripada unit-unit kediaman yang tak terjual di Negeri Johor, unit kondominium dan pangsapuri telah merangkumi 47.72% (2,509 unit) daripada jumlah unit-unit tidak terjual diikuti oleh rumah teres 2-3 tingkat telah merangkumi 25.33% (1,332 unit).

Terdapat beberapa faktor yang boleh digelar pemangkin kepada jumlah unit tidak terjual di Negeri Johor. Antaranya adalah pembangunan projek pembinaan kediaman yang terlalu pantas yang telah menyebabkan penawaran melebihi permintaan bagi unit kediaman daripada pengguna domestik. Bagi unit rumah teres 2-3 tingkat, harga merupakan faktor yang signifikan kepada pembeli di mana data daripada pihak NAPIC menyatakan bahawa kebanyakan rumah-rumah teres 2-3 tingkat yang tidak terbeli dikelompok di sekeliling harga RM500,001 – RM900,000. Walau bagaimanapun, status pasaran hartanah unit kediaman telah mengalami pemulihan menjelang suku-suku tahunan 2022. Hal ini telah disifatkan kepada pembukaan semula ekonomi susulan daripada tempoh pemulihan daripada pandemik COVID-19 yang telah melemahkan ekonomi dunia pada tahun 2021.



**Rajah 2.12: Bilangan Unit Tidak Terjual Mengikut Harga di Negeri Johor 2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)



**Rajah 2.13: Bilangan Unit Kediaman Tidak Terjual Mengikut Lokasi, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Terdapat pelbagai jenis unit kediaman yang telah dibina di Johor; Jadual 2.13 mempamerkan jenis-jenis status rumah dipasaran hartanah. Jumlah unit kediaman yang tertinggi adalah unit rumah teres 2-3 tingkat di Negeri Johor telah merekodkan 253,434-unit (32.94% daripada keseluruhan unit kediaman sedia ada) pada

tahun 2022 dan telah meningkat sebanyak 9,433-unit ataupun 3.87% (2021: 244,001 unit). Ia telah diikuti oleh stok rumah teres setingkat yang terdapat sebanyak 203,579-unit (26.46%) yang juga telah meningkat sebanyak 1.00% ataupun 2,179 unit (2021: 201,400 unit).

Daerah	Teres Setingkat		Teres 2-3 Tingkat		Pangsapuri	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Batu Pahat	25,764	26,208	18,896	18,930	1,029	1,029
Johor Bahru	81,112	81,372	159,310	166,328	61,149	63,631
Kluang	22,210	22,210	13,975	14,421	0	0
Kota Tinggi	10,531	11,236	7,316	7,509	375	375
Kulai	26,535	26,741	23,551	24,365	888	888
Mersing	1,958	1,980	645	645	0	0
Muar	9,030	9,196	5,449	6,059	1,452	1,452
Pontian	5,265	5,265	3,124	3,252	0	0
Segamat	13,404	13,520	8,344	8,403	0	0
Tangkak	5,591	5,851	3,391	3,522	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>201,400</b>	<b>203,579</b>	<b>244,001</b>	<b>253,434</b>	<b>64,893</b>	<b>67,375</b>

**Jadual 2.11: Jumlah Unit Kediaman Yang Dibina di Johor, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Rumah kos rendah merupakan jenis kediaman yang ketiga terbanyak di Negeri Johor yang berbilang 152,697-unit (19.84% daripada

keseluruhan unit kediaman sedia ada) tetapi ia telah meningkat secara marginal sebanyak 0.21% (323 unit) pada tahun 2022. Inventori unit

kondominium yang telah meningkat sebanyak 3.82% (2,482 unit) daripada 64,893-unit pada tahun 2021 kepada 67,375 (8.75%) unit pada tahun 2022. Stok sedia ada unit rumah banglo

merangkumi 8.59% (66,114 unit) daripada keseluruhan inventori unit kediaman yang sedia ada dan rumah berkembar setingkat (3.39%; 26,082 unit).

Daerah	Rumah Berkembar Setingkat		Rumah Banglo (Detached)		Rumah Kos Rendah	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
<b>Batu Pahat</b>	5,228	5,236	16,977	16,989	21,888	21,919
<b>Johor Bahru</b>	5,169	5,199	11,666	11,534	49,392	49,392
<b>Kluang</b>	3,325	3,345	9,107	9,308	18,677	18,757
<b>Kota Tinggi</b>	543	575	4,821	4,965	4,274	4,406
<b>Kulai</b>	831	865	4,422	4,427	9,247	9,247
<b>Mersing</b>	218	218	1,676	1,779	2,565	2,565
<b>Muar</b>	4,366	4,566	2,486	2,491	20,755	20,758
<b>Pontian</b>	2,101	2,135	2,774	2,775	5,717	5,773
<b>Segamat</b>	2,184	2,184	10,046	10,050	11,312	11,312
<b>Tangkak</b>	1,635	1,759	1,467	1,796	8,547	8,568
<b>Jumlah</b>	<b>25,600</b>	<b>26,082</b>	<b>65,442</b>	<b>66,114</b>	<b>152,374</b>	<b>152,697</b>

**Jadual 2.12: Jumlah Unit Kediaman Yang Dibina di Johor; disambung, 2021-2022**

*Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)*

## Bangunan Industri

Projek pembinaan bangunan industri merupakan subsektor pembinaan yang kedua-terbesar di Negeri Johor. Jadual 2.14 mempamerkan data bilangan stok sedia ada, penyiapan baru, dan projek pembinaan bangunan industri yang mula dibina pada tahun 2021 dan 2022 daripada pihak NAPIC. Pada tahun 2022, unit-unit industri yang baru disiapkan telah meningkat sebanyak 480% daripada 10-unit pada tahun 2021 kepada 58-unit pada tahun 2022 di mana kebanyakan bangunan industri baharu telah dibina di Johor Bahru.

Walau bagaimanapun, projek pembinaan bangunan perindustrian yang baru dimula telah

menurun sebanyak -57.25% daripada 131-unit pada tahun 2021 kepada 56-unit pada tahun 2022. Stok sedia ada telah meningkat sebanyak 1.04% daripada 18,525-unit pada tahun 2021 kepada 18,718-unit pada tahun 2022. Unit industri sedia ada yang tidak terjual di Negeri Johor telah menurun sebanyak -41.76% (-147 unit) pada tahun 2022 daripada 352-unit bernilai RM721.29 juta kepada 205-unit yang bernilai RM470.59 juta. Kebanyakan bangunan industri yang tidak terjual kebanyakannya terdiri daripada unit teres yang merangkumi 54.15 (111 unit) dan unit berkluster yang merangkumi 25.37% (52 unit) daripada jumlah unit industri tak terjual di Negeri Johor.

Daerah	Stok Sedia Ada		Penyiapan Baru		Mula Dibina	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Batu Pahat	1,532	1,539	10	3	1	1
Johor Bahru	11,685	11,860	0	46	92	0
Kluang	987	987	0	0	0	43
Kota Tinggi	395	395	0	0	0	0
Kulai	2,456	2,466	0	9	35	1
Mersing	69	69	0	0	0	0
Muar	173	173	0	0	0	0
Pontian	507	508	0	0	0	0
Segamat	513	513	0	0	3	0
Tangkak	208	208	0	0	0	11
<b>Jumlah</b>	<b>18,525</b>	<b>18,718</b>	<b>10</b>	<b>58</b>	<b>131</b>	<b>56</b>

**Jadual 2.13: Penawaran Unit Industri di Negeri Johor, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Secara keseluruhannya, aktiviti pembinaan pejabat binaan khas pada tahun 2022 telah mengalami kelembapan yang merupakan penyambungan trend daripada tahun 2020. Jumlah pejabat binaan khas yang baru disiapkan dan yang baru mula dibina telah kekal malar sejak 2021, walau bagaimanapun, stok sedia ada pejabat binaan khas di Johor Bahru yang telah

menurun sebanyak 2 unit. Seperti yang telah dicatatkan pada tahun 2021, terdapat satu sahaja pejabat binaan khas yang telah siap dibina pada tahun 2022. Pada akhir tahun 2022, terdapat sebanyak 219 buah unit pejabat binaan khas di Negeri Johor yang sedia ada yang merangkumi sebanyak 1.395 juta meter persegi.

Daerah	Stok Sedia Ada		Penyiapan Baru		Mula Dibina	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Johor Bahru	102	100	1	1	0	0
Kulai	6	6	0	0	0	0
Kota Tinggi	11	11	0	0	0	0
Pontian	8	8	0	0	0	0
Batu Pahat	29	29	0	0	0	0
Muar	18	17	0	0	0	0
Kluang	15	15	0	0	0	0
Mersing	12	12	0	0	0	0
Segamat	18	18	0	0	0	0
Tangkak	3	3	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>222</b>	<b>219</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

**Jadual 2.14: Penawaran Pejabat Binaan Khas di Negeri Johor, 2021-2022**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Walaupun jumlah pejabat binaan khas yang sedia ada telah menurun, keluasan pejabat yang sedia ada telah meningkat sebanyak 1.47% (20,248-meter persegi) daripada tahun 2021 (1.375 juta meter persegi). Daripada jumlah keluasan yang sedia ada, 978,822-meter persegi atau 70.2% telah dihuni pada akhir tahun 2022 – hal ini merupakan suatu penurunan daripada kadar penghunian tahun 2021 (997,303-meter persegi). Susulan daripada itu, tiada projek pembinaan pejabat binaan khas yang dimula dibina pada tahun 2022 walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 6 unit pejabat binaan khas berluas 197,433-meter persegi dalam penawaran akan datang dan satu bangunan yang dirancang yang berluas 33,817-meter persegi pada akhiran tahun 2022.

## Kompleks Perniagaan

Jumlah stok sedia ada kompleks perniagaan di Negeri Johor telah berturun daripada 158-unit pada tahun 2021 kepada 155-unit pada tahun 2022. Walaupun stok sedia ada bangunan kompleks perniagaan telah berturun, keluasan kompleks perniagaan yang sedia ada telah meningkat daripada 2.44 juta meter persegi pada tahun 2021 kepada 2.46 juta meter persegi pada tahun 2022; kadar penghunian unit kompleks perniagaan telah berturun daripada 73% (1.78 juta meter persegi) pada tahun 2021 kepada 68.8% (1.69-meter persegi) pada tahun 2022. Pada tahun 2022, tiada pembukaan kompleks perniagaan baharu ataupun projek baharu yang mula dibina, walau bagaimanapun, terdapat penawaran 1 unit yang akan datang yang berluas 3,716-meter persegi.

Daerah	Stok Sedia Ada		Penyiapan Baru		Mula Dibina	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Johor Bahru	81	78	1	0	0	0
Kulai	11	11	0	0	0	0
Kota Tinggi	8	8	0	0	0	0
Pontian	7	7	0	0	0	0
Batu Pahat	17	17	0	0	0	0
Muar	8	8	0	0	0	0
Kluang	10	10	0	0	0	0
Mersing	0	0	0	0	0	0
Segamat	12	12	0	0	0	0
Tangkak	4	4	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>158</b>	<b>155</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

**Jadual 2.15: Penawaran Kompleks Perniagaan di Negeri Johor**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

## Kompleks Riadah

Dalam subsektor pembinaan kompleks riadah, terdapat sebanyak 482 buah hotel di Negeri Johor yang mempunyai 31,781 bilik yang sedia ada; jumlah ini merupakan suatu peningkatan

sebanyak 4 unit dan 725 bilik berbanding dengan tahun 2021. Hal ini telah menjadikan Negeri Johor negeri yang mempunyai jumlah hotel yang terbanyak diikuti oleh Negeri Sabah (415), Negeri Sarawak (383), dan Negeri Perak (330). Terdapat juga 10 buah hotel dalam yang akan datang yang

menawarkan 2,450 bilik dan sebanyak 10 unit telah dirancang yang akan menawarkan 3,401 bilik pada tahun 2022.

Negeri	Stok Sedia Ada		Penawaran Akan Datang		Penawaran Dirancang	
	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik
WP Kuala Lumpur	246	45,576	11	3,112	22	4,308
WP Putrajaya	7	1,769	0	0	0	0
WP Labuan	41	1,697	1	80	0	0
Selangor	205	24,201	3	878	1	200
Johor	486	31,791	10	2,450	10	3,401
Pulau Pinang	239	23,185	21	4,106	17	2,617
Perak	330	16,451	8	685	7	835
Negeri Sembilan	143	9,542	5	1,546	3	358
Melaka	176	18,055	2	432	5	1,558
Kedah	176	13,251	4	539	3	252
Pahang	302	25,601	0	0	6	696
Terengganu	245	10,809	5	640	4	752
Kelantan	91	4,360	1	144	0	0
Perlis	32	1,245	2	120	1	120
Sabah	415	23,402	11	2,869	12	3,016
Sarawak	383	20,387	1	318	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>3,517</b>	<b>271,322</b>	<b>85</b>	<b>17,919</b>	<b>91</b>	<b>18,113</b>

**Jadual 2.16: Jumlah Bilangan Hotel Mengikut Negeri di Malaysia, 2022**

*Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)*



# **BAB 3 :** **SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN** **NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022**

**LAPORAN EKONOMI**

**NEGERI JOHOR**

**2022 / 2023**

### BAB 3: SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2022

#### PENDAHULUAN

Bab ini memerihalkan prestasi ekonomi Negeri Johor di tahun 2022 dari aspek output sektor-sektor perkhidmatan dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memerihalkan

output ialah nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, MIDA, NAPIC serta sebilangan agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Sektor	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2015=100)		SUMBANGAN (%)		PERTUMBUHAN (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
<b>Jumlah</b>	68,316	75,673	52.0%	53.3%	2.9%	10.8%
<b>Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan &amp; Komunikasi</b>	18,279	19,991	13.9%	14.1%	6.8%	9.4%
<b>Perdagangan Borong &amp; Runcit, Penginapan dan Restoran</b>	18,233	21,827	13.9%	15.4%	-0.9%	19.7%
<b>Kewangan &amp; Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan</b>	13,301	14,318	10.1%	10.1%	2.4%	7.6%
<b>Perkhidmatan- perkhidmatan Lain</b>	6,625	7,046	5.0%	5.0%	-1.0%	6.4%
<b>Perkhidmatan Kerajaan</b>	11,878	12,491	9.0%	8.8%	5.9%	5.2%

**Jadual 3.1 Sumbangan Dan Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2021 dan 2022**

*Sumber Data: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Pada tahun 2022, terdapat peningkatan nilai di pelbagai subsektor perkhidmatan, di mana yang tertinggi adalah Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran dengan kadar pertumbuhan sebanyak 19.7% yang itu merupakan peningkatan yang besar dari tahun sebelumnya diikuti oleh Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi sebanyak 9.4%.

Subsektor-subsektor ini masing-masing menyumbang 15.4% dan 14.1% kepada KDNK negeri. Secara amnya, semua sektor-sektor melaporkan peningkatan untuk tahun 2022, akibat pelonggaran sekatan pandemik COVID-19 dan Malaysia kini memasuki fasa pasca-pandemik. Nilai ditambah sektor Perkhidmatan meningkat dengan ketara sebanyak 10.8% pada


tahun 2022 (2021: 2.9%). Sektor Perkhidmatan secara keseluruhannya menyumbang 53.3% kepada KDNK Negeri (2021: 52.0%).

air bersih kepada 4 juta pengguna di Johor, Malaysia, dengan kapasiti total 2,133 Jumlah Beban Cecair (MLD) dalam proses rawatan air di negeri tersebut.

## SEKTOR UTILITI

### Air

Ranhill Water Service (RWS), sebuah anak syarikat Ranhill Utilities Berhad, menyediakan




**Rajah 3.1 Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori di Negeri Johor, 2019-2022**

**Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd**

*Nota: Lain-lain\* termasuk Institusi Keagamaan/Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan, Kios Air dan Lain-lain Bil Yang di Tuntut Melalui Inbois*

Data mengenai penggunaan air di Negeri Johor mengikut kategori dipamerkan sebagai Rajah 3.1a. Jumlah penggunaan air telah meningkat dari 505.0 juta meter padu pada tahun 2021 kepada 512.2 juta padu pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 1.4%. Pengguna utama air di Negeri Johor ialah pengguna domestik termasuk kuarters estet dan rumah pangsa/kondominium (61.7%). Seterusnya,

pengguna bukan domestik merangkumi pengguna perdagangan dan aktiviti komersial dan industri (38.2%). Untuk tahun 2022, pengguna bukan domestik telah meningkat berikutan pemulihan dalam aktiviti komersial dan industri. Akhirnya, penggunaan bukan domestik juga pada institusi keagamaan/kebajikan yang diluluskan, perkalan dan kios air dan lain lain (0.1%).




**Rajah 3.1a Taburan Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor, 2022**

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd

Dalam pengurusan air, Ranhill SAJ telah melaksanakan berbagai program untuk menurunkan kadar air tidak-terhasil (nonrevenue water-NRW). Ranhill melalui Ranhill SAJ dan RWS terus dengan gigih mengejar pengurangan kerugian NRW untuk mencapai sasaran 20.9% sebagaimana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Johor adalah negeri memiliki NRW yang terendah di antara negeri-negeri lain.

Peratusan NRW yang tinggi menunjukkan kehilangan air yang banyak yang mengakibatkan kerugian. Akibatnya, lebih banyak sumber air perlu diekstrak dari sungai untuk memberi pampasan (terhadap jumlah yang hilang) bagi memenuhi permintaan penggunaan. Menangani kerugian NRW adalah penting kerana impaknya mendalam terhadap seluruh ekosistem air.




**Rajah 3.2 Peratus Non-Revenue Water Negeri Johor 2017-2022**

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd


Di samping itu, Ranhill SAJ terus memberikan rebat air kepada isi rumah miskin dan miskin tegar di seluruh Johor, dan mereka juga telah

memperuntukkan sebanyak RM0.84 juta untuk program ini kepada 3,216 rumah pada tahun 2022.



**Rajah 3.2a Rebat Air Program, 2018-2022**

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd



**Rajah 3.2b Penggunaan Air (juta meter padu) mengikut Daerah Negeri Johor, 2018-2022**

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd

Daripada Rajah 3.3 dapat dilihat penggunaan air pada 2022 mengikut daerah paling tinggi adalah di daerah Johor Bahru sebanyak 242 juta meter padu, daerah ini menyumbang sebanyak 47.3% (2021:237.8 juta meter padu) daripada penggunaan air yang didorong oleh pertumbuhan penduduk yang pesat serta pembangunan pesat sebagai contoh pusat pentadbiran, industri dan komersil Negeri Johor dan pembangunan hartanah. Penggunaan tertinggi yang berikutnya adalah daerah Kulai dengan 54.6 juta meter padu

(2021:54.5 juta meter padu), iaitu bersamaan 10.6%.


Daerah ini menyaksikan pelbagai projek pembangunan seperti pusat perniagaan dan pusat membeli-belah yang akan menjadi antara pendorong utama penggunaan air. Seterusnya adalah Batu Pahat yang mencatatkan 46.5 juta meter padu yang kira-kira sekitar 9.1% daripada jumlah penggunaan air keseluruhan (2021: 45.4 juta meter padu). Penggunaan air di daerah lain

menyumbang sejumlah 33% daripada penggunaan air keseluruhan negeri.

### Elektrik

Johor memiliki salah satu nilai hartanah dan bangunan tertinggi, membuatkan ia cenderung terhadap penggunaan jumlah elektrik yang tinggi. Pada tahun 2022, Tenaga Nasional Berhad telah melancarkan Loji Janakuasa Sultan Ibrahim

sebanyak 1,440 MW di Pasir Gudang, Johor, yang merupakan loji janakuasa komersial pertama di dunia yang menggunakan turbin gas terkini dan paling efisien secara teknologi. Loji Janakuasa Sultan Ibrahim telah menguatkan kapasiti penghasilan di Semenanjung Malaysia kepada 26,744.8 MW dan menjadi salah satu mercu tanda penting untuk pembangunan industri penghasilan tenaga elektrik di Johor dan kawasan selatan.




**Rajah 3.3 Unit Jualan KWJ (billion) Mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor, 2018-2022**

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Johor State

Ketiga-tiga jenis penggunaan elektrik mengalami peningkatan dalam penggunaan elektrik sebagai hasil dari penyelesaian loji janakuasa. Elektrik yang digunakan oleh komersil mengalami peningkatan yang paling besar di antara pengguna lain, di mana ia menambah lebih 700 juta KWJ. Ini disebabkan oleh penurunan

pembatasan pandemik COVID-19 serta peningkatan jumlah orang yang kembali ke pejabat untuk bekerja. Jualan elektrik di Negeri Johor pada tahun 2021 meningkat daripada 17,837 juta kilo watt jam (KWJ) di tahun 2020 kepada 18,735 juta (KWJ) kenaikan sebanyak 5.03%.




**Rajah 3.3a Anggaran Peratus Unit Jualan Elektrik Pengguna di Negeri Johor Mengikut Kategori Pengguna, 2022**

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Johor State

Dalam hal penggunaan elektrik keseluruhan untuk semua tiga kategori, Johor Bahru tetap menjadi yang tertinggi dengan catatan 4,768 juta KWJ, yang merupakan peningkatan dari tahun sebelumnya sebanyak 4,470 juta KWJ diikuti oleh Pasir Gudang sebanyak 3,745 juta KWJ dan Kulai sebanyak 2,214 juta KWJ. Pasir Gudang adalah yang tertinggi untuk kegunaan industri elektrik yang didorong oleh pelbagai inisiatif dan

pembangunan seperti Rancangan Strategik Pasir Gudang 2021-2025 dalam usahanya untuk membangunkan kawasan industri yang kondusif untuk pembangunan perniagaan. Sementara itu Johor Bahru adalah yang tertinggi untuk kegunaan komersial industri elektrik sebagai ibu negeri dan pusat komersial terbesar di Negeri Johor.



**Rajah 3.3b Unit Jualan KWJ (Juta) Mengikut Jenis Pengguna Dan Daerah di Negeri Johor, 2022**


Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Johor State

## SEKTOR PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN

Sehingga Disember 2022, Perdagangan borong dan runcit merekodkan RM137.3 bilion, catat pertumbuhan 13.8% tahun ke tahun. Pertumbuhan positif ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Perdagangan Runcit 22.7 peratus, Kenderaan Bermotor 20.3 peratus dan Perdagangan Borong 4.7 peratus. Pada tahun 2022, subsektor Perdagangan Borong & Runcit merekodkan nilai jualan RM1.6 trilion, bertumbuh

19.6 peratus berbanding 4.0 peratus pada tahun 2021.

Bagi perbandingan pra-pandemik COVID-19, sektor ini telah melepasi paras nilai 2019 sebanyak RM228.1 bilion atau pertumbuhan 17.2 peratus (2019 = RM1.3 trilion). Bagi purata gaji bulanan, sektor tersebut mencatatkan RM2,219 untuk tahun 2022 yang merupakan peningkatan sebanyak 7.5% daripada tahun sebelumnya, manakala untuk gaji median, ia meningkat kepada RM1,772, iaitu kenaikan sebanyak 4.4% daripada tahun sebelumnya.




**Rajah 3.4: Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Hotel 2015-2022 (2015=100)**

Sumber: Jambatan Perangkaan Malaysia

### Perdagangan Borong

Nilai Jualan untuk Perdagangan Borong telah merekodkan 710.3 bilion pada tahun 2022, di mana ia meningkat sebanyak 10.7% daripada tahun sebelumnya. Kenaikan ini sebahagian

besar disumbangkan oleh Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup yang meningkat sebanyak 18.2% diikuti oleh Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran yang meningkat sebanyak 15.0%.



**Rajah 3.4a: Indeks Volum Perdagangan Borong 2015-2022 (2015=100)**

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*


Prestasi segmen Perdagangan Borong negara diukur melalui Indeks Volum Perdagangan Borong yang di keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Untuk jumlah keseluruhan, terdapat peningkatan sedikit di mana ia meningkat dari 131.1 di tahun 2021 kepada 126.5 untuk tahun 2022, iaitu kira-kira 3.6%.

### **Perdagangan Runcit**

Subsektor perdagangan runcit merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada sektor perkhidmatan dari segi nilai. Nilai tersebut meningkat kepada RM126 juta daripada tahun sebelumnya sebanyak RM107 juta yang mewakili

pertumbuhan sebanyak 18.3%. Dalam keseluruhan sektor, sektor perdagangan runcit menyumbang lebih daripada separuh daripada sektor perdagangan borong dan runcit.

Aktiviti jualan runcit diketuai oleh pertumbuhan jualan runcit di kedai khusus yang menjual bahan api kenderaan yang berkembang sebanyak 44.4% daripada tahun sebelum, dan jualan runcit di kedai khusus yang menjual barangan lain yang berkembang sebanyak 30.7 peratus daripada tahun sebelum. Nilai jualan bagi aktiviti ini pada tahun 2022 bernilai RM661.1 bilion, meningkat 23.9 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun 2021.



**Rajah 3.4b: Indeks Volum Perniagaan Runcit 2015-2022 (2015=100)**

Sumber: Jambatan Perangkaan Malaysia

Indeks volum Perdagangan Runcit merekodkan pertumbuhan 19.2 peratus kepada 161.6 mata berbanding 3.5 peratus pada tahun 2021. Antara penyumbang utama yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan (38.6%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain (29.3%), Jualan Runcit di


Kedai Bukan Pengkhususan (20.8%) dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (19.4%).

Gaji bulanan median yang diterima pada tahun 2022 untuk sektor perkhidmatan adalah mengalami peningkatan sebanyak 3.1% kepada RM2,630 daripada tahun sebelum. Berkenaan dengan purata gaji bulanan, ia meningkat sebanyak 4.9% kepada RM3,416.

Tahun	Pusat Membeli Belah		Arked		Hipermarket		Keseluruhan Jumlah Ruang (m.p.)
	Jumlah Ruang (m.p.)	Ruang	Jumlah Ruang (m.p.)	Ruang	Jumlah Ruang (m.p.)	Ruang	
2017	1,345,825	69.9%	114,554	5.9%	465,110	24.2%	1,925,489
2018	1,480,869	71.4%	113,394	5.5%	481,291	23.1%	2,074,059
2019	1,773,621	74.1%	124,375	5.2%	494,125	20.7%	2,392,121
2020	1,851,446	75.0%	138,415	5.0%	512,445	20.0%	2,469,646
2021	1,788,610	73.2%	139,160	5.7%	514,487	21.1%	2,442,257
2022	1,831,935	74.5%	110,045	4.5%	514,487	21.0%	2,456,467

**Jadual 3.2: Trend Penawaran Ruang Membeli Belah Di Negeri Johor, 2017 – 2022**

Sumber: Jambatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor





**Rajah 3.4c: Jumlah Ruang dan Kadar Penghunian (%) Kompleks Perniagaan, 2018-2022**

Sumber: Laporan Pasaran Harta 2022, NAPIC

Pada tahun 2022, terdapat transaksi satu (1) buah kompleks perniagaan, iaitu di Pasir, Gudang dan Johor Bahru tetapi pada tahun ini tiada kompleks perniagaan baharu siap dibina. Johor masih ada 155 kompleks beli-belah (2,456,467 m.p.). Segmen ruang niaga purata kadar pengisiannya berkurang kepada 68.8% pada tahun 2022 berbanding dengan 73.0% pada tahun 2021. Jumlah unit kedai yang dibina pada tahun 2021 mencerminkan sedikit peningkatan aktiviti perniagaan runcit dalam tahun tersebut. Di Negeri Johor, unit kedai pada tahun 2022 berjumlah 93,575-unit (2021: 92,388 unit) meningkat 1.2%.

### Perkhidmatan Perniagaan Kenderaan Bermotor

Kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan menyumbang secara signifikan kepada subsektor Perniagaan Borong dan Runcit, Kediaman, dan Restoran. Selain daripada kerja penyelenggaraan dan pembaikan, jualan juga merupakan antara segmen yang terjejas dalam sektor perdagangan borong dan runcit. Seiring dengan peralihan pandemik COVID-19 kepada fasa endemik, nilai tambah bagi segmen ini melalui jualan telah meningkat sebanyak 20.3% secara tahunan. Jika di bandingkan mengikut daerah Negeri Johor, hanya 5 daerah seperti Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Kluang dan Segamat mempunyai pertumbuhan perniagaan kenderaan bermotor samada 1 atau 2 mengikut daerah seperti di bawah. Daerah-daerah yang lain tidak mempunyai bilangan pertumbuhan perniagaan kenderaan bermotor.



**Rajah 3.5: Bilangan Pertubuhan Perniagaan Kenderaan Bermotor Negeri Johor Mengikut Daerah (Bancian 2019), 2017-2022 dan Indeks Volum Kenderaan Bermotor 2015-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kenaikan dalam indeks volum terutama disumbangkan oleh Jualan Komponen Aksesori Kenderaan Bermotor (20.4%) dan Jualan Kenderaan Bermotor (19.3%). Nilai jualan subsektor Kenderaan Bermotor mencatat pertumbuhan positif sebanyak 20.3 peratus tahun demi tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh Penyelenggaraan & Baiki Kenderaan dan Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor.

### Perkhidmatan Restoran, Makanan dan Minuman

Perkhidmatan Restoran, Makanan, dan Minuman merujuk kepada perkhidmatan yang menyediakan hidangan atau minuman untuk penggunaan segera di pelbagai tempat seperti restoran, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara, dengan atau tanpa kemudahan tempat duduk. Hidangan yang disediakan untuk pengambilan segera dianggap sebagai faktor dalam pengiraan


nilai tambah, bukan kemudahan yang menyediakan hidangan tersebut.

Pada tahun 2022, segmen makanan dan minuman menyumbang hampir 6% kepada nilai tambah keseluruhan sektor perkhidmatan. Aktiviti perkhidmatan ini berkait rapat dengan tahap sosioekonomi penduduk, tahap pekerjaan, jumlah penduduk dalam kumpulan umur 20-35 tahun, dan pendapatan bersih isi rumah.

Aktiviti perkhidmatan untuk makanan boleh dikategorikan sebagai perkhidmatan pelayan, perkhidmatan catering, dan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (kiosk). Perkhidmatan makanan segera yang moden dengan pelbagai konsep telah menarik penglibatan golongan Gen Y dan Gen Z dengan penggunaan teknologi serta promosi yang akan meningkatkan tawaran perkhidmatan makanan. Kewujudan food court yang menyajikan pelbagai jenis makanan serta pembukaan restoran-restoran baru akan merangsangkan aktiviti dalam segmen makanan dan minuman.

Pendapatan kasar purata isi rumah untuk Negeri Johor pada tahun 2022 meningkat kepada RM8,517, menunjukkan peningkatan sebanyak 5.7% dari jumlah pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM8,013. Manakala, pendapatan kasar median isi rumah pula meningkat kepada RM6,879 dari jumlah pada tahun 2019 iaitu RM6,427, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 7%.

Sehingga tahun 2022, pembahagian perbelanjaan bulanan isi rumah untuk makanan dan minuman bukan alkohol menunjukkan bahawa warga yang berumur 65 tahun ke atas memperuntukkan bahagian tertinggi, melebihi 20% daripada pendapatan mereka untuk barang-barang ini. Sebaliknya, warga yang berumur antara 45 hingga 64 tahun membelanjakan jumlah paling sedikit, memperuntukkan kurang daripada 17% daripada pendapatan mereka untuk makanan dan minuman bukan alkohol. Jumlah keseluruhan restoran dijangka meningkat pada tahun 2022 kerana projek pembangunan baru dan infrastruktur akan menjadi tempat yang baik untuk membuka restoran.




**Rajah 3.5a: Indeks Volume Makanan & Minuman 2015-2022.**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Hotel dan Penginapan

Segmen Hotel dan Penginapan merangkumi aktiviti penghunian sementara dan penyediaan perkhidmatan makan-minum di hotel dan resort, hotel apartmen, motel, chalet, rumah-rumah percutian, dan kemudahan penginapan lain. Seperti biasa, jumlah keseluruhan pelancong, perbelanjaan pelancong, dan tempoh penginapan pelancong mempengaruhi aktiviti segmen ini.

Pada tahun 2022, terdapat 2 hotel baharu siap dibina pada 2022 menawarkan 353 bilik. Bilangan bilik hotel di Johor bagi stok sedia ada telah meningkat kepada 31,791 berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 31,066. Pada masa ini, terdapat 486 hotel di Johor dalam bekalan sedia ada dengan tambahan 10 hotel (2,450 bilik) dalam bekalan yang akan datang dan 10 hotel (3,401 bilik) dalam bekalan yang dirancang yang disokong oleh pelbagai projek pembangunan seperti Coronation Square, New Park Kluang, dan sebagainya.



**Rajah 3.6: Indeks Volume Penginapan 2015-2022.**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks volum pulih di mana ia meningkat sebanyak 141% kepada 114.8 mata. Ini disebabkan oleh peralihan pandemik COVID-19 kepada fasa endemik serta pelbagai pembangunan projek infrastruktur yang akan membantu merangsang pertumbuhan subsektor ini.

## SUBSEKTOR PELANCONGAN

Johor terkenal dengan daya tarikan pelancongan yang memenuhi pelbagai minat. Ia menawarkan pelbagai tarikan, termasuk tapak sejarah, mercu tanda budaya, dan hutan simpan semulajadi. Tarikan terkenalnya seperti Johor Premium Outlet, Masjid Sultan Abu Bakar, dan tapak-tapak

ekopelancongan menyumbang kepada populariti Johor sebagai destinasi pelancongan.

## Ketibaan dan Terimaan Pelancong

Subsektor pelancongan adalah salah satu pemacu pertumbuhan bagi ekonomi Malaysia. Subsektor pelancongan dianggap sebagai penyumbang ketiga terbesar kepada KDNK Malaysia, selepas sektor pembuatan dan sektor komoditi. Wabak COVID-19 telah memberikan impak kepada subsektor pelancongan disebabkan oleh sekatan dan kawalan yang menghalang pelancong daripada memasuki Malaysia. Sehingga akhir tahun 2022, kebanyakan sekatan dan kawalan telah

dilonggarkan, dan subsektor pelancongan telah pulih dengan kuat.

Ketibaan pelancong pada tahun 2022 ialah seramai 10.07 juta, yang merupakan peningkatan besar dari tahun sebelumnya. Walaupun jumlah pelancong ke Malaysia masih

jauh dari tahap pra-pandemik, dijangkakan jumlah pelancong akan meningkat kerana kebanyakan negara telah melonggarkan sekatan atau kawalan COVID-19 mereka. Terimaan pelancong pun merupakan peningkatan besar dari tahun sebelumnya apabila ia meningkat dari 0.24 bilion kepada 28.23 bilion.

Tahun	Jumlah Ketibaan (juta orang)	Terimaan (RM Billion)
2017	25.95	82.1
2018	25.83	84.1
2019	26.10	86.1
2020	4.33	12.7
2021	0.13	0.24
2022	10.07	28.23

**Jadual 3.3: Jumlah Ketibaan Pelancong Ke Malaysia dan Jumlah Terimaan, 2017 -2022**

Sumber: Tourism Malaysia

### Pelancong Asing

Pada tahun 2022, pelancong dari Asia Tenggara menyumbang hampir 80% daripada jumlah keseluruhan pelancong ke Malaysia. Jumlah pelancong telah pulih dengan kuat daripada tahap tahun 2020-2021 disebabkan oleh

pandemik COVID-19 yang mengakibatkan kawalan ketat yang menghalang pelancong daripada memasuki negara. Majoriti pelancong pada tahun 2022 adalah dari Singapura yang membentuk lebih daripada 5 juta (51.9%), diikuti oleh Indonesia dengan lebih daripada 1.4 juta (14.7%).

Negara Asal	2020		2021		2022	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Singapore	1,545,255	35.7%	16,308	12.1%	5,222,991	51.9%
Indonesia	711,723	16.4%	11,025	8.2%	1,481,739	14.7%
Thailand	394,413	9.1%	59,607	44.2%	715,528	7.1%
Brunei Darussalam	136,020	3.1%	773	0.6%	301,757	3.0%
China	405,149	9.4%	7,701	5.7%	212,603	2.1%
India	155,883	3.6%	3,916	2.9%	324,548	3.2%
Lain-lain	984,279	22.7	35,398	26.3%	1,811,798	18.0%
Jumlah	4,332,722		134,728		10,070,964	

**Jadual 3.4: Ketibaan Pelancong asing Mengikut Negara Pelawat, 2020 – 2022**

Sumber: Tourism Malaysia

Jenis Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan Bagi Tahun		
	2020	2021	2022
Perkhidmatan penginapan	23.0	13.8	14.7
Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman	14.7	16.7	16.8
Perkhidmatan pengangkutan penumpang	17.6	37.8	21.4
Perkhidmatan agensi pengembaraan dan penempahan lain	4.3	0.1	2.2
Jualan runcit bahan api kenderaan	2.9	2.1	5.3
Perkhidmatan kebudayaan, sukan dan rekreasi	0.2	-	1.0
Barang khusus bercirikan pelancongan negara	34.5	9.4	33.8
Perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara	3.0	20.1	4.9
Jumlah Perbelanjaan (RM bilion)	13.6	0.4	33.4

**Jadual 3.5: Peratus Perbelanjaan Bagi Tahun, 2020 – 2022**

*Sumber: Tourism Malaysia*

Lima produk teratas yang paling banyak dibelanjakan oleh pelancong adalah Barang khusus bercirikan pelancongan negara (33.8%), Perkhidmatan pengangkutan penumpang (21.4%), Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (16.8%), Perkhidmatan penginapan (14.7%) dan Jualan runcit bahan api kenderaan (5.3%). Di antara jenis perbelanjaan ini, Perkhidmatan agensi pengembaraan dan penempahan lain dan barang khusus bercirikan pelancongan negara mencatat pertumbuhan yang besar dengan masing-masing 2100% dan 260%. Manakala jenis perbelanjaan mengikut

perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara telah jatuh sebanyak 76% dalam tahun 2022.

Kategori-kategori utama perbelanjaan bagi pelancong di Johor ialah membeli-belah (32.8%), makanan dan minuman (14.5%), penginapan (11.8%), dan pengangkutan (8.3%). Akibat dari penurunan sekatan COVID-19 antara 2021 dan 2022, terdapat peningkatan dalam perbelanjaan untuk penginapan dan pengangkutan yang menunjukkan bahawa lebih ramai pelancong berkunjung ke Johor. Namun diantara trend-trend

bagi pelancong ini, makan dan minuman dan penginapan telah mencatat pertumbuhan yang

sihat bagi tahun 2022 sejajar dengan keperluan asas bagi semua pelancong

### Trend Perbelanjaan di Negeri Johor

Trend Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan Bagi Tahun	
	2021	2022
Membeli-belah	39.6	32.8
Makanan & Minuman	12.2	14.5
Penginapan	6.2	11.8
Perbelanjaan oleh isi Rumah yang Dilawati	10.9	9.5
Pengangkutan	7.1	8.3
Perbelanjaan sebelum Perjalanan/Pakej/Bayaran Masuk/ Ticket	6.0	4.8
Aktiviti-Aktiviti Lain	4.8	3.2
Jumlah Perbelanjaan (RM billion)	1.25	4.89


**Jadual 3.6 Trend Perbelanjaan Pelancong Mengikut Jenis, 2021 – 2022**

Sumber: Tourism Malaysia

### Pelancong dan Pelawat Domestik

Pelancong domestik atau pelancong tempatan bergerak untuk melancong ke tempat-tempat di dalam negara sahaja. Jumlah pelancong

domestik ke Johor bagi tahun 2022 hampir mencapai tahap pra-pandemik, dan ia mungkin melebihi jumlah tersebut. Bilangan pelawat domestik telah meningkat hingga 12 juta, hampir mencapai tahap sebelum wabak.



**Rajah 3.7: Jumlah Pelawat Domestik Negeri Johor (ribu), 2018 – 2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Perbelanjaan Pelancong

Pelancong domestik, pelancong outbound, dan pelancong asing (pelancong inbound) menunjukkan keutamaan perbelanjaan yang berbeza di antara satu sama lain. Pelancong domestik dan outbound biasanya memberikan keutamaan kepada barangan khusus pelancongan seperti cenderamata, bahan api, perkhidmatan penginapan, perkhidmatan

makanan dan minuman, serta perkhidmatan pengangkutan.

Perbelanjaan di kalangan pelancong tetap menjadi keutamaan tertinggi pada tahun 2022, ia mencatatkan nilai sebanyak RM22 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 162% dari tahun sebelumnya, diikuti oleh Makanan dan Minuman yang mencatatkan nilai hampir RM10 juta dan Bahan Api dengan nilai RM8.9 juta.

Jenis Perbelanjaan	2021		2022	
	Amaun (RM'000)	Peratus	Amaun (RM'000)	Peratus
Membeli-belah	9,264	50.3%	24,939	42.1%
Bahan Api	2,039	11.1%	8,839	14.9%
Pengangkutan	889	4.8%	4,816	8.1%
Makanan dan Minuman	2,783	15.1%	9,725	16.4%
Penginapan	1,087	5.9%	5,956	10.0%
Aktiviti Lain	2,347	12.8%	4,939	8.5%
Jumlah	18,409		59,214	

**Jadual 3.7 Prioriti Perbelanjaan Pelancong Domestik, 2021 Dan 2022**

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

## SEKTOR PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI

### Perkhidmatan Pengangkutan Dan Penyimpanan

Perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan merangkumi perkhidmatan pengangkutan darat; pengangkutan air; pengangkutan udara; pengudangan & aktiviti sokongan dan pos & kurier. Subsektor Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan menyumbang sebanyak 3.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2022 dengan nilai sumbangan keseluruhan sebanyak RM55.8 bilion. Johor merupakan negeri kedua dari segi jumlah pekerja tertinggi mengikut negeri dan industri.

Prestasi subsektor Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan dalam tempoh 2 tahun yang lalu telah terjejas oleh pandemik COVID-19 di mana ia mengalami penurunan sebanyak -21.4% sebelum pulih dengan pertumbuhan sebanyak 1.3% pada tahun 2021. Aktiviti pengangkutan meningkat pada tahun 2022 dengan pelonggaran sekatan pandemik COVID-19 serta pemulihan aktiviti ekonomi seperti pelancongan dan perdagangan di negara ini dan negara-negara jiran.

Subsektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan, dan Komunikasi menyumbang sebanyak 26.4% kepada sektor Perkhidmatan Negeri Johor pada tahun 2022, iaitu sedikit penurunan sebanyak 0.5% dari tahun sebelumnya (2021: 26.9%). Segmen operasi pelabuhan dan penerbangan masih menjadi penyumbang tertinggi kepada subsektor Pengangkutan, dengan sumbangan sebanyak 34.2%. Ini diikuti oleh pengangkutan darat (26.1%), pengangkutan lain (13.5%),

operasi lebuh raya (11.2%), pengangkutan air (7.2%), perkhidmatan pos dan kurier (4.5%), dan pengangkutan udara (3.3%).

## Pengangkutan Darat

Pengangkutan darat terdiri daripada dua mod iaitu pengangkutan jalan raya dan pengangkutan rel. Kadar pertumbuhan pengangkutan jalan raya mencerminkan pergerakan penumpang dan barangan melalui bas awam, kereta persendirian, dan kenderaan komersial. Selain itu, aktiviti segmen pengangkutan rel mencerminkan jumlah penumpang dan kargo yang dikendalikan di stesen-stesen KTMB di seluruh Negeri Johor. Pada tahun 2020, pengangkutan darat dan aktiviti pengangkutan lain terjejas secara besar-besaran oleh sekatan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Kedua-dua pengangkutan darat dan operasi lebuh raya mencatatkan penyusutan dua digit disebabkan sekatan pergerakan. Namun, menjelang tahun 2022, pengangkutan darat telah pulih walaupun belum mencapai tahap sebelum pandemik.

## Pengangkutan Jalan Raya

Keaktifan pengangkutan jalan raya bergantung kepada kegiatan sektor-sektor lain yang

merangkumi pembuatan, perdagangan borong dan runcit, serta beberapa sektor perkhidmatan lain yang berkaitan. Pengangkutan dan logistik menjadi sangat penting untuk aktiviti perdagangan dalam pelbagai sektor. Selain itu, sektor ini juga memberi impak kepada sektor-sektor lain seperti insurans dan kewangan, serta sektor-sektor hiliran yang melibatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan di bengkel atau pusat servis kenderaan.

Johor mempunyai beberapa rangkaian lebuh raya terbaik seperti Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS), Lebuh Raya Skudai, dan Lebuh Raya Pesisir Iskandar, yang berperanan sebagai penghubung utama menghubungkan bandar-bandar utama di Negeri Johor. Selain itu, kawasan Iskandar Malaysia yang memulakan pembangunan pada tahun 2006 membolehkan penggunaan lokasinya untuk lebih banyak lebuh raya di Johor. Akhirnya, Perkhidmatan Transit Cepat Bas Iskandar Malaysia dijadualkan akan mula beroperasi pada tahun 2025 dengan fasa pertamanya selepas beberapa penangguhan yang menyebabkan tarikh permulaan pembinaan berbeza.

Tahun	Motorsikal	Kenderaan Persendirian	Kereta Sewa	Bas	Teksi	Kenderaan Barang	Kenderaan Lain	Jumlah
2018	35,266	10,334	32	52	172	5,365	1,724	52,945
2019	28,975	7,859	11	88	63	4,394	1,543	42,933
2020	20,926	9,033	1	64	27	4,143	1,200	35,394
2021	13,042	9,144	1	21	4	4,089	1,461	27,762
2022	17,746	12,281	5	32	5	4,568	1,678	36,315

**Jadual 3.8: Jumlah Kenderaan Baru Yang Didaftarkan di Negeri Johor pada Tahun 2018-2022**


Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor

Akibat pelepasan cukai jualan dan perkhidmatan untuk kereta persendirian, orang ramai memilih untuk membeli kenderaan sendiri yang menjadikan peningkatan sebanyak 34% dalam bilangan pembeli kereta persendirian, di mana ia meningkat dari 9,144 pada tahun 2021 kepada 12,281 pada tahun 2022. Manakala untuk bilangan kereta sewa, bas, dan teksi, ia

mengalami peningkatan sebanyak 12 unit pada tahun 2022 berbanding 25 unit pada tahun 2021, mencerminkan kenaikan sebanyak 48%. Pemulihan daripada pandemik COVID-19 dan kawalan pergerakan telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan pengangkutan ini. Pendaftaran baru bagi kenderaan pengangkutan barangan juga meningkat apabila pendaftaran

baru bagi kenderaan pengangkutan barangan meningkat sebanyak 479 unit kepada 4,568 berbanding 4,089 pada tahun 2021. Sebaliknya, pendaftaran baru bagi jenis kenderaan lain meningkat sebanyak 217 unit kepada 1,461 unit

pada tahun 2022, yang merupakan satu penurunan pertumbuhan yang sedikit daripada tahun 2021. Oleh itu, subsektor pengangkutan menunjukkan sedikit pertumbuhan kerana negeri ini sedang pulih dari pandemik COVID-19.



**Rajah 3.8 Jumlah Kenderaan Baru Yang Didaftarkan Di Negeri Johor Mengikut Jenis, 2018-2022**

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor

Sehingga 31 Disember 2022, terdapat lebih daripada 1.5 juta pendaftaran kenderaan baru yang mewakili peningkatan sebanyak 24% berbanding tahun sebelumnya, mengikut data yang direkodkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Menurut laporan statistik 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan, terdapat lebih daripada 35 juta kenderaan bermotor yang berdaftar, iaitu peningkatan sebanyak 5% dari tahun sebelumnya.

Satu petunjuk penggunaan kenderaan awam di Negeri Johor adalah aliran trafik harian di 12 lokasi di negeri tersebut. Pada tahun 2022, ia menunjukkan peningkatan besar dengan kadar hampir 55% pada tahun 2022 (jumlah keseluruhan 313,643) berbanding aliran trafik pada tahun 2021 (202,348). Tambahan pula, ini juga melebihi tahap pra-pandemik kerana pada tahun 2019 ia mencatatkan 302,911, menunjukkan bahawa lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam daripada sebelum ini.

Jumlah pekerja telah meningkat sebanyak 6.6% kepada 101 ribu dari tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh ekosistem ekonomi yang telah dibuka sepenuhnya yang merencanakan pertumbuhan subsektor ini yang dipacu oleh faktor-faktor seperti aktiviti pelabuhan, pengangkutan darat dan udara, dan sebagainya.

### Pengangkutan Rel

Pengangkutan rel merupakan alternatif kepada pengangkutan jalan raya antara bandar. Perkhidmatan pengangkutan rel di Johor boleh dikategorikan kepada dua iaitu perkhidmatan penumpang (inter-city dan juga inter-station) dan juga perkhidmatan kargo.

Perkhidmatan rel di Negeri Johor amat memberansangkan sepanjang tahun 2017 sehingga 2021 dimana jumlah penumpang jenis pertama (inter-city) iaitu penumpang dari Gemas & Pulau Sebang (Tampin) terus menunjukkan

trend serupa dari 2017 hingga 2019 dengan hanya sekitar 3%.

Kategori	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Jumlah penumpang berdasarkan kepada bilangan perkhidmatan tren Antarabandar yang melalui Negeri Johor (Inter City)</b>	3,354,327	3,482,068	860,203	97,720	2,024,620
<b>Jumlah penumpang berdasarkan kepada bilangan individu yang menaiki tren di stesen-stesen di dalam Negeri Johor</b>	1,993,214	2,149,291	523,654	53,710	1,196,339
<b>Kargo (Tan metrik)</b>	294,277	414,374	290,442	241,153	298,945

**Jadual 3.9 Jumlah Penumpang dan Kuantiti Barangan Yang Dikendalikan oleh KTMB di Negeri Johor, 2018-2022**

Sumber: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Bagi jenis kedua penumpang (antara-stesen), pada tahun 2022, jumlahnya meningkat kembali kepada lebih daripada 1.1 juta di mana ia kira-kira separuh daripada tahap yang diperhatikan pada tahun 2019. Jenis kedua penumpang ini merangkumi mereka yang bergerak dari stesen ke stesen di Negeri Johor, seperti Segamat, Kluang, Sedenak, dan Johor Bahru. Jumlah penumpang antara-stesen pada tahun 2020 dan 2021 telah merosot disebabkan pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan. Dengan pandemik COVID-19 berubah kepada fasa endemik dan pengekangan yang dilonggarkan, jumlah anggaran penumpang antara-stesen pada tahun 2023 boleh pulih kepada tahap sebelum wabak.

Pengendalian barangan kargo melalui KTMB di Negeri Johor mempunyai trend yang serupa dengan kedua-dua jenis penumpang. Ini menunjukkan peningkatan dalam jumlah berat dari tahun 2018 hingga 2019 dan penurunan dari tahun 2020 hingga 2021 sebagai akibat daripada pandemik COVID-19. Pada tahun 2022, jumlah berat kargo yang dikendalikan di stesen-stesen kereta api di negeri itu adalah sebanyak 298 ribu tan metrik, yang lebih tinggi daripada jumlah berat pada tahun 2018. Perbezaan ini

disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam industri dan keperluan asas yang masih memerlukan perkhidmatan pengangkutan melalui rel.

Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Gemas ke Johor Bahru dengan jarak sepanjang 192-kilometer melalui 11 stesen dijangka memulakan bahagian pertamanya pada tahun 2022, sementara penyelesaian projek dijadualkan pada tahun 2023. Penangguhan penyelesaian projek ini disebabkan oleh wabak COVID-19 kerana kerajaan melaksanakan pelbagai sekatan yang menyebabkan kelewatan dalam beberapa projek infrastruktur.

Projek ini dianggap sebagai pemangkin yang akan merangsang pembangunan ekonomi di bahagian tengah Johor, seperti memudahkan penghantaran kargo berskala besar antara dua pelabuhan terbesar Malaysia — Port Klang berdekatan dengan Kuala Lumpur dan Tanjung Pelepas di sebelah barat Johor Bahru. Kereta elektrik ini, dengan voltan 25,000 volt, bergerak pada kelajuan maksimum 140-kilometer sejam, dan anggaran masa perjalanan dari KL Sentral ke JB Sentral akan kurang dari 4 jam.

## Pengangkutan Laut

### Jumlah Kontena yang dikendalikan (TEU)

	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Eksport</b>	441,032	480,061	473,017	441,842	442,036
<b>Import</b>	490,524	548,759	519,041	467,037	457,627
<b>Pindah Kapal</b>	10,003	15,034	13,065	28,326	18,916
<b>Jumlah</b>	941,589	1,043,854	1,005,123	937,205	918,579
<b>Perubahan</b>	4.5%	10.9%	-3.7%	-6.8%	-1.9%

### Jumlah Kargo yang dikendalikan ('000 FWT)

	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Kargo Am</b>	898,160	675,222	555,492	698,878	610,666
<b>Pukul Kering</b>	4,079,327	3,905,394	3,743,256	3,614,750	3,974,417
<b>Pukul Cecair</b>	14,074,962	13,632,702	12,996,857	14,066,621	14,476,221
<b>FWT</b>	11,959,759	12,930,813	12,740,002	11,951,082	11,708,016
<b>Jumlah</b>	31,012,208	31,144,131	30,035,607	30,331,331	30,769,320
<b>Perubahan</b>	9.3%	0.4%	-3.6%	1.0%	1.4%

### Jadual 3.10 Jumlah Kontena dan Kargo Yang Dikendalikan Di Pelabuhan Johor Jumlah Kontena yang dikendalikan (TEU) 2018-2022

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

Nota: (1) FWT - berat kargo dalam tan, (2) TEU - unit setara dua puluh kaki

Walaupun pandemik Covid-19 mempengaruhi aktiviti pelabuhan pada permulaan pandemik Covid-19, terdapat peningkatan semula dalam jumlah eksport. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021 dan 2022, terdapat penurunan dalam jumlah eksport, dengan 2022 di bawah jumlah pada tahun 2018.

Pelabuhan Pasir Gudang adalah pelabuhan utama bagi Negeri Johor. Ia juga dikenali sebagai Pelabuhan Johor. Pelabuhan ini mengendalikan hampir semua jenis kargo, termasuk kargo am, pukal kering, pukal cecair, dan kontena. Walaupun menghadapi pandemik COVID-19, Pelabuhan Johor berjaya mencapai penghantaran melebihi satu juta TEU (Unit Setara Dua Puluh Kaki) hampir pada tahap tahun 2019. Bagi tahun 2021 dan 2022, jumlah TEU mengalami penurunan dengan angka 2022 menjadi yang terendah dan bahkan lebih rendah daripada tahun 2018.

Pelabuhan Johor merupakan salah satu daripada terminal penyimpanan kelapa sawit terbesar dengan kapasiti 460,000 MT, dan masih menjadi titik penting untuk import dan eksport komoditi

lain di rantau ini. Dengan kejayaannya mendapatkan empat perkhidmatan baru pada tahun 2020 serta menarik Sealand untuk membawa perkhidmatan baru bagi memenuhi permintaan kargo dan merencanakan lagi aktiviti perniagaannya, syarikat ini telah dapat mencapai prestasi yang stabil.

Jumlah keseluruhan volume kargo telah mengalami pertumbuhan dari tahun 2018 hingga 2020, di mana ia mengalami penurunan kecil dengan berkurang sebanyak 3.6% pada tahun 2020, mencapai 30,035 FWT daripada tahun sebelumnya. Pada tahun 2021, ia meningkat sebanyak 1.0% kepada 30,031 FWT dan turut mengalami pertumbuhan sebanyak 1.4% pada tahun 2022 untuk mencapai 30,769 walaupun tidak melebihi jumlah pada tahun 2019 yang merupakan jumlah keseluruhan kargo tertinggi sejauh ini.

Sebuah pelabuhan lain yang dikenali sebagai Pelabuhan Tanjung Langsung (PTL), yang hanya beberapa kilometer jauhnya dari Pasir Gudang, juga memainkan peranan penting dalam pengendalian kargo di Negeri Johor. Ia

diwujudkan untuk mengendalikan cecair pukat, termasuk bahan kimia berbahaya. Pelabuhan ini dimulakan pada tahun 1995 dan mula beroperasi pada tahun 2003, menjadi pelabuhan ketiga selepas Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), yang merupakan pelabuhan kedua terbesar di Negeri Johor, dianggap sebagai terminal kontena paling canggih di Malaysia. Jumlah kargo yang

dikendalikan adalah sebanyak 10.5 juta TEU pada tahun 2021, mengalami penurunan sebanyak 6.5% berbanding 11.2 juta TEU pada tahun 2020. Akibat inflasi dan ketidakpastian ekonomi, ini telah menyekat perbelanjaan pengguna yang menyumbang kepada penurunan jumlah kargo yang dikendalikan. Selain itu, beberapa negara seperti China yang merupakan rakan dagang terbesar Malaysia juga telah melaksanakan kawalan ketat yang memberi impak kepada keseluruhan aktiviti perdagangan.

	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Eksport</b>	368,332	364,343	361,663	324,674	331,676
<b>Import</b>	190,134	203,467	208,372	208,887	206,261
<b>Pindah Kapal</b>	8,402,409	8,509,676	9,276,073	10,666,685	9,974,809
<b>Jumlah</b>	8,960,875	9,077,486	9,846,108	11,200,246	10,512,746
<b>Perubahan</b>	8.5%	1.3%	8.5%	13.8%	-6.1%
<b>Jumlah Kargo Yang Dikendalikan di Pelabuhan Tg Pelepas ('000 FWT)</b>					
	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Eksport</b>	6,231	6,272	6,251	4,939	5,529
<b>Import</b>	2,342	2,500	2,446	3,141	2,280
<b>Pindah Kapal</b>	131,234	128,432	135,928	159,979	143,767
<b>Jumlah</b>	139,807	137,204	144,625	168,059	151,576
<b>Perubahan</b>	7.1%	-1.9%	5.4%	16.2%	-9.8%

**Jadual 3.11 Jumlah Kontena Yang Dikendalikan Di Pelabuhan Tanjung Pelepas 2018 -2022**

*Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia*

## Pengangkutan Udara

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai atau Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail (LTSI) adalah pintu gerbang penerbangan untuk Iskandar Malaysia dan wilayah selatan. Dibuka pada tahun 1974, ia bertujuan untuk menyediakan laluan dan perkhidmatan penting bagi pelancong dan perniagaan. Lapangan terbang ini kini sedang diperluaskan untuk mengendalikan 5 juta penumpang menjelang tahun 2023. Ia merupakan hub bagi AirAsia dan sebelum ini berfungsi sebagai hab domestik bagi Malaysia Airlines sehingga penyesuaian laluan domestik bagi mengurangkan kerugian syarikat.

Tahun 2022 menyaksikan pemulihan berterusan dalam sumbangan ekonomi dari pengangkutan udara selepas kesan pandemik COVID-19 yang menyebabkan penguncupan pada tahun 2020. Jumlah kargo yang dikendalikan di semua


lapangan terbang di Malaysia pada tahun 2021 mengalami peningkatan besar di mana ia melampaui 1 juta FWT. Tahun 2022 kembali melihat jumlah kargo melebihi 1 juta, dengan peningkatan sebanyak 5.2% kepada 1.06 juta.

Jumlah keseluruhan penumpang domestik dan antarabangsa yang dikendalikan di lapangan terbang Malaysia, sebaliknya, mengalami peningkatan yang ketara sebanyak 292% untuk penumpang domestik dan 1175% untuk penumpang antarabangsa pada tahun 2022, yang mewakili jumlah keseluruhan lebih daripada 54 juta penumpang. Pelonggaran sekatan COVID-19 telah membolehkan orang melakukan perjalanan dengan bebas dan menjadi pendorong utama pertumbuhan industri penerbangan. Pengendalian kargo terus menurun dengan kadar -9.1% pada tahun 2022, dengan jumlah pengenalan merosot menjadi 7,493 tan metrik.

Domestik					
Kategori	2018	2019	2020	2021	2022
Ketibaan	3,206,995	3,310,554	2,015,770	1,789,912	2,294,417
Pelepasan	2,685,266	3,252,355	3,058,862	1,773,805	2,735,672
<b>Jumlah</b>	<b>5,892,261</b>	<b>6,562,909</b>	<b>5,074,632</b>	<b>3,563,717</b>	<b>5,030,089</b>
Antarabangsa					
Ketibaan	2,031,463	4,156,511	2,465,099	2,458,505	1,671,024
Pelepasan	1,767,103	3,974,389	2,580,186	2,223,836	791,890
<b>Jumlah</b>	<b>3,798,566</b>	<b>8,130,900</b>	<b>5,045,285</b>	<b>4,682,341</b>	<b>2,462,914</b>
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>9,690,827</b>	<b>14,693,809</b>	<b>10,119,917</b>	<b>8,246,058</b>	<b>7,493,003</b>
%Perubahan	27.3	51.6	-31.1	-18.5	-9.1

**Jadual 3.12 Jumlah Kargo (Metrik Tan) Yang Dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Ismail 2018-2022**

Sumber: Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor (LTSI)



**Rajah 3.9 Jumlah Pesawat Perdagangan Yang Dikendalikan Di Lapangan Terbang Sultan Ismail 2018-2022**

Sumber: Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor (LTSI)


Domestik					
Kategori	2018	2019	2020	2021	2022
Ketibaan	1,437,556	1,779,686	406,387	181,126	1,016,982
Pelepasan	1,419,767	1,785,621	493,825	189,573	1,026,844
Singgah	50,674	59,415	10,315	302	9,055
<b>Jumlah</b>	<b>2,907,997</b>	<b>3,624,722</b>	<b>910,527</b>	<b>371,001</b>	<b>2,052,881</b>
Antarabangsa					
Ketibaan	303,620	324,011	47,601	68	86,091
Pelepasan	310,959	321,411	46,389	85	86,219
<b>Jumlah</b>	<b>614,579</b>	<b>645,422</b>	<b>93,990</b>	<b>153</b>	<b>172,310</b>
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>3,522,576</b>	<b>4,270,144</b>	<b>1,004,517</b>	<b>371,154</b>	<b>2,225,191</b>
% Perubahan	12.7	19.4	-73.9	-66.2	499.5

**Jadual 3.13: Jumlah Penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2018-2022**

Sumber: Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail.

Jumlah pesawat perdagangan yang dikendalikan di LTSI meningkat kepada 32,943 unit, menandakan pertumbuhan sebanyak 266% dari tahun sebelumnya iaitu 8,988. Seperti yang telah disebut sebelum ini, pembesaran kapasiti LTSI

akan membolehkan lapangan terbang tersebut mengendalikan 5 juta penumpang dan pada masa yang sama meningkatkan jumlah unit pesawat perdagangan.



**Rajah 3.9a Jumlah Penumpang Yang Dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2018-2022 ('000)**

Sumber: Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail.

Dengan Malaysia melangkah ke fasa pemulihan pandemik COVID-19 dan virus COVID-19 dianggap sebagai endemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pembukaan semula sempadan Malaysia bersamaan dengan relaksasi sekatan COVID-19 membolehkan pelancong antarabangsa untuk melancong ke dan dalam negara, dan ini telah menjadi antara pendorong utama pertumbuhan bagi sektor tersebut.

Pakar juga percaya bahawa yang terburuk telah berlalu untuk industri penerbangan dan masih terdapat pemulihan yang lebih ketara bagi industri tersebut. Industri pengangkutan udara masih tidak dapat mencapai pemulihan penuh pada tahun 2022 dan memerlukan lebih banyak sokongan untuk pulih sepenuhnya pada awal 2023 atau paling lambat hingga akhir 2023.

### Subsektor Perkhidmatan Maklumat Dan Telekomunikasi (ICT)

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi adalah salah satu perkhidmatan yang berdaya tahan di mana subsektor ini berjaya mengalami pertumbuhan semasa pandemik COVID-19 dan aktivitiya menyumbang kira-kira 22% kepada keseluruhan sektor perkhidmatan.

Survei ICTHS9 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah dijalankan dan menunjukkan bahawa peratusan capaian isi rumah secara keseluruhan di seluruh negara telah meningkat bagi kebanyakan kategori capaian perkhidmatan dan peralatan ICT berbanding tahun sebelumnya, iaitu, komputer (92.4% naik daripada 88.3%), Internet (98.5% naik daripada 95.5%), radio (99.5% naik daripada 98.9%), sementara yang mengalami penurunan ialah siaran TV berbayar (82.8% turun daripada 83.2%) dan telefon bimbit (99.5% turun daripada 99.6%).

Isi rumah di bandar mencatat peningkatan dalam peratusan capaian bagi kebanyakan peralatan dan perkhidmatan ICT berbanding tahun sebelumnya, iaitu, radio (100% naik daripada 99.2%), televisyen (99.6% naik daripada 99.2%), Internet (98.9% naik daripada 96.9%), komputer (92.4% meningkat daripada 91.0%), sementara yang mengalami penurunan atau kekal sama ialah telefon bimbit (99.6% sama seperti sebelumnya), siaran TV berbayar (83.7% turun daripada 85.8%), dan telefon talian tetap (30.5% turun daripada 34.9%).

Di kalangan isi rumah di luar bandar, kebanyakan isi rumah mengalami peningkatan capaian kepada perkhidmatan dan peralatan ICT daripada tahun sebelumnya, termasuk telefon bimbit (99.2% sama seperti sebelumnya), televisyen (99.3% naik daripada 98.0%), radio (99.8% naik daripada 97.6%), Internet (97.3% naik daripada 89.2%), komputer (86.8% naik daripada 76.3%), siaran TV berbayar (79.2% naik daripada 71.9%), dan telefon talian tetap (25.1% naik daripada 15.7%).

### **Pemilikan Telefon**

Pemilikan telefon mudah alih peribadi di Malaysia meningkat daripada 97.1 peratus pada tahun 2021 kepada 99.1 peratus pada tahun 2022, manakala di Johor ia direkodkan pada 99.4 peratus, yang lebih tinggi daripada pemilikan keseluruhan negara. Sumbangan peratusan pemilikan telefon bimbit oleh individu di kawasan bandar dan luar bandar di negeri itu masing-masing mencatatkan 99.5 peratus dan 99.1 peratus. Penggunaan telefon bimbit mencapai 99.5 peratus di negeri tersebut, dengan penggunaan di kawasan bandar dan luar bandar masing-masing 99.6 peratus dan 98.2 peratus.

Bagi telefon mudah alih lain, Negeri Johor menunjukkan kadar pemilikan yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan pada tahun 2022; telefon biasa (21.1%), telefon pintar (99.9%).

### **Penggunaan Komputer dan Kemahiran ICT**

Penemuan kajian menunjukkan peningkatan besar dalam penggunaan komputer di negara ini, dari 83.5% pada tahun 2021 kepada 91.3% pada tahun 2022 (+7.8 mata peratus). Penggunaan komputer di kawasan bandar dan luar bandar meningkat kepada 94.0% (+5.8 mata peratus) dan 82.4% (+15.7 mata peratus), masing-masing. Di Johor, ia mencatatkan penggunaan keseluruhan sebanyak 92.4%, yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan, manakala kawasan bandar dan luar bandar mencatatkan 94.0% dan 86.8%.

Lima aktiviti yang menunjukkan peratus tertinggi pada tahun 2022 adalah aktiviti menyalin atau memindahkan fail (97.0%). Ini diikuti dengan aktiviti menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk memindahkan maklumat di dalam satu dokumen (96.3%), menghantar emel beserta fail (89.4%), memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain (83.1%) serta menghubungkan dan memasang peranti baru (79.2%).


### **Penggunaan Internet**

Pada tahun 2022, penggunaan Internet oleh individu di Malaysia mengalami penurunan sedikit kepada 96.0% daripada 96.8% pada tahun 2021 (-0.8% lebih rendah). Penggunaan Internet di kawasan bandar dan luar bandar masing-masing adalah 98.1% dan 89.1% pada tahun 2021. Sebagai perbandingan, pada tahun 2021, Republik Korea mencatatkan penggunaan Internet isi rumah tertinggi sebanyak 99.9%, diikuti oleh Singapura (99.3%), Hong Kong (94.4%), Jepun (88.2%), Thailand (88.7%), dan Indonesia (82.1%).

Aktiviti Internet yang paling popular pada tahun 2022 masih menyertai rangkaian sosial yang berada pada 99.2% (0.2% lebih tinggi daripada 2021), diikuti oleh memuat turun imej, filem, video, atau muzik; bermain atau memuat turun

permainan sebanyak 93.5%, yang mana lebih tinggi sebanyak 1.7% berbanding tahun lalu, mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan sebanyak 92.5% (lebih tinggi sebanyak 2.9% daripada 2021), membuat panggilan telefon melalui Internet/VoIP sebanyak 85.2% (lebih rendah sebanyak 4.0% daripada 2021), dan memuat turun perisian atau aplikasi sebanyak 89.1% (lebih tinggi sebanyak 2.8% daripada 2021). Peratus capaian internet oleh isi


rumah di Johor mencapai 98.5% secara keseluruhan (0.5% lebih tinggi daripada 2021) dan 98.9% bagi kawasan bandar, serta 97.3% bagi kawasan luar bandar. Peratusan capaian untuk Jalur Lebar Mudah Alih adalah 97.3%, 97.7%, dan 95.9%, masing-masing. Manakala, untuk capaian Jalur Lebar Tetap, peratusan adalah 52.3%, 55.8%, dan 39.4%, masing-masing.



**Rajah 3.10 Kadar Penggunaan Internet Jalur Lebar, Talian Telefon dan Telefon Selular Di Negeri Johor 2020 -2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



**Rajah 3.10a Indeks Volum Bagi Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan dan Kewangan & Insurans, 2018-2022 (2015=100)**

Sumber Data: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2022, nilai tambah dalam sektor Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perkhidmatan Perniagaan meningkat sebanyak 7.6% kepada RM14.3 bilion. Ia menyumbang kira-kira 18.9% kepada nilai tambah keseluruhan dalam sektor Perkhidmatan Negeri Johor (2021: RM13.3 bilion, 19.5%). Nilai tambahnya dalam sektor kewangan, insurans, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan berkait rapat dengan aktiviti sektor ekonomi negeri, termasuk pembinaan, pembuatan, perdagangan borong dan runcit, perhotelan, dan hartanah.

Selain itu, aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia dan Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang berkait rapat dengan penjanaan nilai tambah dalam sektor-sektor ini. Untuk peratus sumbangan kepada KDNK Johor daripada subsektor Kewangan & Insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan negeri

dijangkakan kekal pada 10.0% dengan nilai sebanyak RM14 bilion. Bilangan pekerja yang berkhidmat dalam subsektor Kewangan & Insurans di Johor hampir mencapai 400,000 orang, iaitu kira-kira 8% daripada jumlah tenaga kerja keseluruhan di Malaysia.


### Kewangan & Insurans

Perkhidmatan kewangan merujuk kepada pelbagai jenis perkhidmatan ekonomi yang disediakan oleh industri kewangan yang merangkumi pelbagai organisasi seperti institusi kewangan yang menguruskan wang. Perkhidmatan ini penting untuk individu, perniagaan, dan kerajaan dalam menguruskan sumber kewangan, pelaburan, dan risiko mereka.



**Rajah 3.10b Indeks Volum Bagi Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan dan Hartanah, 2018-2022**

Sumber Data: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 3.10c Indeks Volum Bagi Aktiviti Kewangan dan Insurans, 2018-2022**

*Sumber Data: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Keaktifan dalam sektor kewangan dan insurans negara dapat dilihat pada Indeks Volum Kewangan dan Insurans, yang mengalami peningkatan yang sangat kecil sebanyak 1.0% pada tahun 2022 berbanding dengan tahun sebelumnya yang sebanyak 10%. Indeks volum industri insurans turun hampir 4%, sementara indeks volum industri kewangan meningkat sebanyak 2.7%. Indeks Volum aktiviti-aktiviti ini mencatat nilai-nilai yang melebihi 100 dan kekal konsisten sepanjang tahun.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan indeks volum industri insurans adalah perubahan dalam keutamaan perbelanjaan pelanggan selepas pandemik Covid-19 dan inflasi yang tinggi yang berterusan. Ini telah mendorong syarikat insurans di Malaysia untuk memberi tumpuan kepada pelan-pelan yang menjimatkan kos dan terjangkau kepada pelanggan mereka.

### Hartanah

Keaktifan dalam sektor perkhidmatan hartanah bergantung kepada permintaan dan penawaran hartanah, serta berkait rapat dengan sektor pembinaan, kecekapan sistem perbankan, dan pertumbuhan ekonomi serta daya beli negara. Pasaran hartanah digambarkan oleh jumlah dan nilai transaksi hartanah. Keaktifan pasaran

hartanah telah pulih dengan kuat sejak tahun 2021 tetapi masih belum mencapai tahap pra-pandemik yang direkodkan sebelum tahun 2020.

Pada peringkat negara, nilai transaksi bergerak serentak dengan subsektor kediaman, perdagangan, perindustrian, pertanian, dan tanah pembangunan mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 22.6%, 16.7%, 24.8%, 50.5%, dan 16.6%. Dari segi jumlah, subsektor kediaman terus mendominasi dengan sumbangan sebanyak 62.5%, diikuti oleh pertanian (21.1%), perdagangan (8.4%), tanah pembangunan dan lain-lain (5.9%), dan perindustrian (2.1%). Dalam hal sumbangan nilai, kediaman menjadi peneraju dengan bahagian sebanyak 52.6%, diikuti oleh perdagangan (18.2%), perindustrian (11.8%), pertanian (10.0%), dan tanah pembangunan dan lain-lain (7.4%).

Di peringkat negeri, pasaran hartanah Johor menunjukkan pertumbuhan yang disokong oleh segmen kediaman yang meningkat lebih daripada 28% dengan nilai transaksi hampir RM11 bilion. Bagi transaksi hartanah, rumah berkembar terus mendominasi segmen hartanah dengan 53.4% (14,996 unit) daripada transaksi hartanah kediaman yang terdiri daripada 6,189 unit rumah berkembar satu tingkat dan 8,807 unit rumah berkembar dua tingkat.

Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2018	26,885	3,505	866	5,602	1,790	6	41,653
2019	28,904	3,706	1,016	7,860	1,828	0	43,314
2020	23,150	3,025	640	7,631	1,654	1	36,101
2021	22,591	3,046	810	7,689	2,008	1	36,145
2022	28,087	4,787	1,130	10,466	2,313	2	46,785

**Jadual 3.14 Jumlah Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2018-2022**

Sumber Data: Laporan Pasaran Harta 2022 NAPIC


Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2018	8,771.4	3,232.8	2228.3	2,731.3	2,359.6	1.8	19,325.2
2019	10,116.6	3,165.9	2,059.5	2,267.1	1,539.2	0	19,148.3
2020	8,162.5	2,860.1	2,168.9	2,528.6	1,073.7	0.6	16,794.5
2021	8,482.8	3,747.8	2,589.1	2,746.7	1,652.8	1.7	19,220.9
2022	10,911.36	4,573.6	4,129.4	3,368.0	2,091.31	70	25,143.7

**Jadual 3.15 Nilai Transaksi Hartanah Di Negeri Johor 2018-2022 (RM Juta)**

Sumber Data: Laporan Pasaran Harta 2022 NAPIC

Jumlah pindah milik hartanah pada tahun 2022 mencapai rekod tertinggi baru sebanyak 46,785 transaksi, yang merupakan peningkatan sebanyak 29.4% daripada tahun 2021 (36,145). Kesemua subsektor hartanah mengalami

peningkatan terutamanya subsektor kediaman yang sebelum ini mengalami penurunan pada tahun sebelumnya, tetapi pada tahun ini meningkat kepada 28,087 transaksi.




**Rajah 3.11 Jumlah Transaksi Harta di Negeri Johor, (2018-2022)**

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Subsektor lain yang menunjukkan pertumbuhan adalah: perdagangan dengan 4,787 transaksi (2021: 3,046), meningkat sebanyak 57.1%; perindustrian melihat peningkatan sebanyak 39.5% dengan 1,130 unit; pertanian meningkat

sebanyak 36.1% dengan 10,466 unit, dan subsektor tanah pembangunan meningkat sebanyak 15.1% dengan 2,313 unit. Pelonggaran sekatan pandemik Covid-19 dan peralihan kepada fasa endemiknya memberi impak yang

ketara dalam subsektor kediaman, yang menjadi salah satu punca utama pertumbuhan keseluruhan sektor




**Rajah 3.11a Jumlah Transaksi Subsektor Hartanah Negeri Johor 2022**

Sumber Data: Laporan Pasaran Harta 2022 NAPIC

Jumlah nilai transaksi keseluruhan pada tahun 2022 meningkat sebanyak 30.8% kepada RM25.1 bilion (2021: RM19.2 bilion). Kesemua subsektor mengalami peningkatan: kediaman mencatatkan RM10.9 bilion (2021: RM8.4 bilion), peningkatan sebanyak 28.6%; perdagangan mencapai RM4.5 bilion, peningkatan sebanyak 22.0%; perindustrian mencatatkan RM4.1 bilion, peningkatan hampir 60% daripada RM2.5 bilion.

Pertanian mencapai RM3.3 bilion, peningkatan sebanyak 22.6% daripada 2021. Subsektor lain melihat peningkatan terbesar sebanyak lebih daripada 400% kepada RM70 juta dari RM1.7 juta. Peratus nilai transaksi mengikut subsektor hartanah menunjukkan bahawa kediaman merangkumi (60%), pertanian (22%), perdagangan (10%), tanah pembangunan dan lain-lain (5%) dan industri (2%)



**Rajah 3.11b Nilai Transaksi Subsektor Hartanah Negeri Johor 2022**

Sumber Data: Laporan Pasaran Harta 2022 NAPIC

Segmen utama dalam sumbangan nilai transaksi ialah oleh Kediaman (43%), Perdagangan (18%), Industri (16%), Pertanian (13%), dan Tanah Pembangunan dan Lain-Lain (9%).

### **Perkhidmatan Profesional, Sainifik dan Teknikal**

Perkhidmatan profesional yang merangkumi seni bina, kejuruteraan, ukur tanah, perkhidmatan hartanah, perundangan, perakaunan, veterinar, penyelidikan pasaran, dan pengiklanan berfungsi sebagai perantara dalam aktiviti ekonomi. Data terkini mengenai perkhidmatan profesional yang terdapat dalam Laporan Sosioekonomi melaporkan bahawa jumlah pekerja di Malaysia bagi sektor ini pada tahun 2022 melebihi 360 ribu. Perkhidmatan Profesional, Sainifik, dan Teknikal memberi impak besar kepada ekonomi negara melalui sumbangan kepada pekerjaan, hasil, dan nilai tambah. Aktiviti dalam sektor perkhidmatan ini berkait rapat dengan aktiviti sektor ekonomi lain.

### **SUBSEKTOR PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN**

Pada tahun 2022, nilai tambah sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain di Johor dianggarkan meningkat sebanyak 6.3% kepada RM7.05 bilion, menyumbang kira-kira 9.3% kepada nilai tambah keseluruhan sektor Perkhidmatan Negeri Johor, yang sedikit lebih rendah daripada tahun sebelumnya (2021: RM6.69 bilion, 9.69). Sektor ini merangkumi pelbagai perkhidmatan seperti institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), hospital swasta, dan perkhidmatan peribadi lain.

### **Pendidikan Swasta**

Aktiviti Perkhidmatan Pendidikan Swasta merangkumi Pendidikan Tinggi, Pendidikan Lain, Pendidikan Pra-Sekolah dan Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah dan Perkhidmatan Sokongan Pendidikan.

Aktiviti Perkhidmatan Pendidikan Swasta merangkumi Pendidikan Tinggi, Pendidikan Lain, Pendidikan Pra-Sekolah, Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, dan Perkhidmatan Sokongan Pendidikan. Subsektor ini dianggarkan menyumbang kira-kira 1.2% kepada sektor Perkhidmatan Negeri Johor. Dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan persekutuan yang melarang pelajar dan guru daripada menghadiri kelas fizikal untuk meminimalkan penularan virus dan memastikan tiada gangguan kepada proses pengajaran. Pelajar dan guru terpaksa menggunakan pengajaran dalam talian di mana mereka menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Segmen Perkhidmatan Pendidikan Swasta di Johor disumbangkan oleh pendidikan tinggi (47.0%), pendidikan lain (29.6%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (11.5%), pendidikan menengah (11.2%), dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.7%).

Aktiviti sektor pendidikan swasta merangkumi institusi pendidikan seperti tadika swasta, sekolah rendah dan menengah swasta, dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Terdapat banyak universiti dan sekolah terkemuka di Johor yang menawarkan program pengajaran dan kursus berkualiti dunia. Antara universiti-universiti tersebut termasuk Universiti Newcastle Perubatan Malaysia, Universiti Reading Malaysia, manakala untuk sekolah-sekolah, terdapat Raffles American School, Marlborough College Malaysia, Tenby Schools Setia Eco Garden, dan sebagainya. Penubuhan universiti dan kolej mempunyai impak terhadap ekonomi negeri melalui perbelanjaan pelajar dan kakitangan serta perbelanjaan universiti.

### **Perkhidmatan Kesihatan Swasta**

Perkhidmatan kesihatan merupakan salah satu faktor utama pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain, terutamanya semasa pandemik COVID-19 di mana ia merupakan perkhidmatan yang penting yang

diperlukan oleh orang ramai untuk mendapat rawatan, ubat dan hospitalisasi, dan sebagainya. Semasa Belanjawan Persekutuan untuk tahun 2021 dan 2022, perkhidmatan kesihatan diperuntukkan jumlah terbesar dengan RM31.9 bilion dan RM32.4 bilion.

Segmen Perkhidmatan Kesihatan Swasta dianggarkan meningkat sebanyak 8.5% bagi sumbangannya kepada nilai KDNK negara dengan nilai ditambah sebanyak RM868 juta. Sektor ini yang khusus ini dijangkakan menyumbang sebanyak 1.2% kepada sektor Perkhidmatan Negeri Johor. Aktiviti Perkhidmatan Hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan sektor Perkhidmatan Kesihatan Swasta. Antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan perkhidmatan ini ialah Perkhidmatan Perubatan Am, Perubatan Khas, Perkhidmatan Berkaitan Pergigian serta Pusat Dialisis.

Perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh hospital swasta, klinik swasta, klinik pergigian swasta, rumah bersalin, pusat dialisis, makmal perubatan, pusat akupunktur, perkhidmatan perubatan tradisional dan homeopati, serta rumah penjagaan, sedang berkembang, terutamanya semasa pandemik COVID-19 di mana terdapat peningkatan pesakit di hospital dan klinik akibat jangkitan penyakit tersebut. Di kawasan bandar yang sesak, terdapat pertumbuhan dalam perkhidmatan ini, di mana majoriti kes COVID-19 dilaporkan.

Johor mempunyai 2 hospital utama iaitu Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI). Selain itu, negeri ini sedang merancang untuk membina hospital baru yang dikenali sebagai Hospital Sultanah Aminah 2 dengan harapan dapat mengurangkan kesesakan di kedua-dua hospital utama tersebut.

### **Hiburan, Kesenian dan Rekreasi**


Seksyen Seni, Hiburan, dan Rekreasi, juga dikenali sebagai Ekonomi Kreatif, terjejas secara

negatif pada tahun 2021 dan 2022 hasil daripada pandemik COVID-19. Aktiviti yang termasuk dalam kategori ini merangkumi aktiviti seni, hiburan, dan kreatif, aktiviti hiburan dan budaya, sukan, dan rekreasi. Ekoran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan, aktiviti yang termasuk dalam segmen ini dilarang dan oleh itu tidak dapat beroperasi. Pada tahun 2022, segmen ini mempunyai lebih daripada 63 ribu kakitangan, manakala di Johor terdapat hampir 5,000 kakitangan.

### **PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Perkhidmatan kerajaan boleh dikategorikan kepada 4 jenis utama: Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) manapun PBT pula boleh dipecahkan kepada Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, dan Majlis Bandaraya. Perkhidmatan kerajaan merupakan pengeluar bukan pasaran (*non-market producers*) yang bermakna ia menawarkan perkhidmatan mereka secara percuma atau pada harga yang rendah. Ini juga bermakna bahawa nilai ditambah subsektor perkhidmatan kerajaan adalah terdiri daripada gaji pekerja awam, bayaran pencen, dan penggunaan modal tetap.

Data yang disumberkan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan suatu trend pertumbuhan positif antara tahun 2021 dan 2022. Pada tahun 2022, nilai ditambah subsektor perkhidmatan kerajaan telah menyumbang sebanyak 16.51% kepada RM12.49 bilion daripada RM11.88 bilion pada tahun 2021. Perkhidmatan kerajaan menjana hasilnya melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna dan peniaga oleh agensi-agensi kerajaan persekutuan – yang merupakan bahagian terbesar perkhidmatan kerajaan di Negeri Johor – aktiviti pentadbiran negeri, badan berkanun, dan PBT seperti majlis bandaraya, majlis perbandaran, dan majlis daerah.




**Rajah 3.12: Nilai Ditambah Subsektor Perkhidmatan Kerajaan (RM Juta), 2015-2022**

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Perkhidmatan awam seperti perkhidmatan awam am, perkhidmatan pendidikan am, perkhidmatan kesihatan am, dan perkhidmatan ekonomi merupakan titik perhubungan utama antara pihak kerajaan dan rakyat. Pendidikan awam merupakan antara perkhidmatan awam yang terbesar di Negeri Johor. Terdapat sebanyak 904 sekolah rendah dan 284 sekolah menengah di Negeri Johor yang menjadi hub pelajaran kepada lebih daripada 576 ribu orang pelajar yang dipantau oleh 261 ribu guru.

Ia juga mempunyai 7 kampus universiti awam, 30 kolej komuniti, dan 4 buah politeknik yang menampung sebanyak 65,988 pelajar berdaftar. Ia juga mempunyai 2 institusi perguruan yang telah mendaftarkan 2001 guru pelatih. Selain itu, terdapat juga 12 buah hospital besar dan 101 klinik kesihatan, dan 261 klinik desa dan kesihatan ibu yang menyediakan peluang pekerjaan kepada 5,203 doktor berdaftar dan 7,055 jururawat. Secara amnya, perkhidmatan pendidikan awam dan kesihatan awam merupakan antara perkhidmatan terbesar antara perkhidmatan kerajaan di Negeri Johor.



# **BAB 4 : PERKEMBANGAN WILAYAH PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR**

**LAPORAN EKONOMI**

**NEGERI JOHOR**

**2022 / 2023**

## **BAB 4: PERKEMBANGAN WILAYAH- WILAYAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI JOHOR**

### **BAHAGIAN SATU: WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA**

#### **PENGENALAN**

Bab ini bermula dengan memberi gambaran perkembangan Iskandar Malaysia, yang bertujuan menyediakan latar belakang untuk perbincangan prestasi ekonomi yang sangat bergantung pada usaha-usaha dalam perancangan pembangunan wilayah. Ini diikuti oleh perbincangan lanjutan yang merangkumi impak ekonomi luaran dan tempatan yang relevan terhadap kemajuan Iskandar Malaysia. Perbincangan juga merangkumi anggaran pertumbuhan ekonomi makro Iskandar Malaysia, pasaran pekerja dan tenaga kerja Iskandar Malaysia, pembangunan infrastruktur, dan pelaburan di Iskandar Malaysia.

Iskandar Malaysia (IM) merupakan koridor pembangunan utama di Negeri Johor yang ditubuhkan pada tahun 2006, melibatkan kawasan seluas 2,217 km persegi yang mencakupi bandaraya Johor Bahru dan bandar-bandar seperti Senai, Pasir Gudang, dan pusat pentadbiran Iskandar Puteri. Keseluruhan daerah Johor Bahru dan Kulai juga terletak di dalam Iskandar Malaysia, termasuk sebahagian daripada daerah Pontian. Ketika IM ditubuhkan, ia direncanakan sebagai pelengkap kepada pertumbuhan Lembah Klang dan kawasan pembangunan lain, bertujuan untuk menyumbang kepada kekayaan negara.

Iskandar Regional Development Authority (IRDA) diberi mandat untuk merancang, mempromosikan, dan memudahkan pembangunan di Iskandar Malaysia melalui struktur tadbir urus sendiri dan dipandu oleh Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia yang telah disemak semula dan dikenali sebagai Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia II, 2014-2025 (CDP II).

Dibawah CDP II, pertumbuhan dan kelestarian Iskandar Malaysia diarahkan oleh elemen-elemen dari Circle of Sustainability, suatu ekosistem holistik dan berdaya tahan yang disokong oleh elemen-elemen teras seperti Penjana Kekayaan, Perkongsian Kekayaan & Inklusiviti, dan Pengoptimuman Sumber & Rendah Karbon.

CDP II 2014-2025 juga memperkenalkan elemen baru dalam bentuk Gerakan Besar dan Pelan Pengurusan Ruang. Gerakan Besar adalah program transformasi untuk mencipta perubahan paradigma dalam ekonomi, sosial, alam sekitar, pengaturcaraan dan perancangan ruang, serta pembangunan fizikal Iskandar Malaysia. Pelan Pengurusan Ruang adalah suatu pelan yang menterjemahkan inisiatif ekonomi, sosial, dan alam sekitar ke dalam konteks ruang untuk menguruskan dan membimbing pertumbuhan Iskandar Malaysia secara lestari. Komponen utama dalam Pelan Pengurusan Ruang adalah kawasan pembangunan berfokus dan inisiatif pembangunan lestari lain termasuk pelaburan dalam infrastruktur.

Berlanjutan daripada inisiatif-inisiatif CPD II, bagi memastikan pembangunan wilayah Iskandar Malaysia dapat mencapai sasarannya di dalam cabaran pemulihan ekonomi ini, IRDA telah menyediakan Hala Tuju Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia (CDP III) 2022-2030.

#### **PEMBANGUNAN ISKANDAR MALAYSIA**

Iskandar Malaysia telah mengalami kemajuan pesat dari segi pertumbuhan ekonomi pembangunan infrastruktur. Pertumbuhan dan pembangunan ini dari boleh dilihat secara kronologi dimana dari tahun 2006 hingga 2010 iaitu dalam tempoh lima (5) tahun pertama penubuhan IM, KDNK IM melonjak pada kadar 4.1% setahun dan telah mencapai nilai sebanyak RM42.6 bilion pada tahun 2010. Di peringkat seterusnya iaitu dari tahun 2011 hingga 2014, pertumbuhan KDNK IM telah meningkat lebih pesat dengan kadar purata 6.4% setahun. Pertumbuhan yang lebih pesat pada beberapa

tahun kebelakangan ini telah dipacu oleh beberapa projek penting seperti Johor Premium Outlet, LEGOLAND, Taman Tema Puteri Harbour, dan EduCity.

Kadar pertumbuhan IM tetap stabil pada tahun 2015 walaupun terdapat kesan negatif daripada penurunan harga minyak dunia terhadap persekitaran ekonomi, IM tetap kukuh dan berjaya menunjukkan trend pertumbuhan sebanyak 6.4%. Pertumbuhan mencatatkan angka 7.3%, 6.5%, dan 6.1% bagi tahun-tahun 2016, 2017, dan 2018 secara berurutan. Sejar dengan keadaan ekonomi negeri, KDNK IM mengalami pertumbuhan sederhana pada tahun 2019, iaitu pada kadar 3.3%, terutamanya disebabkan oleh penurunan nilai sektor pembinaan sebanyak (-26.4%).


Seterusnya, pada tahun 2020, dalam suasana ketidakpastian ekonomi global akibat wabak Covid-19, KDNK Iskandar Malaysia telah menyusut dengan kadar -4.5%. Dalam konteks pemulihan ekonomi perlahan pada tahun 2021, KDNK Wilayah Iskandar Malaysia dijangka tumbuh pada kadar positif berbanding dengan

tahun wabak COVID-19. Kadar pertumbuhan bagi tahun 2022 dijangka akan melonjak lagi disokong oleh prestasi ekonomi domestik yang memberangsangkan dengan fasa endemik yang akan menyumbang kepada pertumbuhan IM pada kadar 8.5%.

## PELABURAN KE DALAM WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

### Nilai Pelaburan Terkumpul

Berikutan 2021 dimana suasana ekonomi global yang tercemar akibat cabaran daripada wabak Covid-19, IM telah berhasil menarik pelaburan bernilai RM21.2 bilion (2021: RM14.3 bilion) pada sepanjang tahun 2022. Kejayaan ini menjadikan jumlah pelaburan kumulatif ke dalam Iskandar Malaysia dari tahun 2006 hingga Disember 2022 mencapai RM375.9 bilion. Manakala jumlah kumulatif pelaburan yang telah direalisasikan dari tahun 2006 hingga 2022 adalah sebanyak RM225.8 bilion.




**Rajah 4.1: Pelaburan Terkumpul di Iskandar Malaysia, 2018 - 2022**

Sumber: IRDA

Bagi sumber pelaburan-pelaburan ini, lebih daripada separuh, iaitu 60% atau RM225.5 bilion daripada RM375.8 bilion, merupakan pelaburan domestik. Selebihnya, iaitu RM150.7 bilion, merupakan Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang disumbangkan oleh pelaburan dari China (16% atau RM60.2 bilion), ASEAN (9% atau RM32.9 bilion), Negara-negara Eropah (5% atau RM20.0 bilion) dan lain-lain negara yang merangkumi 10% FDI IM berjumlah RM37.6 bilion.

Manakala dari segi pengagihan pelaburan mengikut sektor di IM, ianya terbahagi kepada

dua iaitu (i) Sektor yang dipromosikan dan (2) Lain-lain sektor. Bagi tahun 2022, pembangunan bercampur, pembuatan dan perumahan adalah tiga sektor terbesar di IM pada 2022. Pelaburan kedalam tiga sektor ini sejajar dengan pembangunan IM dimana terdapatnya kepadatan penduduk yang tinggi bukan sahaja yang berkait dengan sektor Perkhidmatan tapi juga dengan sektor pembuatan. Tiga industri ini merangkumi 72.0% keseluruhan aktiviti ekonomi di IM dan mempunyai pelaburan berjumlah RM271.7 bilion pada tahun 2022.



**Rajah 4.2: Taburan Pelaburan Mengikut Sektor Di Iskandar Malaysia Sehingga Disember 2022**

Sumber: IRDA

Iskandar Malaysia terus menjadi daya tarikan untuk pelaburan dan membantu Negeri Johor mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi melalui kelebihan dan kekuatannya dalam perkongsian yang boleh dipercayai dengan pelbagai pihak berkepentingan, lokasinya yang strategik, dan ketersediaan sumber daya manusia.

### FAKTOR PEMANGKIN PEMBANGUNAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

Secara keseluruhan, perkembangan ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia bergantung kepada

tiga (3) agenda utama untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan, iaitu (i) Agenda Penjanaaan Kekayaan, (ii) Agenda Perkongsian Kekayaan Dan Keterangkuman Sosial, dan (iii) Agenda Mengoptimumkan Sumber Dan Bandaraya Pintar.

### Agenda Penjanaaan Kekayaan

Agenda penjanaaan kekayaan di Iskandar Malaysia memberikan tumpuan kepada penciptaan pendapatan yang mapan melalui

pertumbuhan ekonomi pesat, melibatkan pekerja berkemahiran tinggi, peningkatan produktiviti, penciptaan nilai tambah, dan penerapan proses pengeluaran yang mesra alam. Usaha ini juga melibatkan dorongan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam kawasan tersebut.

Menurut IRDA, penjanaaan kekayaan bertujuan untuk menghasilkan kekayaan melalui ekosistem berdaya tahan dan holistik, yang merangkumi tiga teras utama: memperdalamkan hubungan kluster, meningkatkan peluang pekerjaan berkemahiran dan produktiviti tenaga, serta mendorong ekonomi hijau untuk menyokong inisiatif rendah karbon dan pembangunan ekonomi yang mesra alam.

### **Agenda Perkongsian Kekayaan Dan Keterangan Sosial**

Agenda perkongsian kekayaan dan keterangan sosial di Iskandar Malaysia mewakili usaha untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasaran melalui peluang pekerjaan yang melimpah dan pendapatan isi rumah yang tinggi. Sasaran utamanya adalah mencapai ekosistem holistik yang membangunkan kawasan ini secara kukuh, lestari, dan berdaya tahan dari segi ekonomi dan sosial, dengan memberi keutamaan kepada pembahagian kekayaan yang adil di kalangan penduduk tanpa mengira lapisan sosial, pendidikan, pendapatan, dan etnik.

Inisiatif untuk meningkatkan pendapatan penduduk diarahkan kepada projek komuniti yang menggunakan pelantar sosial untuk mencapai objektif pembahagian kekayaan. Program-program utama termasuk Kawan Iskandar Malaysia (KIM), Program Peningkatan Kampung, Pertanian Bandar IM, dan IM Makmur. Program Pertanian Bandar IM, sebagai contoh, dijangka dapat memberikan penjimatan sekitar 53% dalam perbelanjaan runcit melalui skema "ladang-ke-meja makan".

Akses kepada perumahan mampu milik adalah inisiatif utama lain di Iskandar Malaysia untuk memenuhi keperluan rakyat. Pihak IRDA aktif bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan pihak swasta serta awam untuk meningkatkan polisi perumahan mampu milik dan mencadangkan pelbagai skema untuk pertimbangan pihak berkuasa.

Selain daripada itu, agenda keterangan perkongsian kekayaan melibatkan kesepaduan masyarakat dan keterhubungan sosial di kalangan masyarakat Iskandar Malaysia. Modal sosial dan penglibatan masyarakat menjadi fokus dalam usaha penyusunan semula sosial. Program-program seperti Smart Healthy City and Community, Anugerah Pahlawan Sosial IM, IM Power, dan Youth Hub Outreach telah mencapai peningkatan lebih daripada 100% dalam penyertaan komuniti, menunjukkan keberkesanan usaha untuk mencapai keterangan sosial yang lebih baik.

### **Penjanaaan Pekerjaan dan Pembangunan PKS**

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut merasakan manfaat daripada peningkatan aktiviti ekonomi di Wilayah Iskandar Malaysia. Melalui inisiatif seperti 'Program Usahawan Dinamik Iskandar Malaysia' (IMPROUD), Youth 2 Biz, dan Program Usahawan India, sebanyak 197 PKS telah mendapat sokongan dalam bentuk pemberian dan pinjaman, manakala 1,675 usahawan turut menyertai Program Pembangunan Kapasiti. Program ini membekalkan PKS dengan kemahiran lanjutan seperti pembungkusan produk, pemasaran digital, dan teknik penjualan dalam talian.

Pelaksanaan program pembangunan bakat di Iskandar Malaysia telah menghasilkan perekrutan baru yang mengisi peranan teknikal bernilai tambah, menyumbang kepada pendapatan per pekerja yang lebih tinggi dengan pertumbuhan sebanyak 3.9%. Program-program seperti Peningkatan dan Kebolehpasaran Siswazah serta Karnival Alam Pekerjaan bagi program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan

Vokasional ("TVET") telah mencapai kejayaan dengan peningkatan kadar pekerjaan di kalangan siswazah universiti awam dan swasta, Politeknik, dan institusi lain di Johor, seperti dilaporkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain ini Kerajaan Negeri juga telah memberi peruntukan sebanyak RM2.85 juta di bawah "Youngster Coding Programme" dimana program ini dianggarkan akan membawa manfaat kepada 500,000 pelajar sekolah rendah dan menengah. Program ini bertujuan untuk memupuk minat belajar dalam semua aspek pembelajaran dan meningkatkan kemahiran, kreativiti, kerjasama dan penyelesaian masalah menerusi 'high-order thinking' bagi mempersiapkan pelajar menjadi lebih kreatif, dinamik dan menggalakan kerja berpasukan.

Untuk memberi sokongan pertumbuhan yang lebih padu, Kerajaan Negeri Johor juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.3 juta dalam 2022, dimana ia akan melibatkan seramai 1,000 usahawan IKS. Kerajaan Negeri akan menarik lebih ramai usahawan PKS untuk menguruskan perniagaan mereka secara digital dengan memperkenalkan Program Pendigitalan PKS Johor.

Selain daripada program-program yang telah disebut, terdapat juga program-program lain yang telah mencatat perkembangan yang mengalakkan dalam tahun 2022. IM Youth Entrepreneur Scheme (IMYES) dari 2021 hingga 2022 telah mencatat 90% jumlah peserta (60 orang pemuda/pemudi) yang telah berjaya memulakan perniagaan online dan fizikal. Setakat tahun 2022 (bermula 2018), program Youth to Biz (Y2B) telah berjaya menolong meningkatkan perniagaan sebanyak 33% dan pada masa yang sama memberi peluang perniagaan kepada 86 orang. Juga terdapat program IM Business Upskilling for Youth (IMSKILL) dari 2021 hingga ke 2022 telah mencapai kadar kejayaan sebanyak 70% Dimana 112 peserta program ini telah berjaya mendapat pekerjaan dan memulakan perniagaan sendiri.

Dalam 2022, untuk memastikan agar syarikat-syarikat dapat terus beroperasi dengan tenaga kerja yang mencukupi dan rakyat tempatan mendapat peluang pekerjaan, inisiatif Iskandar Malaysia Employment Grant (IMEG) telah berjaya mengekal dan menyediakan pekerjaan untuk seramai 2,500 pekerja berdasarkan keperluan 250 buah syarikat pada tahun lepas sahaja. Secara keseluruhannya, lebih 6,000 rakyat di wilayah ini telah mendapat manfaat secara langsung daripada semua inisiatif sosioekonomi yang telah dijalankan sama ada melalui peruntukan Kerajaan Pusat iaitu PENJANA dan Kumpulan Wang COVID-19 serta Dana Projek Sosial Iskandar Malaysia sendiri.

### **Agenda Mengoptimumkan Sumber Dan Bandaraya Pintar**

Melestarikan alam sekitar di Iskandar Malaysia melibatkan usaha utama dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam semula jadi serta persekitaran binaan. IRDA memainkan peranan utama dalam inisiatif ini, bukan hanya di peringkat kebangsaan, tetapi juga di arena antarabangsa.

### **Pemantauan dan Kelestarian Alam Sekitar**

IRDA telah menerapkan agenda 'Kelestarian' melalui pelancaran pelbagai projek dan program alam sekitar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Rangka Tindakan Pembangunan Masyarakat Rendah Karbon untuk Iskandar Malaysia 2025 (The Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2025 - LCSBPIM) merupakan inisiatif pertama yang diperkenalkan di Malaysia dan kini sedang dilaksanakan secara berterusan. LCSBPIM bertujuan mencapai Masyarakat Rendah Karbon di Iskandar Malaysia menjelang tahun 2025 melalui peningkatan dalam persekitaran binaan dan semula jadi, sejajar dengan pertumbuhan sosio-ekonomi kawasan tersebut.


Sejurus dengan inisiatif ini, pada tahun 2022 IRDA telah melancarkan 'Pelan Tindakan Iklim Blueprint Masyarakat Rendah Karbon Iskandar

Malaysia (LCSBPIM) 2030' di Persidangan Pihak-Pihak (COP) 27 bersama-sama rakan kongsi daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air, UNICEF Malaysia, dan SEDA Malaysia. Edisi ke-2 LCSBPIM ini telah dipertingkatkan untuk merangkumi tindakan mitigasi dan adaptasi iklim ke arah membangunkan bandar dan masyarakat yang lebih tahan terhadap perubahan iklim. LCSBPIM 2030 CAP akan membantu mencapai Matlamat Mitigasi Iklim bagi Iskandar Malaysia dengan mengurangkan tahap pelepasan gas rumah hijau sehingga 70% pada tahun 2030 dengan menggunakan tahun 2010 sebagai tahun rujukan. Secara ringkasnya, terdapat 9 tindakan mitigasi, 25 tindakan sub-mitigasi, dan 61 langkah mitigasi.

IRDA juga merupakan ahli Global Covenant of Mayors (GCOM) untuk Iklim dan Tenaga, sebuah gabungan global pemimpin bandaraya yang komited untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG). Pada 2019, IRDA bekerjasama dengan European Commission dan International Urban Cooperation Asia (IUC Asia) untuk melancarkan GCOM Malaysia yang pertama mengenai penyesuaian perubahan iklim. Sebagai ahli GCOM, Iskandar Malaysia

memiliki akses kepada data lebih daripada 800 bandar dan telah meraih SCORE A: LEADERSHIP, skor tertinggi dalam 2019 Cities Reporting, yang turut dipaparkan dalam video terbaru CDP mengenai bandar-bandar.

Pada 2022, IM berjaya merangkul skor "A" buat kali ketiga, dimana IM telah diiktiraf sebagai salah sebuah bandar daripada 122 bandar di serata dunia yang mengamalkan dasar kepimpinan dan ketelusan mengenai perubahan iklim. Ini adalah satu pencapaian yang amat tinggi berdasarkan kepada ciri-ciri yang ketat yang telah ditetapkan oleh CDP seperti; sesebuah bandar hendaklah berkongsi maklumat secara terbuka, menghasilkan inventori pelepasan gas seluruh bandar, menetapkan sasaran pengurangan pelepasan dan menerbitkan pelan tindakan iklim dan menyelesaikan penilaian kerentanan untuk memahami bahaya iklim dan kesannya. Secara keseluruhan, organisasi atau syarikat yang memberi respons dinilai dan diberi skor melalui empat peringkat yang mewakili langkah-langkah yang dilalui oleh syarikat tersebut seiring dengan kemajuan ke arah pengurusan alam sekitar. (Rajah 4.3 dan Jadual 4.1)



**Rajah 4.3: Skala penarafan CDP Cities A List untuk bandar-bandar**  
*Sumber: CDP Cities*

Inisiatif lain di bawah program Masyarakat Rendah Karbon (LCS) termasuk Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC), yang telah meraih pelbagai anugerah, termasuk Global Prize of Okayama Education for Sustainable Development (ESD) pada tahun 2018. Pada

tahun 2019, IMELC melibatkan 475 sekolah rendah dan lebih kurang 47,000 pelajar Tahun 6 di seluruh Johor, satu pencapaian yang amat penting. Selain pencapaian ini, IMELC setakat 2022 telah berjaya menjangkau:

- |  |   |
|--|---|
| <p>(a) Penjimatan elektrik sebanyak 323,140.86 kWh;</p> <p>(b) Penjimatan air sebanyak 90,784.64 m<sup>3</sup>;</p> <p>(c) Sisa dikitar semula sebanyak 351,015.65 kg;</p> | <p>(d) Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 1,271,132.23 kgCO<sub>2</sub>;</p> <p>(e) Berjaya menjana pendapatan sebanyak RM627,500.93; dan</p> <p>(f) Melibatkan 907 sekolah daripada jangkauan sebanyak 500,000</p> |
|--|---|

**(a) Pendedahan (Skor D-/D)**

Setiap soalan dalam soal selidik diberi skor untuk pendedahan. Pada peringkat pendedahan, syarikat-syarikat diberi kira-kira satu mata setiap titik data yang disediakan. Peringkat ini merangkumi kedua-dua skor D dan D-. Untuk memperoleh skor D berbanding D-, organisasi perlu mendedahkan set lebih banyak maklumat. Walau bagaimanapun, skor D-/D hanya merupakan titik permulaan bagi organisasi yang ingin menunjukkan bahawa mereka telah memulakan perjalanan alam sekitar mereka.

**(b) Kesedaran (Skor C-/C)**

Skor C-/C menunjukkan penglibatan peringkat kesedaran. Kesedaran juga mempunyai skor C dan C-, dengan pembezaannya ialah tahap kesedaran yang ditunjukkan oleh organisasi dalam jawapan mereka. Skor kesedaran mengukur kekomprehensifan penilaian organisasi tentang bagaimana isu-isu alam sekitar berhubung dengan perniagaannya, dan bagaimana operasinya mempengaruhi manusia dan ekosistem.

**(c) Pengurusan (Skor B-/B)**

Skor B menunjukkan pengurusan alam sekitar. organisasi yang mendapat skor B telah menangani impak alam sekitar perniagaan mereka dan memastikan pengurusan alam sekitar yang baik. Skor B menunjukkan bahawa syarikat menunjukkan beberapa bukti menguruskan impak alam sekitarnya tetapi tidak melakukan tindakan yang menjadikannya sebagai pemimpin dalam bidangnya.

**(d) Kepimpinan (Skor A)**

Untuk memperoleh skor A dari CDP, organisasi harus menunjukkan kepimpinan alam sekitar, mendedahkan tindakan mengenai perubahan iklim, pembalakan hutan atau keselamatan air. Mereka harus memperlihatkan amalan terbaik dalam strategi dan tindakan seperti yang diiktiraf oleh kerangka kerja seperti TCFD, Accountability Framework, dan lain-lain. Selain daripada mempunyai skor tinggi dalam semua peringkat lain, organisasi-organisasi ini akan menjalankan tindakan seperti menetapkan sasaran berasaskan sains, mencipta pelan peralihan iklim, mengembangkan strategi penilaian risiko berkaitan air, atau melaporkan impak pembalakan hutan untuk semua operasi, rangkaian bekalan, dan komoditi yang berkaitan.

**(e) Kegagalan untuk mendedahkan (Skor F) (*Failure to Disclose*)**

Skor F diberikan apabila organisasi yang diminta gagal mendedahkan (disclosure) melalui CDP.

**Jadual 4.1: Steps in the CDP Cities Assessment**

*Source: CDP Cities*

IRDA sedang melaksanakan tiga projek utama, iaitu Sistem Pemantauan & Pelaporan Tenaga Bangunan (BEMRS), Sistem Penilaian Komprehensif Kecekapan Persekitaran Terbina (CASBEE), dan Anugerah Inisiatif Green Accord (GAIA), yang menilai prestasi penggunaan tenaga di bangunan dan kawasan. Ketiga-tiga alat ini membantu Iskandar Malaysia mencapai matlamat sekurang-kurangnya 70% bangunan baru yang diperakui menjelang tahun 2025.

BEMRS, yang diperkenalkan pada tahun 2019, telah digunakan untuk menilai 10 bangunan kerajaan di Iskandar Malaysia dengan menghasilkan pengurangan tenaga, membawa kepada penjimatan perbelanjaan utiliti. IRDA dan lima (5) pihak berkuasa tempatan (PBT) menggunakan BEMRS untuk memantau kemajuan dan pencapaian program penjimatan tenaga di kalangan pemilik bangunan individu pada masa hadapan.

CASBEE, alat yang popular di Jepun, telah diadaptasi untuk kegunaan di Malaysia, dengan IRDA sebagai pelopor CASBEE di negara ini. Berjaya digunakan di Iskandar Malaysia sepanjang 5 tahun terakhir, IRDA merancang untuk menubuhkan Pusat CASBEE Iskandar (CIC) sebelum tahun 2025 untuk memajukan dan mempromosikan CASBEE di Malaysia.

GAIA, yang dimulakan pada tahun 2016, bertujuan mendorong komitmen pihak berkepentingan terhadap kelestarian dan pengawasan alam sekitar serta meningkatkan inisiatif alam sekitar secara sukarela. Banyak syarikat, pemaju, dan pemilik harta tanah telah mengajukan permohonan untuk GAIA. Pada tahun 2022, IM berjaya mendapat Green Accord Initiative Award, Pencapaian ini adalah berdasarkan kepada anggaran jumlah karbon dioxide sebanyak 22,657-ton kg yang telah dielakkan atau bersamaan 580,951 batang pokok yang ditanam bermula dari inisiatif GAIA sejak 2016.

## **Bandaraya Pintar**

Pada tahun 2012, Smart City Iskandar Malaysia (SCIM) diperkenalkan sebagai alat untuk mempercepat pencapaian visi Iskandar Malaysia. SCIM bukan sahaja dilaksanakan oleh Kerajaan, tetapi merupakan hasil kolaborasi yang efektif antara sektor awam dan swasta. Di peringkat tempatan, IRDA telah bekerjasama dengan sektor swasta, khususnya Bandar Seri Alam, untuk merevitalisasi bandar tersebut sebagai "Bandar Pengetahuan Pintar." Usaha ini bertujuan memungkinkan pembangunan bandar tersebut dengan menggabungkan dan memperimbangkan unsur Ekonomi, Alam Sekitar, dan Kelestarian, membentuk ekosistem yang komprehensif dan lestari.

Pada peringkat antarabangsa, United Kingdom turut memainkan peranan aktif dalam pembangunan elemen Smart City di Iskandar Malaysia. Ini termasuk pemberian Dana UK Prosperity Fund untuk kajian Smart Sustainable Transport di Iskandar Malaysia (ITS) dan projek perintis seperti Iskandar Malaysia Smart Integrated Mobility Management System (SIMMS). Projek ini diharapkan dapat diintegrasikan sepenuhnya dengan inisiatif mobiliti lain seperti Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) dan Rapid Transit System (RTS) yang akan datang.

IRDA juga terlibat secara aktif dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan Iskandar Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus melalui Inisiatif Pintar. Beberapa usaha sedang dijalankan, termasuk pelaksanaan Smart City Action Plan for Local Authorities di Iskandar Malaysia, di mana setiap pihak berkuasa tempatan memberikan komitmen untuk melaksanakan perancangan yang efektif dan efisien serta meningkatkan operasi harian. Usaha ini melibatkan beberapa inisiatif seperti Inisiatif Smart Parking (MJB), The Smart City Management (MBIP), Energy Saving (MPPG), Smart Traffic Management (MPKu), dan Internal Capacity Improvement (MDP).

Iskandar Malaysia melalui Bandaraya Johor Bahru juga merupakan salah satu daripada 26 bandar yang terpilih untuk menyertai program ASEAN Smart City Network (ASCN). Program ini, dilancarkan pada tahun 2018 semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura, melibatkan komitmen dari negara-negara maju seperti Jepun, Korea, AS, UK, dan Australia untuk membantu bandar-bandar di negara-negara ASEAN menjadi Bandar Pintar. Iskandar Malaysia turut mempunyai dua projek perintis untuk ASCN, iaitu Pengurusan dan Penedaran Sumber Air serta The Iskandar Malaysia Urban Observatory (Balai Cerap Bandar Iskandar Malaysia). IRDA menerima tawaran dari pihak berminat seperti United States Trade and Development Agency (USTDA) dan Korea Water Resources Corporation (K-Water) untuk bekerjasama dalam mengembangkan kedua-dua projek ini.

### **Infrastruktur Dan Pengupaya (*Enabler*)**

Kualiti infrastruktur yang disediakan di Iskandar Malaysia merupakan salah satu elemen penarik bagi pelabur dan komuniti untuk menetap di kawasan tersebut. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah melabur hampir RM18 bilion di Iskandar Malaysia dalam pembangunan dan peningkatan infrastruktur, bertujuan untuk mendukung aktiviti pelaburan, memenuhi keperluan pertumbuhan bandar, dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.

### **Jalan Raya**

Iskandar Malaysia telah mendapat sokongan dari Kerajaan untuk projek-projek jalan raya yang bertujuan meningkatkan konektiviti fizikal dan mengurangkan masa perjalanan di seluruh kawasan Iskandar Malaysia dan wilayah sekitarnya. Beberapa projek infrastruktur utama yang sedang dilaksanakan atau telah disiapkan di Iskandar Malaysia termasuk (i) Pembinaan jalan masuk dari Kukup ke Tanjung Piai, (ii) Pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2, (iii) Pembinaan jambatan yang menghubungkan Petrokimia Tanjung Bin dengan Hab Laut ke Gelang Patah, (iv) Sistem Pengangkutan Awam

Bus Rapid Transit, (v) Sistem Penyuraian Trafik untuk EDL dan Jalan Lingkaran Dalam, dan (vi) Projek Menaiktaraf Jalan Kempas Lama - Persimpangan PLUS.

### **Bekalan Elektrik**

TNB telah membentuk pasukan petugas yang dikenali sebagai IM10 untuk meningkatkan tahap "kebolehpercayaan" bekalan elektrik di Iskandar Malaysia. TNB berazam untuk meningkatkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDI) dari 62 minit per pelanggan setahun (mpps) pada tahun 2010 kepada kurang dari 10 mpps menjelang 2020 di kawasan-kawasan hijau dan 20 minit mpps di kawasan-kawasan coklat.

Pada tahun 2019, SAIDI untuk kawasan hijau mencapai 5.09 mpps, sementara untuk kawasan coklat adalah 36.34 mpps. Ini disebabkan oleh cabaran pembinaan yang rumit, waktu kerja yang terhad, dan sempitnya koridor infrastruktur di kawasan coklat. Walaupun begitu, SAIDI di Iskandar Malaysia pada ketika itu berada di bawah purata nasional sebanyak 48.13 mpps. TNB telah melabur sejumlah RM1,120 juta dari tahun 2011 hingga 2019 untuk meningkatkan infrastruktur elektrik di Iskandar Malaysia.

### **Bekalan Air**

Di Iskandar Malaysia, terdapat tujuh (7) loji rawatan air dengan pelbagai saiz yang merawat dan membekalkan air ke Iskandar Malaysia. Satu daripada loji ini membekalkan air ke Singapura. Pertumbuhan pesat di Iskandar Malaysia dijangka akan mencipta keadaan ketidakseimbangan antara bekalan dan permintaan air di masa depan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh SAJ Ranhill pada tahun 2017, kapasiti air yang ada hanya akan dapat memenuhi permintaan Iskandar Malaysia hingga tahun 2020. Ketidakpastian dalam bekalan air boleh menyebabkan pelabur menjauhkan diri dari Iskandar Malaysia. Jika tiada tindakan diambil untuk menangani keadaan ini, Iskandar Malaysia akan berdepan dengan kekurangan bekalan air yang kritikal pada tahun

2020. IRDA sedang menjalankan kajian kelayakan untuk membina Loji Rawatan Air Pintar baru di Kulai bagi memenuhi perkembangan baru yang dirancang di Kulai-Sedenak. Ini dijangka akan meningkatkan bekalan air terawat untuk bahagian utara Iskandar Malaysia, sementara membebaskan kapasiti sedia ada untuk membekalkan kawasan lain di Iskandar Malaysia.

Selain inisiatif dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menangani cabaran bekalan air di Iskandar Malaysia (Pengurangan Air Tiada Hasil (NRW), Projek Pemindahan Air, Peningkatan Loji Rawatan Air, Langkah-langkah penjimatan air), IRDA juga melaksanakan Konsep Pengurusan Bersepadu Air Untuk Bandar (Integrated Urban Water Management Concept - IUWM) untuk Iskandar Malaysia. Terdapat juga inisiatif Rancangan Perniagaan Ranhill SAJ OP5, Dimana pelbagai projek naik taraf dan pembangunan infrastruktur bekalan air awam akan dilaksanakan. Dengan inisiatif ini Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1.6 billion bagi tahun 2022.

IUWM, atau Pengurusan Air Bersepadu dan Bersektor (Integrated Urban Water Management), merupakan pendekatan holistik untuk perancangan strategik ekosistem air. Ia memberikan pandangan menyeluruh terhadap cabaran bekalan air dengan mempertimbangkan pihak-pihak yang bersaing di kalangan pengguna air dalam kawasan tadahan air atau lembangan sungai. IUWM membolehkan penyusunan infrastruktur tradisional dan baru dengan cara optimum melalui perancangan yang terselaraskan di kalangan sektor-sektor pengguna air.

Dengan menggunakan pelbagai jenis pengurusan yang memanfaatkan kecekapan dan mempromosikan pemuliharaan, IUWM mampu menghadapi cabaran keperluan air di bandar besar dan kompleks. Sekarang ini, IRDA sedang bekerjasama dengan pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri serta pihak berkuasa tempatan dalam beberapa inisiatif dan projek secara serentak. Tujuannya adalah untuk menyediakan langkah-langkah ke hadapan bagi

penerapan, pelaksanaan, persiapan, dan pelancaran IUWM.

### **Sedenak Tech Park**

Pada Ogos 2019, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) bernilai RM21.6 bilion. Rancangan lima tahun ini bertujuan menyediakan sambungan digital berkualiti tinggi dan mampu milik di seluruh negara, merangkumi kawasan bandar dan luar bandar untuk semua rakyat Malaysia.

Matlamat utama NFCP termasuk menyediakan kelajuan purata 30 Mbps di 98% kawasan berpenduduk dan di kawasan perindustrian terpilih menjelang tahun 2020 serta semua ibu negeri pada tahun 2023.

Berhubung dengan itu, usaha bersama perlu dimulakan untuk menjadikan Iskandar Malaysia sebagai Hab Data Antarabangsa. Di Iskandar Malaysia, program-program yang dapat merealisasikan potensi ini telah tersedia. Ini termasuk pembangunan Sedenak Tech Park yang bertujuan menarik pemain IT antarabangsa utama seperti Apple, Ali Baba, Google, dan sebagainya. Pemasangan Stesen Pendaratan Kabel di Pantai Timur dan Barat Johor yang akan menghubungkan ke kabel komunikasi dasar laut untuk menyediakan penyambungan data antarabangsa.

Untuk mencapai status pusat data, kawasan perindustrian perlu dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi berkost rendah dan ketersediaan kabel serat optik. IRDA telah memulakan rancangan untuk membangunkan Stesen Pendaratan Kabel "neutral" yang menghubungkan Sedenak Tech Park ke gerbang antarabangsa melalui penyedia kabel komunikasi dasar laut swasta.

### **Mitigasi Kesesakan di Tambak Johor – Singapura**

Tambak Johor merupakan salah satu laluan yang paling sibuk di kawasan ini. Setiap hari, kira-kira

300,000 pemandu menghadapi kesesakan untuk menyeberangi sempadan Johor-Singapura melalui "causeway" dan Linkedua, yang memerlukan masa 1.5 jam atau lebih hanya untuk melepasi pemeriksaan imigresen dan kastam. Kesesakan ini menyebabkan kerugian ekonomi yang besar. Oleh itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengenai Kesesakan di Tambak Johor untuk mengatasi masalah tersebut.

Beberapa inisiatif yang telah dicadangkan termasuk: (i) Peruntukan khas dan tambahan sebanyak RM85 juta untuk Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar, (ii) Perluasan dan memanjangkan Causeway; (iii) Memperluas kompleks pusat pemeriksaan; (iv) Pembinaan laluan pejalan kaki yang berbumbung; dan (v) Kajian penubuhan agensi tunggal untuk mengawal pintu masuk. Dalam 2022, JMCIM mengakui kepentingan menyediakan pelbagai pilihan pengangkutan dan pilihan lain untuk perjalanan lintas sempadan antara Malaysia dan Singapura. Dalam hubungan ini, JMCIM menyambut baik perkhidmatan feri baru antara Singapura dan Desaru yang sudah bermula pada Julai 2022.

Sementara itu, Kumpulan Kerja Imigresen terus bekerjasama dengan rapat untuk memastikan kelancaran fasilitasi pergerakan lintas sempadan bagi manusia dan barang, dan telah berjaya menguruskan peningkatan beransur-ansur dalam jumlah pelancong sejak pembukaan sempadan darat pada 1 April 2022. JMCIM menyambut baik rancangan Singapura untuk membangunkan semula dan memanjangkan Woodlands Checkpoint untuk meningkatkan keselamatan, membolehkan proses automatik yang lebih banyak melalui Konsep Pembersihan Baru ICA, dan mengurangkan masa menunggu.

Konsep Pembersihan Baru untuk Kargo juga akan memberikan pengalaman pembersihan kargo yang lebih lancar dan efisien bagi Lori yang melintasi sempadan darat. Sistem Motoris Warganegara Malaysia (M-BIKE), yang membolehkan pemandu motorsikal yang

berdaftar dan penumpang belakang yang berdaftar mereka untuk menyelesaikan imigresen secara serentak di lorong M-BIKE yang dedikasi, juga beroperasi pada kapasitinya penuh untuk untuk menampung pergerakan besar pengendara motorsikal melintasi sempadan. Malaysia juga merancang untuk memasang lorong M-BIKE tambahan untuk meningkatkan aliran trafik. Projek ini akan dikenali sebagai M-Bike 2.0.

### **Projek-Projek Pemangkin dan Berimpak Tinggi**

Untuk tempoh 5 tahun akan datang dan dengan mempertimbangkan kesan Covid-19, IRDA dijangka memberi penekanan yang lebih besar kepada sektor-sektor yang berdaya tahan seperti bioteknologi, halal, ekonomi hijau, serta ekonomi digital dan pintar. Ini jelas diperlihatkan melalui pelaksanaan projek-projek seperti Kulai Iskandar Data Exchange (KIDEX), Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT), dan Medini Smart City.

Selain itu, pertumbuhan Iskandar Malaysia juga akan dipacu melalui pembangunan projek-projek baru seperti Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT), Pusat Pakar Hijau Kensington, Sekolah Antarabangsa Stellar, Pusat Beli-Belah Toppen, Holiday Inn Hotel JBCC, pembesaran kemudahan penyimpanan Minyak Langsung Terminal oleh Dialog Group Berhad, dan projek-projek lain.

### **Inisiatif Pertanian Moden**

Sektor Pemprosesan Agro dan Makanan di Iskandar Malaysia menyajikan peluang pelaburan yang penting. Ramalan untuk masa hadapan menunjukkan kewujudan dua golongan penduduk dengan sistem pemakanan yang berbeza. Golongan pertama cenderung terhadap makanan dari industri dengan kos serendah mungkin, sering mengabaikan kepentingan pekerja dan aspek alam semula jadi. Sementara itu, golongan kedua dijangka lebih memilih makanan dari bahan yang ditanam dalam

"taman/ladang" peribadi mereka, walaupun pada kos yang lebih tinggi.

Iskandar Malaysia mempunyai perancangan untuk mengembangkan pendekatan kedua ini, yang melibatkan dasar ladang yang bersifat lestari dan berkaitan dengan kesihatan. Keberhasilan implementasi ini bergantung pada advokasi dan keterlibatan politik yang serius.

Keanekaragaman hasil pertanian dan peningkatan pengeluaran tanaman makanan akan memberikan Iskandar Malaysia keberlanjutan, mengurangkan ketergantungan pada import dan potensi gangguan dalam rantai bekalan makanan global. Hal ini juga dapat meningkatkan daya beli negara melalui lebihan eksport hasil pertanian yang memenuhi standard antarabangsa.

Dengan pertumbuhan pesat urbanisasi di Iskandar Malaysia, pertanian bandar dapat menjadi penyelesaian bagi isu keselamatan makanan dan kemiskinan bandar. Inisiatif pertanian bandar, seperti Program Pertanian Bandar Iskandar Malaysia (IMURFARM), dapat memberikan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk, sekaligus memenuhi keperluan makanan asas. Keberlanjutan program ini akan diteruskan melalui kajian Pertanian Moden Iskandar Malaysia di bawah RMK-12 Rolling Plan ke-2, yang bertujuan mengidentifikasi kaedah terbaik untuk melaksanakan pertanian moden dengan memperhatikan keterbatasan tanah dan tenaga kerja.

Pentingnya mengedepankan produk pertanian berkualiti dan kapasiti penghasilan yang tinggi akan menjadi fokus utama Pertanian Moden Iskandar Malaysia, yang akan menempatkan IRDA sebagai "Agrifood Hub" Malaysia.

Pentingnya Pertanian Moden juga diakui dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor

2030, yang bertujuan meningkatkan keselamatan makanan melalui pertanian moden berorientasikan teknologi dan digital, terutamanya dengan perkhidmatan 5G. Seiring dengan itu, liputan 5G akan diperluaskan di Negeri Johor untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pertanian moden yang efisien.

Sejak Malaysia memasuki fasa endemik pada tahun 2022, permintaan buruh di peringkat nasional telah mengalami peningkatan yang kukuh yang ketara dilihat apabila statistik bilangan pekerjaan baharu dianalisa. Menjelang suku ketiga tahun 2023, terdapat sebanyak 8.9 juta jawatan baharu yang telah direka, di mana sebanyak 97.9% (8.72 juta jawatan) telah diisi. Hal yang demikian merupakan suatu indikator yang menggambarkan suatu trend peningkatan di mana jumlah jawatan yang ditambah telah meningkat sebanyak 228 ribu berbanding dengan jumlah jawatan pada suku ketiga tahun 2022. Kadar kekosongan jawatan yang dicatat pada suku ketiga tahun 2023 adalah 2.1% (191 ribu pekerjaan). Hal yang demikian menggambarkan suatu pemulihan yang ketara dalam pasaran buruh Malaysia pada tahun 2023.

## Tenaga Buruh

<sup>17</sup> Statistik Guna Tenaga (Employment Statistics)

Suasana pasaran buruh pada suku ketiga tahun 2023 menggambarkan suatu imej berkontra daripada era pandemik dan menyambung trend pemulihan positif yang bermula sejak akhiran tahun 2022. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan tenaga buruh pada suku ketiga tahun 2023 telah menyaksikan peningkatan sebanyak 1.36% kepada 1.91 juta orang daripada 1.88 juta orang pada suku kedua tahun 2023. Hal yang demikian juga melonjakkan KPTB negeri kepada 69.9% pada suku kedua tahun 2023 kepada 70.6% pada suku ketiga tahun 2023. Pada masa yang sama, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pula telah menurun daripada 811.5 ribu orang pada suku kedua tahun 2023 kepada 795.5 ribu orang pada suku ketiga tahun 2023.


Perbandingan tahun atas tahun memantulkan pemulihan yang positif. Populasi tenaga buruh yang sedia ada dalam sektor ekonomi Negeri Johor pada suku ketiga tahun 2023 telah meningkat sebanyak 2.45% (45,800 orang) berbanding dengan suku ketiga tahun 2022 daripada 1,86 juta orang kepada 1.91 juta orang. Hal yang demikian telah meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) negeri sebanyak 0.9% tahun atas tahun daripada 69.7% pada suku ketiga tahun 2022 kepada 70.6% pada suku ketiga tahun 2023.



Tambahan pula, bilangan penduduk di luar tenaga buruh telah menurun secara signifikan tahun atas tahun sebanyak -1.87% kepada 795.5 ribu orang pada suku ketiga tahun 2023 (S3 2022: 810.7 ribu orang).

Jumlah penduduk bekerja telah meningkat tahun atas tahun sebanyak 2.81% (45.10 ribu orang) daripada 1.81 juta orang pada suku ketiga tahun 2022 kepada 1.86 juta orang pada suku ketiga tahun 2023.

Hal yang demikian menyumberkan Negeri Johor dengan jumlah penduduk bekerja yang ketiga-tertinggi di Malaysia di mana bilangan penduduk bekerja di Negeri Johor merangkumi 11.47% daripada jumlah penduduk bekerja di Malaysia. Kadar pengangguran di Negeri Johor telah kekal stabil dari tahun atas tahun di mana ia telah kekal pada 2.5% pada suku ketiga tahun 2023 dan suku ketiga tahun 2022.

Oleh kerana populasi tenaga buruh yang meningkat, ini bermakna bahawa jumlah penduduk yang menganggur telah meningkat secara marginal sebanyak 1.51% (7 ratus orang) kepada 47 ribu orang pada suku ketiga tahun 2023 berbanding dengan jumlah penanggur pada suku ketiga tahun yang sebelumnya (S3 2022: 46.3 ribu orang).





**Jadual 5.13: Indikator-Indikator Gunatenaga Negeri Johor**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## EKONOMI PADA TAHUN 2023-2025

### Ekonomi Dunia pada Tahun 2024

Sejak tahun 2021, semua ekonomi utama telah pulih daripada kesan pandemik COVID-19 yang menyebabkan gangguan ekonomi dalam ekonomi-ekonomi yang terbesar. Kini, kebanyakan daripada ekonomi-ekonomi tersebut telah mengalami pemulihan yang signifikan dan mencatatkan prestasi yang positif jika dibanding dengan era pandemik.

Namun, menjelang tahun 2022 dan 2023, kesan-kesan daripada pandemik masih boleh dirasa yang diiringi oleh insiden-insiden ketegangan

geopolitik; hal yang demikian telah menjadi antara halangan yang mengekang kebanyakan ekonomi dunia daripada mencapai potensi pemulihan yang sepenuhnya.

Akibatnya, kadar pertumbuhan kebanyakan ekonomi – termasuklah ekonomi-ekonomi utama dunia – adalah agak lembap pada tahun 2023 berbanding dengan kadar pertumbuhan yang dicatatkan pada tahun 2022 sepertimana yang dipamerkan di Rajah 5.43. Dari kalangan ekonomi utama, China dijangka tumbuh paling tinggi dengan unjuran sebanyak 5% untuk tahun 2023.

Pada tahun 2023, negara China telah mengalami beberapa masalah yang berpunca daripada masalah pengurusan kewangan dan isu sosial seperti pengangguran yang tinggi dalam kalangan orang muda. Ketidakstabilan pengurusan kewangan dalam beberapa syarikat hartanah di China telah mencetuskan krisis dalam sektor hartanah negara tersebut, di mana beberapa syarikat terpaksa menghentikan operasi yang telah merosakkan keyakinan pembeli rumah dan pelabur.

Ini telah menyebabkan penurunan permintaan untuk rumah di pasaran, mengakibatkan ketidakseimbangan pasaran. Tambahan pula, ia telah memberi kesan negatif kepada syarikat lain di negara tersebut, menempatkannya dalam risiko kejatuhan, menyebabkan beberapa projek tergantung dan lebih merosakkan lagi sentimen pasaran. Ini juga berpotensi menyebabkan kesan limpahan ke negara lain di mana syarikat-syarikat ini beroperasi dan memperburuk krisis perumahan yang berterusan di rantau tersebut sejak tahun 2022.

Tambahan pula, memberi kesan negatif kepada syarikat lain di negara tersebut – menyebabkan risiko mereka akan melingkup – yang telah menyebabkan beberapa projek tergantung dan merosotkan lagi suasana pasaran. Hal yang demikian juga berpotensi untuk menyebabkan kesan limpahan kepada negara lain yang syarikat-syarikat tersebut sedang beroperasi serta merosotkan krisis perumahan di rantau sendiri yang berterusan sejak tahun 2022.

Dasar '*zero-Covid*' yang telah diimplementasi di negara tersebut pada akhiran tahun 2022 juga telah menyebabkan gangguan ekonomi yang serius kepada ekonomi China. Antara kesan yang dicatat adalah penyekatan pergerakan yang mengekang pertumbuhan ekonomi tersebut yang juga telah disifatkan sebagai punca suatu kekurangan makanan di kawasan-kawasan yang terbabit.

Pengangguran yang melarat antara golongan muda oleh kerana kesukaran untuk mencari kerja yang merupakan kesan pandemik COVID-19 dan

persaingan tinggi dalam pasaran buruh. Hal ini juga merupakan antara faktor yang mengekang ekonomi negara China daripada mencapai anggaran pemulihan 6% dalam sedekad mereka. Dalam konteks tersebut, negara China telah menunjukkan kekukuhan ekonominya dengan pertumbuhan sebanyak 5%, namun, para ekspert menjangka bahawa tahun 2024 dan seterusnya akan membawa pertumbuhan yang lebih lembap akibat isu yang melarat.

Pertumbuhan ekonomi negara China pada tahun 2023 telah diikuti oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah masing-masing pada kadar 2.1% dan 1.9%. Terdapat beberapa faktor yang melembapkan pertumbuhan ekonomi-ekonomi dunia pada tahun 2023 di mana tema utamanya merupakan geopolitik dan ketidakstabilan pasaran kewangan. Peperangan yang melarat antara Ukraine dan Rusia merupakan faktor utama kelembapan pertumbuhan ekonomi-ekonomi tersebut.

Zon Euro telah mengalami ketidakstabilan pasaran pada tahun 2023 oleh kerana konflik yang berterusan antara negara-negara tersebut. Peperangan antara Ukraine dan Rusia telah disifatkan sebagai pemangkin peningkatan harga tenaga dan makanan di seluruh dunia yang telah menggesa beberapa negara untuk menghentikan eksport makanan ke negara lain untuk mengukuhkan bekalan di negara sendiri.


Hal yang demikian telah memberi kesan kepada sesetengah negara Eropah seperti negara German yang mempunyai ekonomi yang berorientasikan eksport dan intensif tenaga maka menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi-ekonomi tersebut pada tahun 2023. Hal yang demikian juga dikemarukkan lagi dengan masalah logistik yang disifatkan kepada penyekatan-penyekatan ruang udara serta krisis pelarian daripada Ukraine ke dalam Kesatuan Eropah juga merumitkan operasi logistik di kawasan tersebut.

Terakhir, Amerika Syarikat juga mengalami masalah ekonomi dalam bentuk ketidakstabilan politik dan pasaran. Inflasi merupakan salah satu isu utama yang dibincangkan di rantau ini, dan

langkah-langkah telah diambil untuk mengawal inflasi dengan menaikkan kadar faedah negara. Federal Reserve Amerika Syarikat telah meningkatkan Kadar Dana Persekutuan kepada 5.25%-5.50%, dan terdapat ketidakpastian mengenai bila ia akan dikurangkan. Langkah tersebut berkemungkinan untuk menzahirkan kelembapan pertumbuhan ekonomi pada jangka masa pendek.

Tambahan pula, keruntuhan beberapa institusi perbankan besar yang dipicu oleh kenaikan kadar faedah di negara ini pada suku kedua tahun 2023 turut memberi kesan kepada kestabilan pasaran kewangan dan industri

teknologi Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah telah mengambil langkah untuk menangani isu-isu tersebut – dalam konteks Amerika Syarikat, ia telah mengelakkan diri daripada mengalami kemelesetan ekonomi yang signifikan dan kini menjangka suatu pendaratan yang lembut. Kedua-dua ekonomi tersebut telah mengalami pertumbuhan, walaupun pertumbuhan tersebut bersifat marginal pada tahun 2023, dan diunjurkan akan mengalami pemulihan yang lebih kukuh menjelang tahun 2024 dan 2025.



**Rajah 5.14: Kadar Pertumbuhan KDNK Dunia dan Rantau-Rantau Ekonomi (Harga Malar), 2019-2025**

Sumber: Unjuran IMF

### Ekonomi Malaysia Di Tahun 2024

Ekonomi negara telah dijangkakan akan bertumbuh sebanyak 4% pada tahun 2023 dan sebanyak 4%-5% pada tahun 2024 walaupun ia juga telah mengalami kesan limpahan daripada ketidakstabilan pasaran dan geopolitik dunia. Perkembangan tersebut adalah dijangka akan dipacu oleh permintaan dalam negeri yang berkembang dan pengimplementasi langkah-langkah pemulihan yang tertera dalam dasar

nasional seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2023 dan Pelan Halatuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Faktor-faktor tersebut dijangka akan mengimbangi kesan-kesan negatif yang muncul oleh anasir geopolitik dan ketidakstabilan ekonomi dunia.

Telah dijangka bahawa tahun 2024 juga akan disokong oleh permintaan domestik – terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta – yang dijangka akan meningkat. Inisiatif kerajaan

untuk menyokong permintaan domestik seperti pengagihan bantuan kewangan kepada sesetengah demografi serta peningkatan dalam pelaburan swasta dijangka akan bertambah pulih oleh kerana dasar-dasar kerajaan untuk membangunkan keupayaan teknologi tinggi negara.

Tekanan inflasi pada tahun 2023 telah menurun secara mendadak jika dibanding dengan tahun 2022 oleh kerana langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan persekutuan. Kadar inflasi utama (*headline inflation*) nasional telah meningkat dengan kadar yang rendah dalam suku keempat tahun 2023 sebanyak 1.5% pada bulan November 2023. Walau bagaimanapun, inflasi teras (*core inflation*) telah menampai kadar inflasi keseluruhan dengan kadar 2.0%.

Walaupun bagaimanapun, kadar inflasi nasional diunjurkan akan meningkat kepada 3.2% pada tahun 2024 yang dijangka akan disebabkan oleh subsidi bahan api bersasar serta pengagihan bantuan kewangan pada suku kedua tahun 2024. Berikutan itu, inflasi bukan-makanan diunjur akan meningkat sebanyak 2.5% pada tahun 2024 manakala inflasi makanan akan meningkat dengan kadar 4.5% iaitu suatu kadar yang lebih rendah oleh kerana penormalan harga komoditi global dan pemulihan rantai bekalan domestik.

### **Ekonomi Negeri Johor Pada Tahun 2024**

Walaupun telah dijangkakan bahawa 2024 akan menyaksikan suatu pemulihan dalam permintaan domestik dalam era pasca-pandemik oleh kerana pemulihan rantai bekalan domestik, unjuran pertumbuhan ekonomi Negeri Johor pada tahun 2024 akan berlaku dengan kadar yang lebih


rendah berbanding dengan peningkatan KDNK yang dianggarkan pada tahun 2023.

Hal yang demikian adalah disebabkan oleh dinamik ekonomi dunia yang sedang berubah yang mungkin merealisasikan kesan-kesan limpahan kepada ekonomi negeri seperti ketidakstabilan geopolitik luar negara yang berterusan serta kesan-kesan daripada gangguan rantai bekalan dunia.

Dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi Johor akan dipengaruhi terutamanya oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang meningkat, yang mendapat manfaat daripada keadaan pasaran pekerja yang baik, pelaksanaan projek berbilang tahun, dan peningkatan aktiviti pelancongan ke dalam negeri. Dengan negara memasuki fasa endemik, faktor-faktor pada tahap makro seperti ketegangan geopolitik, peningkatan inflasi, gangguan rantai bekalan telah mempengaruhi ramalan pertumbuhan ekonomi Negeri Johor.

Hal yang demikian dijangkakan akan dicerminkan penurunan pertumbuhan Produk Dalam Negeri Kasar (KDNK) ke sekitar 4.52% pada tahun 2024 dan berturun kepada 3.91% pada tahun 2025. Hal ini juga mengambil kira cabaran pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sesetengah sektor ekonomi dan pelemahan nilai ringgit.

Inflasi harga pengguna di Johor dijangka mencapai kemuncaknya pada tahun 2023. Kadar faedah sedang dinaikkan untuk meredakan inflasi dan pengeluaran pengguna. Jika inflasi dapat diturunkan, kita sepatutnya akan melihat pemulihan rantai bekalan barangan pengguna dan pasaran buruh yang semakin ketat.



**Rajah 5.15: Ramalan Pertumbuhan KDNK Negeri Johor, 2017-2024**

*\*Unjuran BPEN Johor*

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Peratus terbesar kepada KDNK Negeri Johor pada tahun 2023, 2024, dan 2025 adalah diunjurkan akan dicatatkan oleh sektor perkhidmatan dengan unjuran sumbangan sebanyak 54.40% pada tahun 2023, 55.09% pada tahun 2024, dan 55.79% pada tahun 2025 yang merupakan antara penumbuhan yang stabil bagi sektor tersebut. Sektor tersebut dijangkakan akan meningkat sebanyak 6.76% pada tahun 2023, 5.85% pada tahun 2024, dan 5.12% pada tahun 2025.

Tahun 2023 melihat peningkatan yang signifikan oleh kerana momentum yang dizahirkan oleh pembukaan semula ekonomi pada tahun 2022 yang dijangka akan meleset secara beransuran pada tahun 2024 dan 2025. Hal yang demikian adalah kerana faktor-faktor seperti ketegangan kewangan serta gangguan dalam pengeluaran bahan komponen dalam pengeluaran produk selesai oleh kerana ketidakstabilan geopolitik yang berterusan menjelang tahun 2024 dan 2025<sup>18</sup>.

Walaupun pertumbuhan telah diunjurkan, faktor-faktor yang dinyatakan akan mengekalkan

momentum ekonomi daripada tahun 2022 semasa dunia bergerak ke hadapan ke 2024 dan 2025. Unjuran sumbangan sektor perkhidmatan diikuti oleh unjuran bagi sektor pembuatan yang dijangka akan menyumbang 29.96% pada tahun 2023, 30.28% (2024), dan 32.61% (2025) serta sumbangan sektor pertanian yang diunjurkan akan menyumbang sebanyak 12.15% (2023), 11.76 (2024), dan 12.15 (2025).

Sektor pembuatan dijangka akan bertumbuh dengan kadar 2.52% pada tahun 2023, melonjak sedikit kepada 5.63% pada tahun 2024, dan kembali stabil kepada 3.04% menjelang tahun 2025. Hal yang demikian adalah kerana peningkatan prestasi industri-industri berorientasi domestik yang tinggi – terutamanya ia akan dipacu oleh peningkatan pengeluaran dalam industri pertumbuhan nilai tinggi.

Sektor pertanian diunjurkan akan bertumbuh sebanyak 3.32% pada tahun 2023 dan 1.13% pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, ia dijangka akan menguncup dengan kadar -1.12% pada tahun 2025. Hal yang demikian adalah sejajar oleh unjuran penguncupan dalam jumlah

<sup>18</sup> Unjuran daripada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

pengeluaran minyak sawit mentah – yang merupakan pengeluaran utama sektor pertanian Negeri Johor – oleh kerana kesan-kesan corak cuaca el Nino yang dijangka akan bertambah akut menjelang tahun 2025.


Sumbangan bagi sektor pembinaan diunjurkan menyumbang sebanyak 3.05% pada tahun 2023, 3.30% pada tahun 2024, dan 3.53% pada tahun 2025. Ke hadapan, sektor pembinaan dijangka mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi di mana 2023 akan melihat peningkatan sebanyak 12.81%, 2024 akan mengalami pertumbuhan sebanyak 8.44%, dan 6.80% pada tahun 2025.

Terdapat beberapa faktor yang akan mempengaruhi pertumbuhan sektor pembinaan di mana faktor utamanya adalah peningkatan aktiviti dalam sektor tersebut yang dijangka akan melaksanakan beberapa projek mega yang bertemakan pembinaan infrastruktur, zon ekonomi, dan kampus-kampus yang merevolusikan ekonomi Negeri Johor.

Antara projek-projek infrastruktur major yang dijangka akan mengecaskan sektor pembinaan di Negeri Johor adalah projek RTS Johor Bahru-Singapura, projek RTS Kuala Lumpur-Singapura

dijangka akan dimulakan semula, penambahan lebuhraya, pembukaan *Special Economic Zone* (SEZ) Malaysia-Singapura dan *Special Financial Zone* (SFZ) di Forest City, serta pembinaan kampus pusat data oleh syarikat YTL di bahagian selatan Negeri Johor. Pertumbuhan dalam sektor-sektor lain seperti pasaran hartanah industri dan sektor tenaga boleh diperbaharui juga dijangka akan menyumbang kepada prospek positif sektor.


Tambahan pula, sektor pembinaan pada peringkat nasional juga diunjurkan untuk meningkat oleh kerana usaha kerajaan pusat untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan populasi Malaysia. Negeri Johor juga bersedia untuk bermanfaat daripada usaha tersebut melalui program *Malaysia My Second Home* (MM2H). Hal yang demikian boleh merangsangkan lagi sektor pembinaan dan perkhidmatan negeri oleh kerana jangkaan peningkatan dalam volum transaksi hartanah unit perumahan serta unit bukan perumahan. Sumbangan sektor perlombongan dan pengkuarian diunjurkan akan mengekalkan posisinya sebagai penyumbang yang terkecil kepada ekonomi Negeri Johor yang diunjur akan menyumbang sebanyak 0.43%-0.46% menjelang tahun 2023-2025.



**Rajah 5.16: Unjuran Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Negeri Johor**

\*Unjuran BPEN Johor


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 5.17: Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah (%) Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor (RM Juta)**

*\*Unjuran BPEN Johor*

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*



# **BAB 6 :** **KONSEP “DEVELOPED STATE”** **DAN CADANGAN**

**LAPORAN EKONOMI**

**NEGERI JOHOR**

**2022 / 2023**

## **BAB 6: KONSEP ‘DEVELOPED STATE’ DAN CADANGAN**

### **PENGENALAN**

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada cadangan bagi terma “*developed state*” yang boleh digunakan dalam konteks negeri Johor. Cadangan tersebut mengambil kira definisi serta ciri-ciri suatu negara maju sebagai asasnya dan akan diadaptasikan untuk memuat konteks negeri Johor. Seterusnya, perbincangan tersebut akan mengalih kepada kelebihan dan cabaran yang khusus kepada ekonomi Negeri Johor (daripada kajian SWOT), serta menilai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Bahagian ini akan membincangkan secara ringkas bagaimana Negeri Johor dapat memperkenalkan aktiviti dan program-program yang dapat meningkatkan pendigitalan ekonomi dan aktiviti perniagaan serta pengimplementasian inisiatif-inisiatif baru dalam ekonomi negeri. Ini akan memberi manfaat besar kepada negeri Johor dan akan meletakkan negeri ini ditahap yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri yang lain.

### **CADANGAN MENGLASIFIKASIKAN “DEVELOPED STATE”**

#### **Latar Belakang**

Apabila perbincangan tentang mengklasifikasikan sesebuah negara berdasarkan tahap pembangunan mereka dibangkitkan (baik yang berdasarkan teori atau berdasarkan ukuran objektif), tiada satu kriteria menyeluruh yang diterima secara umum. Juga, pembangunan bukanlah konsep yang dapat menyediakan dasar di mana negara boleh diklasifikasikan. Walaupun terdapat isu konseptual yang sukar diakui, keperluan untuk klasifikasi adalah nyata seperti yang dibuktikan oleh pelbagai klasifikasi yang digunakan pada masa ini oleh pelbagai institusi global.

Bagaimana sesuatu definisi itu terbentuk juga bergantung kepada di mana terletaknya garis antara negara membangun dan negara maju yang tidak jelas. Ini mungkin menunjukkan bahawa pemisahan negara membangun/negara maju mempunyai lebih dari dua kategori untuk merangkap kepelbagaian hasil pembangunan di seluruh negara itu.

#### **Ciri-Ciri Negara Maju**

Untuk melihat ciri-ciri negara maju, kriteria IMF mempunyai kriteria-kriteria yang agak menyeluruh untuk mengklasifikasikan sesebuah negara. Dengan ini, didapati bahawa negara-negara maju merangkumi dan dinilai berasaskan;

1. Pendapatan sesebuah negara;
2. Campuran industri yang pelbagai, termasuk sektor perkhidmatan yang besar;
3. Sistem kewangan yang berkembang;

Selain ciri-ciri diatas, boleh dipanjangkan lagi dengan menambah dua kriteria lain daripada Indeks Pembangunan Manusia (HDI) untuk negara maju:

1. Rakyat mempunyai jangka hayat yang lebih panjang sejak kelahiran; dan
2. Sistem pendidikan yang berkembang pesat.

#### **Klasifikasi Dari Sudut Negara Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu**

Walaupun terdapat pelbagai definisi negara maju di kalangan institusi global, namun sistem klasifikasi negara Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dibina berdasarkan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) yang mempunyai kriteria dan ciri-ciri yang lebih luas. Untuk merangkumi sifat pembangunan yang pelbagai, HDI merupakan sebuah indeks yang menggabungkan tiga indeks yang mengukur pencapaian negara iaitu dari segi jangka hayat, pendidikan, dan pendapatan. HDI membantu memberikan pencerahan tentang

beberapa aspek pembangunan lain yang penting untuk negara selain daripada hasil dan pendapatan.

## **NEGERI JOHOR SEBAGAI SEBUAH “DEVELOPED STATE”**

Ekonomi negeri Johor merupakan ekonomi yang inovatif dan berdaya bersaing. Keadaan ini hasil daripada pembangunan yang teratur yang telah dilaksanakan oleh sebuah kerajaan negeri yang progresif. Wawasan masa depan ekonomi negeri jugak telah dibentuk berdasarkan kepada strategi untuk menumpukan kepada pelbagai sektor ekonomi bagi memperkuatkan perlindungan sosial dan meningkatkan modal insan, memperluas pendigitalan, serta memperbaharui ekosistem pelaburan dan ekonomi hijau. Langkah-langkah ini sejajar dengan tekad kerajaan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat akibat pandemik COVID-19 dan pada masa yang sama memulihkan sektor ekonomi secara menyeluruh.

Hasil daripada analisa yang telah dibuat pada Negeri Johor dalam laporan ekonomi ini sudah memberi gambaran terhadap tahap pertumbuhan ekonomi negeri Johor dan juga strategi dan arah pembangunannya yang stabil dan tersusun. Ciri-ciri dan pertumbuhan ini boleh dikaitkan dengan tahap negeri Johor sebagai sebuah “Developed State” lebih-lebih lagi dengan prestasi factor-faktor yang berikutnya yang boleh dikait rapat dengan ciri-ciri yang telah disenarikan oleh IMF dan UNDP.

### **Penyumbang Kepada KDNK Negara Yang Kuat**

Ekonomi negeri Johor adalah penyumbang ketiga terbesar kepada KDNK negara di belakang Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2022 dan 2020. Pada tahun selainnya dari tahun 2015 negeri Johor adalah penyumbang keempat terbesar. Ini menunjukkan stabilan ekonomi Johor dikalangan negeri-negeri lain dari segi prestasi dan juga saiz ekonominya.

Prestasi dan sumbangan ekonomi Johor ini dijangka akan berterusan dan membesar lagi dalam masa akan datang terutamanya dengan strategi-strategi oleh kerajaan negeri yang telah dibentuk untuk masa depan Negeri Johor.

### **Lokasi Ekonomi Yang Strategik**

Lokasi negeri Johor membuatkan ia sebagai pintu kemasukan pelaburan dari Selatan Malaysia dan juga aktiviti ekonomi dari kawasan serantau lebih-lebih lagi daripada Singapura. Kedudukan ekonomi Johor membuatkan ia secara tidak langsung sebuah ekonomi yang bertaraf serantau. Ekonomi Johor bersaing terutamanya dengan Singapura dan juga dari negeri berhampiran seperti Indonesia. Pendedahan ekonomi Johor kepada aktiviti serantau akan sentiasa membuatkan ia sebagai satu ekonomi yang bercirikan global dan sejajar dengan ini kerjaan negeri akan sentiasa mengariskan strategi-strategi untuk berdaya saing yang lebih memandang ke hadapan.

### **Sektor Perkhidmatan yang Kukuh dan Stabil**

Dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri, prestasi ekonomi sektoral terutama sektor perkhidmatan telah menonjol pada tahun 2022. Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 10.8% berbanding tahun sebelumnya, dengan nilai tambah sebanyak RM75.7 billion pada tahun 2022. Pertumbuhan positif ini didorong oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman, serta penginapan yang meningkat sebanyak 19.7% berbanding dengan penurunan 0.9% pada tahun sebelumnya. Prestasi sektor perkhidmatan juga berkembang dengan pulihnya aktiviti pelancongan selepas pembukaan semula laluan darat Tambak Johor dan Lebuh raya Linkedua.

### **Kekal Meraih Jumlah Pelaburan Yang Besar**

Dengan suasana ekonomi serantau yang mencabar, Negeri Johor masih berjaya menarik sejumlah RM14.6 bilion bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan pada tahun 2022. Ini menandakan peningkatan sebanyak RM7.65 bilion berbanding dengan jumlah pelaburan yang diterima tahun sebelumnya. Di Malaysia, Negeri Johor adalah penerima pelaburan projek pembuatan diluluskan yang tertinggi berbanding Pulau Pinang (RM13.7 bilion) dan Selangor (RM12.2 bilion). Walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi global, projek pembuatan yang diluluskan sebanyak 166 projek, tetap dapat dijalankan pada 2022. Pelaburan yang dicatatkan dijangka dapat mencipta 14,739 peluang pekerjaan baru dalam sektor pembuatan Negeri Johor di masa hadapan.

### **Tahap Urbanisasi Yang Lebih Tinggi Dari Tahap Nasional**


Mengikut Intisari Pendapatan Perbelanjaan Kemiskinan Ketidaksamarataan 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia adalah antara negara-negara di Asia Tenggara yang mempunyai lebih banyak bilangan bandar, dan bilangan penduduk di bandar semakin meningkat dengan pesat. Kadar urbanisasi di Malaysia dianggarkan sebanyak 75.5% pada tahun 2022 berbanding 70.9% pada

tahun 2010. Merujuk kepada Survei Pendapatan Isi Rumah 2022, sebanyak 77.8% isi rumah di Malaysia tinggal di kawasan bandar.

Di peringkat negeri, Wilayah Persekutuan (W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya), Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor (79.1%) mencatatkan peratusan isi rumah melebihi paras nasional di antara 79.1% hingga 100.0%. Bagi Negeri Johor dengan adanya Iskandar Malaysia, kadar urbanisasi di Johor dan kawasan yang berdekatan dijangka akan berkembang lebih tinggi dari paras nasional. Ini juga akan di dorong oleh pertumbuhan sektor-sektor tertentu yang mendapat sokongan pelaburan yang mantap yang akan menghasilkan peluang pekerjaan yang lebih banyak.

### **Pendapatan Isi Rumah Yang Tinggi Dikalangan Penduduk Negeri Johor**

Bagi pendapatan purata pula, mengikut Intisari Pendapatan Perbelanjaan Kemiskinan Ketidaksamarataan 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, W.P. Putrajaya merekodkan pendapatan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM13,473, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (RM13,325), Selangor (RM12,233) dan Johor (RM8,517). Negeri-negeri ini merekodkan nilai pendapatan purata lebih tinggi daripada paras nasional, RM8,479.




**Rajah 6.1: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (RM) Mengikut Negeri, (2019 Dan 2022)**

### Johor Sebagai Sebuah “Developed State” Berdasarkan HDI

Dari segi definisi “*Developed State*” berdasarkan HDI seperti yang di buat oleh UNDP, Malaysia terletak di bawah kategori” Very high human development” iaitu kategori yang tertinggi dan kategori selebihnya adalah “High human

development”, “Medium human development” dan “Low human development”. Malaysia berjaya mencatat nilai 0.803 pada skala HDI pada tahun 2021<sup>19</sup>(HDI dinyatakan sebagai nilai antara 0 dan 1. Semakin tinggi pembangunan manusia sebuah negara, semakin tinggi nilainya). Pada peringkat negeri pula, taburan tahap HDI mengikut negeri adalah seperti Rajah 6.2.



**Rajah 6.2: Paras HDI negeri-negeri Malaysia**

Sumber: Global Data Lab

<sup>19</sup> Human Development Report 2021/2022, UNDP

Oleh yang demikian untuk membentuk definisi “*Developed State*” ianya tidak menjadi ketetapan yang tinggi untuk memasukkan ciri-ciri kewangan atau kredit, akan tetapi tahap pendapatan negeri itu sendiri hendaklah ditetapkan dalam definisi kerana ia dapat memberi gambaran terhadap kemakmuran negeri itu dari segi kekuatan ekonomi dan pembangunan. Dengan lebih terperinci, HDI yang dibina merangkumi dimensi-dimensi yang diukur dengan penunjuk-penunjuk berikut<sup>20</sup>:

1. Pendidikan: Jumlah tahun persekolahan dewasa berumur 25 tahun ke atas dan Jumlah tahun persekolahan yang dijangka bagi kanak-kanak berumur 6 tahun;
2. Kesihatan: Jangka hayat pada kelahiran';
3. Taraf hidup: Pendapatan Kebangsaan Kasar per kapita (PPP, USD 2011).

Berdasarkan kepada model HDI ini, paras HDI Malaysia pada peringkat negeri adalah seperti Jadual 6.1 dibawah.

Region	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Malaysia	0.769	0.773	0.780	0.785	0.792	0.797	0.803	0.805	0.807	0.810	0.806	0.803
Johor	<b>0.783</b>	<b>0.786</b>	<b>0.793</b>	<b>0.799</b>	<b>0.806</b>	<b>0.811</b>	<b>0.817</b>	<b>0.819</b>	<b>0.821</b>	<b>0.824</b>	<b>0.820</b>	<b>0.816</b>
Kedah	0.767	0.770	0.777	0.782	0.789	0.794	0.800	0.802	0.804	0.807	0.803	0.799
Kelantan	0.738	0.741	0.748	0.754	0.760	0.765	0.771	0.773	0.775	0.777	0.773	0.770
Kuala Lumpur Federal Territory	0.823	0.826	0.833	0.840	0.846	0.852	0.858	0.861	0.863	0.866	0.862	0.858
Labuan Federal Territory	0.744	0.748	0.754	0.759	0.766	0.771	0.776	0.779	0.781	0.784	0.781	0.777
Melaka	0.792	0.796	0.802	0.808	0.815	0.820	0.826	0.829	0.831	0.833	0.830	0.826
Negeri Sembilan	0.787	0.790	0.797	0.803	0.809	0.815	0.821	0.823	0.825	0.828	0.824	0.820
Pahang	0.763	0.767	0.773	0.779	0.785	0.791	0.796	0.798	0.801	0.803	0.800	0.796
Perak	0.774	0.778	0.784	0.790	0.797	0.802	0.808	0.810	0.812	0.815	0.811	0.807
Perlis	0.764	0.767	0.774	0.780	0.786	0.792	0.797	0.799	0.801	0.804	0.800	0.797
Pulau Pinang	0.802	0.805	0.812	0.818	0.825	0.830	0.837	0.839	0.841	0.844	0.840	0.836
Sabah	0.672	0.676	0.681	0.687	0.692	0.697	0.702	0.704	0.706	0.709	0.705	0.702
Sarawak	0.706	0.709	0.715	0.721	0.727	0.732	0.738	0.739	0.741	0.744	0.740	0.737
Selangor	0.819	0.823	0.829	0.836	0.842	0.848	0.854	0.856	0.859	0.862	0.858	0.854
Terengganu	0.758	0.762	0.768	0.774	0.780	0.786	0.792	0.794	0.796	0.798	0.795	0.791

**Jadual 6.1: Paras HDI negeri-negeri Malaysia (2010 – 2021)**

Sumber: Global Data Lab

Walaupun model HDI mengandungi 3 ciri-ciri yang penting untuk menilai pembangunan manusia, namun merujuk kepada proses pembentukan sesuatu klasifikasi itu hendaklah dibentuk secara holistik. Pada peringkat ini, jelas sekali bahawa nilai HDI Negeri Johor secara konsisten berada di atas paras nilai HDI Malaysia sejak 2010.

## PERBINCANGAN DASAR DAN ANALISIS SWOT

### Analisis Keadaan Semasa Ekonomi Negeri Johor Dan Arah Masa Depan

Tahun 2023 telah menyaksikan beberapa peristiwa yang bertemakan beberapa disiplin

<sup>20</sup> Global Data Lab, Subnational Human Development Index (SHDI)

daripada kemampuan ekonomi, kepada kesan-kesan aktiviti ekonomi manusia kepada alam sekitar, serta daya rangkaian bekalan global untuk menghadapi kejutan yang luar jangkaan. Secara keseluruhannya, antara tema yang signifikan pada dekad kedua abad ke-20 adalah pendigitalan ekonomi dan aktiviti perniagaan serta kebimbangan terhadap alam sekitar.

Di Malaysia, fokus Rancangan Malaysia ke-12 adalah terhadap penaiktarafan kapasiti teknologi negara bagi merealisasikan visi negara sebagai negara maju dan berteknologi tinggi. Terdapat juga fokus kepada membersihkan aktiviti ekonomi negara dengan beberapa dasar yang berfokuskan kepada ekonomi hijau – suatu objektif yang disasarkan oleh kerajaan persekutuan dan diangkat oleh inisiatif-inisiatif pada peringkat negeri.

Sejajar dengan itu, pendigitalan dan pendigitan ekonomi merupakan antara gerakan yang signifikan pada peringkat dunia yang sejajar dengan inovasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta amalan ekonomi hijau. Malaysia juga tidak terkecuali daripada gerakan untuk mengalih kepada pengadopsian teknologi tersebut yang dikendalikan oleh institusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Greentech Malaysia di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli & Kelestarian Alam yang mengusahakan beberapa inisiatif untuk mempromosi teknologi tersebut pada peringkat nasional.

Negeri Johor juga telah menekankan kepentingan peralihan kepada ekonomi digital yang boleh dilihat pada Perbadanan Ekonomi Digital Johor (JDEC) serta pengumuman pelan induk pendigitalan Negeri Johor yang dinamakan

Pelan Induk Digital Johor serta inisiatif-inisiatif lain untuk mengukuhkan lagi infrastruktur digital negeri tersebut. Tambahan pula, Negeri Johor juga menyertai dalam program-program di peringkat nasional seperti penyertaan dalam Inisiatif Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDI) bagi pendigitalan yang bersasarkan pembinaan kapasiti digital negeri tersebut.

Negeri Johor juga telah mengumumkan beberapa inisiatif tambahan yang bersasarkan untuk menaik tarafkan lagi kapasiti digitalnya seperti pelaksanaan beberapa dasar menjelang tahun 2023 seperti penaiktarafan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, pelaksanaan sistem bayaran digital JohorPay, dan pembukaan Hab Kemahiran Johor.

Kawasan Iskandar Malaysia juga telah mengusahakan pelaksanaan peralihan kepada ekonomi digital, dengan beberapa inisiatif untuk membangunkan kemahiran digital modal insan di kawasan tersebut seperti program IMSKILL, pembinaan institusi *Tunku Mahkota Ismail Youth Centre* (TMIYC), dan kegiatan untuk memperluaskan rangkaian 5G dalam sempadan kawasan Iskandar Malaysia.

## **Analisis SWOT**


Di bawah ini adalah jadual SWOT di mana kami telah mengenalpasti setiap kategori analisis SWOT. Pada masa ini, Johor mempunyai pelbagai peluang sementara menghadapi ancaman dan cabaran. Kami percaya bahawa Johor boleh menukarkan peluang ini menjadi kekuatan sambil mengatasi cabaran dalam negeri mereka.



**Jadual 6.2: Jadual SWOT Bagi Negeri Johor**

Negeri Johor mempunyai beberapa ciri unik dan merupakan antara ekonomi yang paling cangguh dan kukuh di Malaysia. Ini disebabkan oleh keunikan dan kemajuan negeri ini, yang didorong oleh beberapa kelebihan khusus bagi Johor. Pertama sekali, Johor membanggakan salah

satu tahap produktiviti KDNK yang tertinggi di Malaysia, telah menghasilkan sebanyak RM142.05 bilion pada tahun 2022 dan dijangka berkembang sebanyak 8.71% kepada RM154.43 bilion pada tahun 2023. Ia dengan konsisten memegang status sebagai ekonomi ketiga terbesar di kalangan negeri-negeri Malaysia setiap tahun.




**Rajah 6.3: Perbandingan Lima KDNK Negeri-Negeri Produktif di Malaysia (RM Juta), 2019-2022**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan statusnya, Negeri Johor yang paling ketara adalah visibiliti negeri tersebut kepada pelaburan asing di mana sebahagian yang signifikan disalurkan kepada sektor pembuatan. Berdasarkan maklumat yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai jumlah projek pelaburan yang kedua-terbanyak di Malaysia dengan 166 projek yang bernilai tertinggi antara negeri-negeri di Malaysia (RM14.6 bilion)<sup>21</sup> pada tahun 2022.

Jumlah yang disumbang oleh Negeri Johor menjadikan Negeri Johor menjadi penerima pelaburan yang tertinggi di Malaysia, diikuti oleh Pulau Pinang (RM 13.7 bilion), Selangor (RM12.2 bilion), dan Kedah (RM 12 bilion). Hal yang demikian merupakan suatu indikator bahawa Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang mempunyai ekosistem pelaburan yang kukuh dan sihat – terutamanya dalam sempadan Iskandar Malaysia – yang dipengaruhi oleh usaha-usaha kerajaan Negeri Johor untuk membina kapasiti industrinya.



**Rajah 6.4: Perbandingan Sumbangan Pelaburan ke Dalam Negeri-Negeri Tertentu di Malaysia (%), 2019-2022**

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Selari dengan prestasi sektor pembuatan, Negeri Johor merupakan suatu ekonomi yang mempunyai sektor perkhidmatan yang kukuh di mana ia merangkumi sebanyak 53.27% daripada seluruh ekonomi negeri pada tahun 2022 suatu sumbangan yang kekal stabil tahun-atas-tahun di mana subsektor utiliti merupakan penyumbang utama sektor tersebut. Tambahan pula, Negeri Johor juga merupakan hab logistik yang mempunyai dua pelabuhan utama (Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Johor) yang dipacukan lagi oleh kedudukan negeri yang berdekatan dengan Singapura. Selain daripada

itu, Negeri Johor secara keseluruhannya mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh yang tinggi.

Walau bagaimanapun, kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura memberi manfaat dan cabarannya oleh kerana kesan negatif kepada ekonomi Negeri Johor. Oleh kerana kedudukan matawang Singapura yang tertinggi di rantau Asia Tenggara, Negeri Johor mempunyai isu dengan pengekaln buruh di dalam negeri di mana terdapat aliran keluar tenaga buruh ke Singapura – terutamanya

<sup>21</sup> Malaysian Investment Development Report

apabila kedudukan Ringgit Malaysia merosot pada pentas global.

Selain itu, disebabkan oleh faktor-faktor makroekonomi global dan dasar-dasar negeri di rantau tersebut, Negeri Johor mempunyai salah satu transaksi harta yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Walaupun memiliki salah satu transaksi hartanah yang tertinggi, negeri ini juga mempunyai stok hartanah yang tidak terjual yang tinggi di Malaysia, yang telah menjadi cabaran bagi sektor pembinaan negeri. Walaupun cabaran-cabaran ini menjadi kontroversi besar berkaitan dengan prestasi ekonomi Negeri Johor, ia berfungsi sebagai salah satu halangan kepada pembangunan ekonomi negeri tersebut, dengan peluang-peluang yang berpotensi memberikan pulangan substansial melalui inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan negeri pada tahun 2022 dan 2023.

Negeri Johor mempunyai tanah yang luas dan boleh dibangunkan, yang dijadualkan untuk digunakan dalam projek-projek mega yang diterangkan dalam Belanjawan Negeri 2024 dan dalam taklimat media pada tempoh 2020-2023. Antara projek-projek yang menarik perhatian pelabur adalah penunjukan Zon Ekonomi Khas (SEZ) Johor-Singapura di kawasan Iskandar dan Zon Kewangan Khas (SFZ) di Forest City, yang menjadi titik tumpuan dalam perbincangan media mengenai ekonomi negeri tersebut.

Tambahan pula, pelaksanaan projek RTS Johor Bahru-Singapura juga telah dinyatakan akan mencergaskan ekonomi negeri yang dijangka akan dimirip oleh pembangunan Daerah Perniagaan Antarabangsa Ibrahim (*Ibrahim International Business District*, IIBD) yang baru diumumkan dalam Belanjawan Negeri 2024. Kawasan-kawasan baharu tersebut boleh merangsangkan aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan tersebut yang berpotensi untuk meningkatkan kadar pembangunan bandar-bandar yang berdekatan serta menarik tenaga buruh masuk ke Negeri Johor.

Iskandar Johor dianggap sebagai cerminan agenda inovasi Malaysia dan Singapura, di mana ia menekankan kepentingan teknologi dan

inovasi dalam persekitaran global yang kompetitif. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, di mana Malaysia sedang beralih ke ekonomi hijau, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) telah melancarkan *The Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2025 (LCSBPIM) 2030* di Persidangan Pihak-Pihak (COP) 27 bersama-sama dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Unicef Malaysia. Wilayah Ekonomi IRDA telah menarik banyak syarikat antarabangsa dan multinasional dari seluruh dunia yang membuktikan kelebihan yang ditawarkan oleh wilayah ini.

Ketua Eksekutif IRDA, Dato' Dr Badrul Hisham bin Kassim, telah mengumumkan fokusnya untuk tahun ini akan meningkatkan pelaburan asing dan domestik yang akan meningkatkan peluang pekerjaan, keusahawanan, dan perniagaan untuk penduduk tempatan. Ini juga akan menyumbang kepada peralihan ke ekonomi hijau sebagai sebahagian daripada matlamat Malaysia. Kawasan seperti Sedenak merupakan peluang yang IRDA boleh gunakan untuk meningkatkan ekonomi dan pemulihan sosial rantau ini, dan menjadi platform yang teguh untuk perniagaan dan penduduk bergantung. Ini akan meningkatkan rangkaian akses Johor kepada negeri-negeri lain dan mempercepat pertumbuhan di kawasan dan daerah berdekatan.

## **KENYATAAN CABARAN**

Isu yang perlu diketengahkan adalah cara untuk ekonomi Negeri Johor memantapkan kemampuan dan daya tahan ekonomi bagi jangka masa panjang. Ancaman-ancaman seperti pengumuman pembangunan kawasan Pembangunan Serantau Bersepadu Selatan Selangor (IDRISS) serta isu ketahanan dan kemampuan ekonomi yang dizahirkan daripada faktor makro yang tidak dapat dielakkan menjelang tahun 2024 dan 2025 dijangka akan memberi impak kepada ekonomi negeri.

Walaupun Negeri Johor menawarkan peluang yang lumayan, cabaran ekonomi Johor

sepertimana yang telah dinyatakan adalah intrinsik oleh kerana posisinya berdekatan di Singapura. Maka, terdapat beberapa alternatif yang boleh dijayakan oleh Negeri Johor untuk meningkatkan kekukuhan ekonomi Negeri Johor. Susulan dengan itu, tidak dapat disangkal bahawa Negeri Johor telah menjayakan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk menerajui industri ekonomi hijau serta inisiatif untuk mendigitalkan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, isu yang patut dibincangkan adalah jika pembangunan tersebut dilancarkan dengan saksama dan mampan.

Dari segi pendigitalan ekonomi, sukar untuk disangkal bahawa daerah dan kawasan yang berada dalam posisi untuk memaksimumkan manfaat daripada inisiatif pendigitalan ekonomi adalah kawasan yang lebih maju. Hal yang demikian kerana, demografi yang tinggal di kawasan-kawasan tersebut mempunyai keupayaan untuk mengakses internet dengan lebih mudah oleh kerana infrastruktur internet yang lebih matang berbanding dengan kawasan lain.

Tambahan pula, demografi di kawasan-kawasan yang lebih berada juga boleh dikatakan lebih bermahir dalam keupayaan penggunaan internet dan peramalan digital oleh kerana pendedahan yang lebih mendalam. Ini akan membawa kepada kadar penggunaan teknologi digital yang lebih tinggi dan, sebagai akibatnya, ekonomi digital yang lebih kukuh di kawasan-kawasan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, adalah penting untuk mengakui jurang digital yang wujud tidak hanya di negeri ini tetapi juga di seluruh negara, di mana segmen tertentu dalam populasi mungkin kurang mendapat akses yang sama kepada sumber digital. Kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan dasar-dasar untuk memastikan bahawa faedah inisiatif digital adalah inklusif dan merentasi semua komuniti di Johor dan Malaysia.

Walaupun Johor telah membuat kemajuan dalam memajukan industri hijau dan mewujudkan ekonomi digitalnya, masih terdapat ruang untuk pertumbuhan yang lebih lanjut. Ini melibatkan bukan hanya memberi tumpuan kepada kawasan berpendapatan tinggi tetapi juga melaksanakan

strategi untuk menyempitkan jurang digital sambil memastikan bahawa penduduknya dapat menyertai dan mendapat faedah daripada aktiviti ekonomi digital dan hijau yang sedang berlangsung.

## **HASIL DISKUSI**

### **EKONOMI HIJAU**

Malaysia telah memulakan peralihan untuk menjadi negara bebas karbon menjelang tahun 2050. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah serius telah diambil untuk melawan pelepasan gas rumah hijau (GHG). Selain itu, Malaysia sedang melaksanakan penentuan harga karbon di mana ia akan menggerakkan ekonominya ke arah pertumbuhan bebas karbon, meningkatkan kecekapan sumber, merangsang pelaburan dalam tenaga bersih, dan mengurangkan pelepasan.

Kerajaan Malaysia juga secara aktif mengurangkan bergantung kepada pendapatan berkaitan petroleum. Ini disebabkan oleh jangkaan Penyata Petroleum Nasional (Petronas) akan mengalami penurunan dividen dan royalti petroleum, yang mencerminkan ketidakstabilan ekonomi yang berterusan dan kebimbangan mengenai keselamatan tenaga. Pada tahun 2023, Malaysia telah melancarkan Peta Jalan Peralihan Tenaga Bersih (NETR), yang merangkumi usaha Malaysia untuk mencapai sistem tenaga yang mampan dan inklusif. Peta jalan ini adalah penting jika Malaysia ingin beralih daripada ekonomi berasaskan bahan api fosil tradisionalnya kepada ekonomi hijau bernilai tinggi.

### **Peta Jalan Peralihan Tenaga Bersih (NETR)**

Malaysia telah melancarkan Peta Jalan Peralihan Tenaga Bersih (NETR) pada 29 Ogos 2023 yang merangkumi usaha-usaha Malaysia untuk mencapai sistem tenaga yang mampan dan inklusif. Peralihan tenaga ini akan memerlukan

pembiayaan sehingga RM1.85 trilion menjelang tahun 2050. Peta jalan ini penting jika Malaysia ingin beralih daripada ekonomi berasaskan bahan api fosil tradisionalnya kepada ekonomi hijau bernilai tinggi. Memandangkan sektor tenaga menyumbang hampir 30% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan 1 daripada 4 pekerja adalah dalam sektor ini, peta jalan ini akan memperkuat impak positif dalam melakukan peralihan kepada ekonomi hijau.

### **Sokongan Dari Sektor Swasta dan Pihak Luar**

Selain itu, kerajaan Negeri Johor telah menyokong rancangan untuk penjualan tenaga solar antara negeri dan negara jirannya, Singapura. Kerajaan Negeri Johor telah menyatakan bahawa Johor mempunyai kawasan yang luas yang tidak digunakan dan boleh digunakan untuk pengeluaran tenaga solar. Inisiatif lain bagi Johor untuk beralih ke ekonomi hijau termasuk bekalan air yang mencukupi, di mana negeri ini sedang mencuba kitar semula air sambil juga meminimumkan sumber bekalan airnya.

YTL Corporation Bhd melalui anak syarikatnya, YTL Data Center Holdings Pte. Ltd., juga telah mengumumkan pembangunan pusat data sebanyak 500MW yang merupakan pusat data pertama yang sepenuhnya dikuasakan oleh tenaga solar. Pusat data ini menawarkan kepelbagaian dalam bekalan tenaga dan ketersambungan di atas tapak industri besar, di mana 275 ekar akan didedikasikan untuk pembangunan pusat data. Pusat data ini juga akan melayani pelanggan dari negara jirannya, Singapura, sambil menjadi pemangkin untuk pengembangan.

Transisi ke ekonomi hijau akan memerlukan jumlah pembiayaan yang besar dan penggunaan teknologi terkini. Walaupun Johor telah mengambil langkah proaktif untuk menggalakkan transisi ke ekonomi hijau dengan pelbagai inisiatif dan pembangunan terkini, namun masih

ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Inisiatif kerajaan Negeri Johor mencerminkan komitmen untuk menjalankan transisi ke ekonomi hijau. Selain itu, kerjasama dengan sektor swasta akan membuka peluang bagi negeri ini untuk menerima pelbagai idea dan inisiatif untuk transisi ke ekonomi hijau.

### **EKONOMI DIGITAL**

Sepertimana yang telah dinyatakan, pendigitalan ekonomi merupakan antara polemik yang signifikan bagi ekonomi-ekonomi utama pada peringkat global dan Malaysia tidak terkecuali daripada polemik ini. Dasar-dasar yang telah dilaksanakan serta dasar yang sedang dilaksanakan menjelang tempoh masa 2022-2023 telah memacu semula proses pendigitalan nasional.

Secara keseluruhannya, segala inisiatif yang telah dilancarkan oleh kerajaan Negeri Johor telah berjaya membina kapasiti infrastruktur peralihan ekonomi kepada suatu ekonomi digital. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa langkah tambahan yang boleh dilaksanakan secara serentak yang berpusatkan pembinaan kemahiran dan penambahbaikan kecekapan digital populasi negeri tersebut.

Pemasaran program-program pembangunan kemahiran wajar diperluaskan dan dikerapkan lagi untuk meningkatkan keefektifan program-program tersebut. Tambahan pula, pembinaan pusat-pusat dicadangkan untuk berfokuskan di daerah-daerah yang kurang berada di Negeri Johor untuk memastikan pembangunan yang saksama antara populasi negeri.

### **Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDI)**

Sebagai contoh, program 1 DUN 1 NaDI berfokuskan pembinaan satu Pusat Ekonomi Digital (NaDI) di setiap dewan undangan negeri yang bertujuan untuk membina kemahiran keusahawanan digital bagi komuniti-komuniti di Negeri Johor – suatu komponen yang penting bagi ekonomi digital. Perniagaan kecil dan

sederhana (PKS) merupakan komponen yang terbesar di Malaysia yang berjumlah sebanyak 1.151 juta organisasi di Malaysia yang menggaji sebanyak 48% daripada tenaga buruh Malaysia.

### **NaDI di Negeri Johor**

Pada masa ini, terdapat sebanyak 90 NaDI yang sedia ada di Negeri Johor dan 11 NaDI yang baharu yang meningkatkan jumlah NaDI kepada 101 buah di Negeri Johor pada masa tahun 2022. Secara makro, jumlah NaDI di Negeri Johor tidak mencukupi untuk menjamin pembangunan kemahiran digital secara saksama di Negeri Johor. Kadar purata jumlah NaDI kepada tenaga buruh di Negeri Johor pada suku ketiga tahun 2023 adalah 21,224 orang bagi satu NaDI. Tambahan pula, kebanyakan NaDI tersebut yang mempunyai kehadiran media sosial terletak di Johor Bahru yang merupakan bandaraya yang termaju di Negeri Johor.

Jumlah NaDI di Negeri Johor telah dinyatakan bahawa akan ditingkatkan pada awal tahun 2022, namun, kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah bagi mewujudkan NaDI yang baharu di kawasan-kawasan yang lebih memerlukannya bagi menyediakan peluang bagi komuniti-komuniti tersebut untuk menyertai dengan lebih aktif dalam kegiatan ekonomi digital. Tambahan pula, kerajaan negeri juga perlu memastikan bahawa infrastruktur digital yang sedia ada seperti ketersambungan internet dan peralatan yang disediakan adalah mencukupi bagi tujuan aksesibiliti dan kemampuan program tersebut.

Fokus kepada menyiarkan program-program akar umbi seperti NaDI di Negeri Johor seharusnya ditekankan oleh bagi membina kemahiran digital dalam bidang perniagaan secara saksama antara seluruh populasi negeri. Ia merupakan suatu pemangkin untuk meningkatkan keberkesanan komersil bagi PKS di Negeri Johor yang boleh mendedahkan usahawan-usahawan kecil dan sederhana kepada kaedah dan model perniagaan yang berasaskan perniagaan digital. Hal yang demikian mampu meluaskan keupayaan

perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana untuk menjana hasil dan meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti-komuniti tersebut.

Akhir sekali, pusat-pusat tersebut perlu diwartakan dengan lebih aktif untuk memastikan penyertaan komuniti serta langganan yang tinggi bagi memastikan impak maksimum kepada ahli masyarakat yang menggunakannya.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, Negeri Johor telah mengambil langkah proaktif dalam menggalakkan peralihan kepada ekonomi digital dengan pelbagai inisiatif dan program pembangunan kemahiran. Penyertaan inisiatif persekutuan dan pelancaran program pada peringkat negeri mencerminkan komitmen untuk memperkuat infrastruktur dan keupayaan digital negeri. Walaupun terdapat kemajuan yang ketara, terdapat cabaran seperti ketidakseimbangan geografi NaDI serta keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan komuniti. Dengan fokus pada penambahbaikan kemahiran digital, kesaksamaan geografi, dan keterlibatan komuniti, Negeri Johor dapat terus memajukan ekonomi digitalnya untuk manfaat seluruh negeri.